



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

---

Bil. 9

Selasa

7 Mei 2019

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan

(Halaman 35)

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

Penerangan Menteri Hal Ehwal Ekonomi di Bawah P.M. 13(1)(i)

*Kertas Putih Ke Arah Kelestarian*

(Halaman 35)

*Lembaga Tanah Persekutuan (FELDA)*

(Halaman 35)

Melantik Sebuah Jawatankuasa Pemilih di Bawah P.M. 70

(Halaman 40)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019

(Halaman 41)

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2019

(Halaman 78)

Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2019

(Halaman 99)

Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2019

(Halaman 108)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Selasa, 7 Mei 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam bulan Ramadhan.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama yang baik yang membolehkan kita semalam menangguhkan Mesyuarat pada pukul 7.15 malam untuk membolehkan kita berbuka puasa, dan teruskan sokongan yang demikian.

Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Pertama sekali, diminta Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, dipersilakan.

1. **Puan Asmak binti Husin** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, berapakah fasa pelaksanaan i-SURI, dan sejauh manakah pencapaian terkini.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah hirobbilaalamin. Washolatu wassalamu'ala asrofil ambiyaiwal mursalin. Wa'ala alih wasohbihi ajma'in.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa pada tahun ini bersamaan dengan 1440 Hijrah dan salam Ramadhan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam yang berpuasa pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Program Caruman Sukarela Insentif Suri- i-SURI, merupakan satu inisiatif kerajaan bagi mewujudkan jaringan sosial yang asas kepada kaum wanita. Ia juga bertujuan bagi memperkasakan hak wanita dan mengiktiraf kepentingan peranan kaum wanita, terutamanya dalam kalangan suri rumah. Terdapat tiga fasa bagi pelaksanaan i-SURI itu:

- (i) fasa pertama- caruman secara sukarela dengan insentif kerajaan melalui sumbangan ke akaun KWSP;
- (ii) fasa kedua- caruman secara sukarela juga dengan insentif kerajaan melalui sumbangan ke akaun KWSP dan diluaskan perluasannya, perlindungan sosial kepada suri rumah di bawah kendalian PERKESO; dan
- (iii) fasa ketiga- caruman wajib seseorang suami melalui potongan caruman KWSP dua peratus daripada 11 peratus yang diberikan kepada isteri iaitu suri rumah sepenuh masa.

Fasa pertama telah dilancarkan pada 8 Ogos tahun 2018 dan mula berkuat kuasa dibuka untuk pendaftaran pada 15 Ogos 2018. Bagi pelaksanaan fasa satu tahun 2019, kumpulan sasar yang layak memohon i-SURI telah diperluaskan meliputi wanita dan suri rumah yang berumur 18 tahun ke atas dan sebelum mencapai 60 tahun. Ini kerana 60 tahun, dia mendapat warga emas dan apa-apa yang warga emas dapat semasa pendaftaran dan berdaftar dengan eKasih. Mereka mestilah berdaftar dengan eKasih sehingga 30 November 2018.

Data yang digunakan pada tahun 2018 ialah pendaftaran wanita dan suri rumah yang berdaftar dengan eKasih sehingga 30 Jun 2018. Jumlah suri rumah dan wanita yang telah mendaftar i-SURI sehingga kini 30 April 2019 adalah seramai 107,619 orang yang telah mencapai sasaran kita dan melebihi pun kerana kita sasarkan hari itu seramai 100,000 orang tetapi sudah lebih pada 7,619 orang.

Pada masa kini, kementerian melalui agensi pelaksanaan dan rakan strategik, termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) masih menggiatkan aktiviti promosi i-SURI melalui inisiatif *mobile team* dan siaran media. Inisiatif mempromosikan i-SURI melalui program *outreach* oleh JKM dan AIM dilihat amat membantu dalam memberikan pendedahan mengenai i-SURI kepada kumpulan sasar dan seterusnya meningkatkan jumlah pendaftaran dalam kalangan wanita yang layak dan memenuhi kriteria.

Bagi pelaksanaan fasa kedua, PERKESO telah merangka draf Rang Undang-undang Keselamatan Sosial untuk suri rumah. Berdasarkan semakan, draf RUU tersebut masih di peringkat semakan oleh Kementerian Sumber Manusia sebelum dikemukakan untuk semakan pula oleh Jabatan Peguam Negara dan selepas itu akan dibentangkan ke Parlimen.

Bagi pelaksanaan fasa tiga pula, draf pindaan Akta KWSP 1991 telah disediakan dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen semasa sesi Julai 2019. Walau bagaimanapun, pelaksanaan fasa tiga dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2020. Oleh sebab apa, ia ada perancangannya, ia ada tatacara, ada SOP, itu mestilah dibuat dan diletakkan di dalam *place, put in place first* sebelum dijalankan dan dilaksanakan.

Dengan adanya perancangan ini, kementerian berharap kesejahteraan wanita yang meningkat, terutama wanita dalam kedudukan yang paling rendah dalam negara iaitu suri rumah akan dibela. Beberapa kali telah saya sebutkan i-SURI ini atas inisiatif dan juga mengingatkan bahawa suri rumah juga menyumbang di dalam perkembangan negara.

#### ■1010

Mungkin mereka tidak bergaji, namun mereka masih lagi menyumbang mendidik anak-anak dan ini juga untuk peringatan kerana ibu saya juga dahulu tidak bekerja dan apabila dia membesar kami, dia memberitahu bahawa ini juga- kalau mampu dia telah pergi ke sekolah, namun tidak mampu- dia tidak. Akan tetapi *make sure* bahawa kami anak-anaknya dapat pendidikan yang secukupnya *insya-Allah*. Terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih atas penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. *Ramadhan Kareem* juga saya ucapkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua dan semua.

Berkenaan dengan i-SURI, saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri dan pasukan kerana telah mengambil inisiatif untuk menjaga hak-hak wanita terutama dalam suri rumah ini ada juga hak wanita yang dizalimi. Namun begitu, kalau kita tengok sebenarnya i-SURI ini sedikit sebanyak telah mengambil peranan para suami yang patut dijalankan oleh para suami dan wali.

Lalu soalan saya ialah berkaitan dengan impak sosialisasi undang-undang. Macam mana kita hendak pastikan, apabila kita menjalankan i-SURI ini daripada fasa satu hingga fasa tiga iaitu kita memotong gaji suami ataupun suami terlibat dalam caruman, kita tidak hendak suami ini dia lepas tangan dan kita tidak hendak lelaki yang dihasilkan di Malaysia ini tidak perkasa, itu...  
[Dewan ketawa]

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalannya memang saya setuju sangatlah. Itu adalah salah satu daripada tanggungjawab. Di Dewan Rakyat saya ditanya, apakah isteri nombor dua dan tiga macam mana? Kalau mampu isteri dua dan tiga, mampulah bagi lebihkan. Akan tetapi ini adalah caruman yang wajib ini akan diwajibkan. Dari perkataan itu- *word is 'WAJIBKAN'*. Jadi kita akan tukar Akta KWSP untuk diwajibkan apa sumbangan atau caruman dibuat oleh suami automatik kepada isterinya sebanyak dua peratus daripada 11 peratus. Jadi, kalau automatik itu, itu yang dikatakan pada pertengahan tahun 2020 baru boleh dilaksanakan, walaupun kita sudah luluskan di Parlimen pada Julai *insya-Allah* dijangkakan tahun ini untuk mengadakan pertukaran Akta KWSP itu.

Jadi itu automatik. Tidak ada pilihan lain, masuk ke dalam akaun isteri untuk jaringan sosial kalau apa-apa berlaku. Kalau ada penceraian hidup dan mati atau apa-apa yang diperlukan. Jadi kerajaan pada masa ini dipilih untuk golongan rentan, golongan *vulnerable*, golongan yang miskin dan miskin tegar. Sekarang ini masuk RM5, kerajaan akan bubar RM40. Pada fasa ketiga suami mestilah masuk dua peratus daripada apa yang dicarumkan kepada isteri sebagai penghargaan kepada isteri-isteri yang tersayang. Terima kasih.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, daftar untuk pemohon i-SURI disemak atau dipilih daripada eKasih, namun masyarakat Orang Asli tidak terlibat dalam daftar eKasih. Dia menggunakan Sistem Maklumat penduduk Orang Asli (SMPOA). Bagaimana penyelarasan kementerian dalam memberi ruang kepada komuniti wanita Orang Asli untuk memohon i-SURI ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalannya. Memang betul, ada juga yang tercicir daripada jaringan eKasih yang kita buat dan kita akan panjangkan kepada penyelaras dengan JAKOA untuk mendapatkan senarainya. Dalam eKasih juga saya dapat banyak aduan-aduan kerana kita hendak dapatkan senarai itu dan kita mesti *verify* apakah mereka layak dan mempunyai kriteria. Itu yang menjadi masalah sedikit terbantut dari segi tu.

Namun saya ambil maklum bahawa pihak Orang Asli dan juga mungkin Orang Asal di Sabah dan Sarawak juga memerlukan jaringan ini. Kalau boleh kita sama-sama selaraskan dengan data. Data itu Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah pemutihan juga kerana ada pertindihan banyak. Jadi kita hendakkan supaya mereka yang perlu sebab dana kita terhad. Ideanya baik *alhamdulillah* tetapi apabila dana terhad kita mestilah juga memikirkan yang mana keperluannya tetapi saya ambil maklum Orang Asli, dapat selaraskan dengan pihak JAKOA. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi? Jadi kita ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada YAB Datuk Seri yang datang hadir sendiri menjawab. Terima kasih Yang Berhormat.

**2. Tuan Ismail bin Yusop** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah usaha-usaha kementerian setelah pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) pada persidangan yang lalu dapat dihayati khususnya dalam kalangan mahasiswa agar medium kebebasan bersuara ini tidak lari daripada objektif asalnya.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemotongan perenggan 15(2)(c) AUKU yang dilaksanakan pada persidangan lalu adalah berkaitan halangan bagi pelajar menyertai aktiviti parti politik di dalam kampus yang mana ia dilaksanakan bagi mengimbangi keputusan pindaan berkaitan halangan bagi pelajar menyertai aktiviti parti politik di luar kampus pada tahun 2012. Pindaan tersebut berhasrat untuk memberi lebih kebebasan dan ruang kepada para pelajar untuk menyuarakan pendapat dan pandangan mereka. Universiti bertanggungjawab sepenuhnya dalam mendukung aspirasi ini dan menambah baik garis panduan sedia ada agar selari dengan pindaan terkini AUKU.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga sedang membangunkan akta pendidikan tinggi baharu yang bersifat lebih komprehensif ke arah menjadikan sistem pendidikan tinggi negara yang lebih cemerlang. Akta baharu ini kelak bukan sahaja akan memperkasa para pelajar melalui penubuhan kesatuan pelajar, tetapi akan memberi lebih ruang dan kebebasan kepada kakitangan akademik dalam melaksanakan PDP dan memperkaya serta memperkasakan sistem pendidikan tinggi negara. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Sebelum saya berikan soalan tambahan saya, terima kasih saya ucapkan atas jawapan yang diberikan. Sebenarnya ini bukan kali pertamalah saya bangkitkan tentang kebebasan bersuara mahasiswa di universiti. Namun yang saya terpanggil untuk menimbulkan semula soalan tentang ini kerana apa yang berlaku pada 22 Mac 2019 yang lalu, yang mana enam orang mahasiswa dari Universiti Malaya dikesari sehingga menimbulkan kekecohanlah. Secara peribadi saya lihat isu ini patut dipandang serius supaya insiden-insiden seperti ini tidak berulang semula.

Jadi ringkasnya soalan tambahan saya, adakah kementerian telah mengadakan perbincangan dalaman ataupun ada perancangan usaha-usaha dalam menerapkan pendidikan demokrasi daripada peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti untuk memastikan penghayatan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan serta Rukun Negara dapat dipertingkatkan dan difahami dengan lebih mendalam kerana ini merupakan asas-asas nilai penyatuan pembinaan negara bangsa. Memandangkan kajian Dasar Pendidikan Negara yang telah diserahkan kepada pihak kementerian pada 3 Mei 2019 yang lalu. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Dalam pandangan saya, peristiwa yang berlaku pada 22 Mac 2019 itu bukan menunjukkan bahawa kita telah salah untuk membina AUKU untuk memulangkan kebebasan bersuara kepada mahasiswa. Akan tetapi golongan yang tidak menghormati hak mahasiswa kita untuk bersuara, itu yang mereka buat satu kesilapan di sana. Oleh sebab itu, saya masih berpendirian bahawa kita tidak sepaututnya mengehadkan kebebasan mahasiswa-mahasiswa kita oleh sebab orang lain yang tidak hormati hak bersuara mereka.

Akan tetapi sebaliknya kita perlu mempertahankan hak bersuara mahasiswa-mahasiswa kita. Saya bersetuju bahawa dalam sesebuah masyarakat adalah amat *common* bahawa kita ada perbezaan dalam pandangan kita. Akan tetapi kita sentiasa sebut bahawa *I will respect your voice walaupun- we can refer to your opinion, but I will* mempertahankan hak bersuara anda. Jadi itu perkara pertama.

## ■1020

Kedua bagi saya soalan tambahan itu juga hendak tanya bagaimana kita boleh memastikan mahasiswa, murid-murid dan masyarakat kita memang menghayati *spirit*, semangat demokrasi ini. Bagi saya Rukun Negara, Perlembagaan Malaysia, Sistem Demokrasi semua memang ada diajar dalam sekolah, dalam buku teks kita dan juga di tingkatan enam dalam Pengajian Am.

Jadi elemen itu memang sudah ada di sana. Mungkin kita perlu memperkuatkannya lagi dengan membawa lebih banyak elemen dalam konteks buku teks kita ataupun kita boleh bekerjasama dengan NGO-NGO, seperti kebelakangan ini kita bekerja bersama dengan mahkamah di mana kita membawa dan menjemput hakim untuk pergi ke sekolah untuk berkongsi tentang *spirit* Perlembagaan, dan juga semangat undang-undang kita. Saya rasa dengan usaha-usaha sedemikian, kita boleh memastikan bahawa generasi yang akan datang ini memang mereka dapat menghayati semangat kebebasan, hak bersuara dan juga demokratik. Itu jawapan saya.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Selaras dengan pindaan AUKU ini, soalan saya adakah kementerian bercadang untuk membuat pindaan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib)1976 bagi melengkapkan usaha memansuhkan halangan mahasiswa terlibat dengan aktiviti politik dalam kampus? Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Kita memang dalam usaha untuk membangunkan akta pendidikan tinggi baharu. Memang salah satu hasrat ataupun salah satu aspek yang kita pandang sekarang dan yang kita ambil sekarang adalah kita gabungkan ketiga-tiga ataupun semua akta yang relevan tentang pendidikan tinggi ini untuk menjadi satu akta baharu.

Setakat ini, kita masih dalam peringkat untuk sesi libat urus dan selepas itu diharap bahawa pada bulan Jun yang akan datang ini satu kerangka akan kita bangunkan dan selepas itu, kita bolehlah membawa penyediaan nota pendahuluan kepada Jemaah Menteri. Kalau mengikut *timetable* kita, pada bulan Julai sehingga Oktober, kita berhasrat untuk membuat sesi *townhall* untuk membuat *public engagement*. Kita harap bahawa akhirnya, rang undang-undang yang baharu ini dapat dibentangkan di Parlimen, Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara pada tahun 2020 selepas kita mendapat kelulusan daripada AGC dan juga daripada Kabinet.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, minta satu soalan kalau dibenarkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya memang menyokong agenda ini tetapi pada masa yang sama saya mahu melihat kebebasan ini masih lagi dalam konteks pendidikan. Saya hendak pelajar-pelajar mahasiswa masih belajar. Jadi, saya memohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi saya universiti ini ialah tempat suara akal sihat di mana ada pensyarah, kalau *research*-nya memang *research*, kalau ilmunya ilmu.

Jadi soalan saya, dalam kita menggalakkan hubungan di antara pendidikan dan politik, memberi kebebasan. Saya ingin memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, apa salahnya sekiranya SPR contohnya bekerjasama dengan universiti agar perbahasan dan sebagainya, contoh macam pilihan raya kecil, saya mahu pemimpin-pemimpin agendanya, hujahnya itu dinilai oleh para profesor. Kadang-kadang kita bercakap macam-macam teori tetapi ianya di ruang-ruang yang tidak diduga dengan betul. Jadi ada pandangan mengatakan bahawa sekiranya universiti dan SPR dapat bekerjasama, maka satu perbahasan yang lebih baik dan

kepentingannya untuk pelajar mendengar dan menilai sejauh mana pemimpin, bakal-bakal pemimpin politik negara mereka sebenarnya betul-betul berhujah ataupun sebaliknya.

Jadi saya mencadangkan agar akta ini juga memberi ruang kepada institusi demokrasi seperti SPR bekerjasama dengan universiti dan menguruskan satu perbahasan yang sihat untuk pelajar mendapat pengalaman.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Saya rasa setakat ini walaupun rang undang-undang yang baharu belum diwujudkan tetapi setakat ini kita memang tidak ada apa-apa sekatan kalau sesbuah agensi kerajaan seperti SPR hendak masuk ke kampus untuk mengadakan apa-apa aktiviti sama ada forum, sesi libat urus ataupun perbahasan, kita memang tidak ada halangan. Saya rasa itu adalah apa yang kita hendak- pindaan yang kita buat pada tahun lalu iaitu, *that is our intention*, Hasrat kita bahawa kita memang hendak menggalakkan mahasiswa-mahasiswa kita supaya mereka ada kebebasan untuk berpolitik. Berpolitik ini saya rasa banyak aspek, kita perlu lebih memahami sistem pemilihan kita, kita perlu lebih memahami sistem ataupun isi kandungan Perlembagaan negara kita dan sebagainya.

Jadi untuk aktiviti ini bukan sahaja kita menggalakkan ahli politik boleh dijemput untuk masuk ke dalam kampus tetapi untuk agensi-agensi kerajaan seperti SPR, kalau pengerusinya memang sudi meluangkan masa pergi ke UM, pergi ke mana-mana satu universiti untuk membuat satu *Townhall Session* saya rasa ini memang digalakkan. Kita pulangkan autonomi ini kepada pelajar-pelajar, kepada universiti supaya mereka ada *ownership* mereka boleh menganjurkan forum ataupun *townhall* ataupun perbahasan yang mereka memang minat. Tanggungjawab kita adalah memantau sahaja. Setakat itu sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching, Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dan terima kasih lagi. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Silakan.

**3. Tuan Haji Muhamad bin Mustafa** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah harga tiket kapal terbang berada di dalam kawalan kerajaan; dan
- (b) apakah status terkini berhubung tindakan kawalan harga tiket kapal terbang yang telah diambil setakat ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Al-Fadhil Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa kerana telah membawa soalan berkaitan dengan harga tiket kapal terbang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan tidak menetapkan sebarang kawalan terhadap harga tiket kapal terbang dan membenarkan syarikat-syarikat penerbangan termasuk syarikat penerbangan tambang murah untuk menetapkan harga tambang berdasarkan keputusan komersial mereka masing-masing. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Justeru itu, bagi tujuan mengatasi masalah kenaikan harga yang melampau, harga tambang terutama bagi musim perayaan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dalam mesyuarat dengan syarikat-syarikat penerbangan pada 4 September 2018 lalu telah memutuskan langkah-langkah seperti berikut.

Pertama, sebagai langkah interim, kerajaan tidak akan menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik bagi tujuan mengelakkan sebarang manipulasi oleh syarikat-syarikat penerbangan yang mana berdasarkan kajian yang telah kita buat, purata harga tiket akan menjadi lebih tinggi walaupun di luar musim perayaan sekiranya kawalan harga ini dilaksanakan.

Kedua, kerajaan akan terus membenarkan harga tiket ditentukan oleh pasaran semasa yang mana syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Ini perayaan Gawai akan bermula dalam beberapa minggu lagi, harga tiket pun akan dikurangkan dan penerbangan akan ditambahkan pada musim Gawai akan datang ini.

Ketiga, bagi mengurangkan kenaikan harga tambang sempena musim perayaan, kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus bagi tempoh tujuh hari sebelum musim perayaan, Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Kaamatan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi.

Keempat, dalam hubungan ini, kementerian akan turut mendapatkan kerjasama daripada operator lapangan terbang, syarikat pengendalian darat, perkhidmatan ERL dan teksi untuk melanjutkan operasi di lapangan terbang yang berkaitan dalam tempoh tujuh hari tersebut.

#### ■1030

Kelima, orang ramai di saran untuk membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian di saat akhir.

Keenam, pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah diminta untuk membuat pemantauan berhubung pengenaan kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat penerbangan dan meneliti impak pelaksanaan kaedah interim ini.

Sekiranya, kaedah ini tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga tambang sempena musim perayaan pihak kementerian akan mempertimbangkan semula cadangan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik.

Susulan daripada penambahan penerbangan bagi beberapa laluan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara semasa Tahun Baru Cina tahun ini. Harga tiket penerbangan secara puratanya telah menurun di antara 19.8 peratus sehingga 57 peratus berbanding tempoh musim perayaan yang sama pada tahun 2018 yang lalu bergantung pada waktu tempahan tiket dibuat. Dalam hubungan ini, tawaran harga tiket penerbangan akan lebih murah sekiranya ia ditempah lebih awal.

Selanjutnya, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bersama-sama *AirAsia* pada 30 April baru-baru ini 2019 telah melancarkan penerbangan tambahan lewat malam sempena Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Kaamatan dengan tawaran tambang rendah tetap untuk penerbangan sehala dari Kuala Lumpur ke Alor Setar, ke Kota Bharu, ke Kuala Terengganu dan ke Johor Bahru. Tambang rendah tetap yang ditawarkan oleh *AirAsia* adalah bermula dari RM99.

Manakala bagi laluan-laluan Semenanjung Malaysia ke Sarawak ialah RM149 dan Semenanjung Malaysia ke Sabah pula RM199. Tambang rendah tetap ini tersedia untuk perjalanan antara 31 Mei dan 17 Jun 2019. *AirAsia* turut menawarkan tambang rendah untuk beberapa laluan terpilih ke Sabah dan Sarawak untuk perjalanan antara 27 Mei dan 30 Mei 2019 iaitu sempena Hari Gawai dan Pesta Kaamatan.

Syarikat penerbangan *Malaysia Airlines* juga akan menambah bilangan penerbangan untuk musim perayaan akan datang ini dengan pakej-pakej tambang yang agak menarik.

Sehubungan dengan ini pihak kerajaan akan terus menggalakkan dan memudah cara semua syarikat penerbangan termasuk Malaysia Airlines Berhad (MAB), *Malindo Air* dan *AirAsia* untuk menambah bilangan penerbangan sempena musim perayaan.

Dengan mengambil pendekatan untuk menambah bekalan atau *supply*, dengan izin, kepada para pengguna. Maka permintaan- *demand*, dengan izin, yang besar dapat dipenuhi dan harga tambang dapat dikawal tanpa perlu campur tangan kerajaan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai secara peraturan arahan kerajaan.

Dalam hubungan ini kerajaan akan terus memantau harga tiket kapal terbang dan sekiranya terdapat unsur manipulasi harga atau penetapan harga yang melampau oleh syarikat penerbangan maka Kementerian Pengangkutan melalui agensi penguatkuasaan MAVCOM akan menyiasat dan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk melindungi pengguna serta memastikan wujudnya persaingan yang sihat di kalangan pemain industri penerbangan dalam negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih, kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah mengenai peningkatan harga tiket kapal terbang ini biasanya berlaku di musim-musim perayaan. Adapun di musim biasa tidak ada masalah.

Sepatutnya pihak penerbangan mengambil kira kerana dari segi caj di musim perayaan ataupun di luar perayaan dari segi penggunaan bahan api dan sebagainya hampir sama. Soalannya, kenapa di musim perayaan ini ditingkatkan atau dinaikkan harganya? Sepatutnya mereka itu memberi harga yang sama kerana penggunaan ataupun bahan api dan sebagainya adalah sama.

Jadi, apa rahsia sebenarnya kenaikan harga ini dengan sendirinya naik walaupun kita buat tempahan awal, kalau di musim perayaan harganya masih lebih tinggi ataupun masih tinggi lagi walaupun di tempah lebih awal. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Itu yang kita jelaskan tadi kenapa harga naik? Sudah tentu itulah dari segi ekonomi ia disebabkan oleh bekalan dan permintaan tidak seimbang. Maknanya, di musim perayaan permintaan akan meninggi manakala bekalan dikawal atau dihadkan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan.

Maka oleh sebab itulah, kementerian sebagai mana yang saya sebutkan tadi telah berusaha dengan syarikat-syarikat penerbangan kita yakni dua perkara untuk menambahkan jumlah penerbangan iaitu untuk perayaan yang akan datang ini daripada 23 Mei 2019 hingga 16 Jun 2019 yang meliputi Hari Raya Puasa, Hari Gawai Dayak dan Pesta Kaamatan ia akan

menambahkan 737 penerbangan daripada yang dipanggil *schedule flight* ataupun penerbangan yang sudah pun tetap berkala. Sejumlah 3,776 akan ditambah lagi 737 penerbangan setakat ini oleh kedua-dua syarikat penerbangan besar iaitu Malaysia Airlines Berhad dan *AirAsia*. Ada satu penerbangan Langkawi ke MKZ. Tidak berapa pasti ringkasan nama lapangan terbang itu oleh Syarikat *Malindo*... [Disampuk]

**Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:** Melaka...

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Melaka ya? Hah, Melaka ini. Langkawi ke Melaka akan ditambah daripada 21 ditambah 16- jadi 30 penerbangan untuk rakyat Melaka berhari raya di Langkawi atau sebagainya.

Ini adalah cadangan tambahan yang sudah pun dipersetujui. Maka itu sahaja yang boleh kita lakukan untuk memastikan bahawa khidmat penerbangan akan dapat menampung peningkatan keperluannya di musim-musim perayaan tanpa penambahan bayaran tiket yang mungkin kita alami dalam tahun-tahun yang sebelum ini. Terima kasih.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkenaan dengan aspek ini berkenaan *rural air services*. Adakah sebab jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi lebih merangkumi kepada aspek penerbangan sektor komersial yang utama seperti sektor utama.

Akan tetapi di Sabah, Sarawak masih banyak juga sektor-sektor yang dikategorikan sebagai sektor penerbangan *rural air services*. Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa penerbangan sektor-sektor *rural air services* ini yang kebanyakannya dioperasi oleh *MASwings* di Sabah dan Sarawak untuk terus mendapat, memastikan tambang ini berpatutan untuk kegunaan masyarakat khasnya di luar bandar.

Kita tahu di Sarawak antaranya banyak *airport* ataupun lapangan terbang *very short take-off runways- V/STOL*. Jadi, kebanyakan masyarakat di sini masih menggunakan penerbangan ini. Jadi, kita mahu tanya kepada Kementerian Pengangkutan apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa tiket-tiket dan juga kos penerbangan ke sektor-sektor ini dapat juga dikawal. Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana bertanya berkaitan dengan perkhidmatan *rural air services* oleh *MASwings*.

Sebagaimana kita maklum, walaupun saya tiada maklumat terperinci dengan saya. perkhidmatan RAS ini memang sudah pun, sebagaimana kita maklum disubsidikan oleh kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan.

Oleh sebab itu, ia adalah keadaan yang saya fikir dipantau secara langsung oleh Kementerian Pengangkutan tanpa kebebasan penetapan harga sebagaimana yang dilakukan terhadap penerbangan-penerbangan yang lain yang kita rujukkan dalam soalan awal tadi.

Kedua, saya boleh maklumkan bahawa oleh sebab ia di subsidi atau dibiayai oleh sebahagian besarnya oleh kerajaan ia diberikan pemerhatian yang amat-amat khusus kerana jika syarikat *MASwings* yang mengendalikan RAS ini tidak menepati ataupun tidak efisien dalam perjalanan maka ada kenaan-kenaan yang akan dilakukan oleh kementerian.

Jika ia berlangsung dengan efisien maka keuntungan akan diperoleh oleh syarikat itu. Jadi kawalan ini dilakukan maka lebih ketat daripada syarikat-syarikat penerbangan lain yang berkhidmat di lapangan-lapangan terbang yang lain itu.

#### ■1040

**Datuk Ng Chiang Chin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Last.*

**Datuk Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, dari segi ekonomi dari segi logiknya, kalau *aircraft* dalam musim perayaan penuh, patut harga turun. Ini kerana kos per *passenger* dia turun, maka tidak logik *full load* harga mahal. Patut yang dia naik harga itu kapal terbang setengah *load* atau *10 percent passenger* dia, harga itu baru betul daripada segi logik.

Nombor dua, soalan tambahan saya. Kenapa MAS yang selalu jual harga mahal boleh rugi sebab apa, saya rasa fasal dia mahal tak ada *passenger*, maka dia rugi. Mengapa AirAsia boleh untung? Fasal dia murah, dia *average* dia boleh untung. Daripada segi ini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan boleh buat satu kajian yang lebih teliti, *full load* tidak patut mahal, *low load* boleh mahal sedikit tidak apa. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Senator Datuk Ng Chiang Chin yang memberikan keadaan senario-senario kapal terbang *full load* dan sebagainya. Ini sebagaimana kita sebutkan adalah merupakan dasar kerajaan dari segi

perniagaan ekonomi adalah terpulang kepada syarikat masing-masing untuk menentukan harga kadar yang boleh menarik penumpang untuk menggunakan penerbangan.

Sebagaimana logik yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin tadi, kalau ramai penumpang dan harga yang munasabah, keuntungan akan diperoleh. Saya amat yakin syarikat-syarikat penerbangan yang dikawal juga dan diperhatikan oleh MAVCOM akan mengambil kira semua pertimbangan-pertimbangan ini. Harga apa yang terbaik untuk mendapatkan penumpang yang paling ramai atau banyak, ataupun penumpang yang mencukupi untuk memperoleh keuntungan.

Tentang MAS pula, ini adalah unsur-unsur sekali lagi perniagaan syarikat itu sendiri. Saya fikir unsur-unsur perniagaan ini secara langsungnya tidak berada di bawah tanggungan Kementerian Pengangkutan. Ia sebuah anak syarikat yang dikawal oleh kementerian yang lain dan oleh itu aspek-aspek perniagaannya saya fikir perlulah diberi perhatian di bawah tanggungan kementerian yang lain pula.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Dato' Kamarudin Jaffar, Menteri kita yang telah memberi penjelasan jawapan yang tepat. Jadi sekarang terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Dato' Kamarudin Jaffar, orang lama kita ini.

Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, silakan.

**4. Datuk Lim Pay Hen** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah definisi atau harga lingkungan ditentukan oleh kementerian bagi rumah mampu milik atau kos rendah di bawah Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025 yang telah dilancarkan pada 28 Januari 2019 dan Piawaian Perumahan Berkualiti (PBB) untuk golongan B40 serta M40.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Selamat menyambut Ramadhan Kareem.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Dasar Perumahan Negara 2018-2025 yang telah dilancarkan pada 28 Januari 2019, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merangka 57 pelan tindakan. Antara pelan tindakan di bawah Dasar Perumahan Negara adalah untuk menambahbaikkan *accessibility* dan kemampuan memiliki rumah serta memastikan perumahan yang berkualiti dan berdaya huni.

Di bawah Dasar Perumahan Mampu Milik, harga rumah mampu milik adalah RM300,000 ke bawah. Harga rumah mampu milik di formulasi melalui pendekatan *median multiple* untuk membandingkan tahap kemampuan memiliki rumah. Kaedah ini mendefiniskan bahawa sesebuah rumah dianggap mampu dibeli jika harga jualannya kurang daripada tiga kali pendapatan tahunan isi rumah median. Melalui kaedah ini, penetapan kategori harga rumah mampu milik adalah berdasarkan median pendapatan isi rumah mengikut kawasan iaitu bandar dan luar bandar.

Penetapan kategori harga rumah ini juga dibahagi kepada dua kategori. Satu iaitu di bawah RM150,000 dan yang kedua adalah di antara RM150,000 hingga RM300,000.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, untuk memastikan golongan B40 dan M40 dapat memiliki rumah yang berdaya huni, selesa dan selamat, piawaian perumahan berkualiti iaitu Standard Perumahan Kebangsaan telah digariskan di bawah Pelan Tindakan DRN 2018-2025. PBB ini adalah untuk memastikan setiap projek perumahan yang dibangunkan memenuhi piawaian minimum perumahan yang berdaya huni, selesa dan selamat. Standard ini mengambil kira lima parameter sebagai asas penentuan iaitu:

- (i) perancangan reka bentuk;
- (ii) kemudahan masyarakat;
- (iii) kemudahan perkhidmatan yang perlu;
- (iv) keselesaan dan keselamatan; dan
- (v) pembangunan mampan.

Selain itu, skop garis panduan dalam Standard Perumahan Kebangsaan menetapkan kriteria dalam tiga kategori utama iaitu satu standard perancangan di mana semua perancangan dan reka bentuk hendaklah memenuhi kehendak Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Merujuk kepada garis panduan piawaian perancangan perumahan yang disediakan oleh PLANMalaysia, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jabatan-jabatan teknikal.

Kedua- standard reka bentuk. Semua perancangan dan reka bentuk hendaklah mematuhi kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS) yang berkuat kuasa di negeri masing-masing termasuk pindaan terkini.

Ketiga adalah standard pembinaan iaitu bahan atau produk yang digunakan dalam pembinaan perumahan hendaklah menepati *Malaysian Standard* dan standard industri pembinaan terutamanya pada ciri-ciri keselamatan dan kualiti.

Tambahannya Yang Berhormat Senator, sekarang ini KPKT juga mencadangkan untuk meningkatkan lagi kualiti rumah-rumah yang disediakan di bawah kategori mampu milik ini

dengan memasuki satu lagi cadangan untuk mengadakan SIA atau *Social Impact Assessment* atau apa yang boleh dikatakan Kajian Impak Sosial untuk memastikan kualiti hidup dan kualiti bangunan-bangunan dan persekitaran yang dibina akan memberi satu keselesaan yang jauh lebih baik daripada bangunan-bangunan yang telah dibuat sebelum pada ini.

Ini termasuklah kemudahan sosial, rekreasi, keselamatan dan juga apa juga yang diperlukan untuk menambahkan kualiti pembelajaran termasuk mungkin mengadakan perpustakaan dan tempat-tempat interaksi untuk anak-anak boleh membuat kajian pelajaran dan sebagainya. Itulah di antara perkara-perkara yang sedang dilakukan dan di dalam perancangan untuk ditambah baik untuk memastikan kualiti rumah mampu milik akan menjadi rumah yang betul-betul berkualiti dan bukan substandard. Sekian, terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan boleh?

**Datuk Lim Pay Hen:** Tuan Yang di-Pertua. Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi tadi.

Soalan tambahan saya ialah, sejauh manakah pihak kementerian boleh memberi jaminan pembinaan rumah mampu milik di bawah Dasar Perumahan Negara ini benar-benar boleh diklasifikasikan sebagai mampu milik oleh rakyat terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah iaitu RM2,500 dan ke bawah? Apakah sasaran serta inisiatif pihak kementerian bagi memastikan rumah mampu milik ini bukan sahaja mampu disiapkan pada masanya malah mampu dibeli oleh golongan B40 sehingga kita tidak lagi mengalami masalah lambakan rumah tidak terjual pada masa hadapan?

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, dengan ura-ura menyatakan Perbadanan PR1MA Malaysia akan dimansuhkan. Sejauh manakah ia akan memberi kesan terhadap Dasar Perumahan Negara yang telah dirangka dan apakah penilaian secara keseluruhan yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian terhadap model perniagaan PR1MA itu? Sekian, terima kasih.

#### ■1050

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Baik, terima kasih atas soalan tambahan tadi.

Seperti kita tahu, harga kos pembinaan bergantung pada tiga faktor utama iaitu, pertamanya, kos tanah iaitu yang boleh ditetapkan oleh *market value* atau boleh direndahkan oleh kerajaan negeri yang berhasrat untuk memberi rumah kepada golongan yang berhajat dengan harga yang betul-betul rendah.

Kedua adalah kadar keuntungan di mana pihak pemaju akan menetapkan kaedahnya dan juga kadar keuntungan yang difikirkan sebaik mungkin untuk perniagaan mereka. Di dalam kajian baru-baru ini yang telah dijalankan oleh Khazanah dan juga Bank Negara, kita mendapati walaupun kos *construction* atau pembinaan tidak naik begitu banyak tetapi kos jualan atau *market value* telah bertambah sekali ganda. Itulah *discrepancy* yang kita hadapi dan kita perlulah mengkaji faktor-faktor yang berkaitan di mana letaknya kenaikan yang tidak boleh dikawal.

Ketiga- kos mematuhi syarat-syarat untuk kelulusan untuk mendapat CCC. Di sini juga ada rungutan daripada pemaju dan juga kontraktor bahwasanya kos untuk menepati syarat-syarat teknikal ini makin bertambah seperti permintaan daripada TNB, Indah Water dan sebagainya, di mana mereka rasa kos-kos ini boleh memberi satu kesan yang meningkatkan lagi kos pembinaan.

Satu lagi perkara yang selalu disebut oleh pemaju adalah tentang kelambatan kelulusan. Walaupun dari segi teorinya *one-stop agency* sepatutnya mengurangkan kelambatan kelulusan dan mempercepatkan atau menambahkan *efficiency* kelulusan tetapi banyak waktunya perkara-perkara ini tidak berlaku sedemikian rupa. Ini adalah satu lagi perkara yang kita perlu hadapi dan atasi dalam waktu terdekat untuk memastikan *one-stop agency*, dengan izin, berfungsi sebagai yang sepatutnya.

Untuk menjawab soalan tentang syarikat PR1MA yang dikatakan mungkin akan dibubarkan, sebenarnya ia masih di dalam peringkat kajian. Ini kerana masalah-masalah yang dihadapi oleh PR1MA agak, ya lah, nak kata kritikal, saya pun belum tahu lagi. Kita masih mendengar atau menunggu laporan daripada pihak-pihak yang tertentu, *independent consultant* untuk mengadakan audit yang terperinci, yang lengkap di mana kita jangka dalam waktu sebulan dua lagi akan siap. Sehingga satu laporan terperinci yang muktamad atau yang *final*, kita masih lagi belum dapat membuat satu kesimpulan apakah yang akan menjadi untuk masa hadapan PR1MA.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator juga, kalaularah akan diadakan suatu pengubahsuaian dari segi struktur atau kewujudan PR1MA, sebenarnya secara keseluruhannya apabila PR1MA, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan juga Perumahan Penjawat Awam yang telah dipindahkan semuanya daripada jabatan-jabatan lain ke KPPT, akan dirasionalisasikan atau disatukan di bawah KPPT, kami akan membuat satu struktur baru untuk menempatkan semua agensi dan badan-badan perumahan ini di bawah satu payung yang lebih senang untuk dirasionalisasikan dan lebih efisien daripada segi fungsinya dan juga dari segi

mengawal kos pentadbiran dan *monitoring* dari segi pembahagian rumah-rumah ini di bawah kategori-kategori tertentu.

Itulah yang saya dapat sampaikan pada waktu ini sehingga kami dapat laporan terperinci oleh pihak akauntan yang ditugaskan untuk audit. Sekian, terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Soalan tambahan. Terdapat banyak rumah kos rendah ini sudah lama, ada yang mencapai usia 30 tahun, 40 tahun yang sangat usang dan tidak sesuai untuk didiami. Bahkan ada yang satu bilik, anaknya sampai lima, enam orang. Apakah polisi kerajaan untuk *urban renewal*? Sebab, *urban renewal* ini agak popular di negara-negara maju tetapi di Malaysia agak sukar dilaksanakan. Apakah kerajaan bersedia untuk membina akta *urban renewal* bagi membangun semula rumah-rumah yang sudah lama ini?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Ya, terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Dr. tadi, sahabat saya.

Untuk rumah-rumah yang dikatakan 30, 40 tahun, selalunya di negara-negara yang lebih maju, mereka selalunya ada perancangan untuk *upgrade* tempat tinggal mereka atau habitat mereka daripada rumah yang katalah di bawah kategori RM300,000, selepas tempoh tertentu kepada kategori yang lebih tinggi mungkin RM600,000 atau RM700,000. Akan tetapi malangnya di Malaysia, kerana kos pembinaan dan juga tangga gaji yang tidak meningkat sepatutnya, perkara ini tidak mudah berlaku.

Jadi untuk masyarakat kita *upgrade* tempat duduk mereka katalah daripada *terrace house* ke *semi D* dan sebagainya seperti yang berlaku di negara-negara lain, tidak berlaku dengan sepatutnya. Itulah realiti yang kita hadapi hari ini kerana kurang kemampuan, seperti yang saya katakan tadi, kos pembinaan terlalu tinggi dan cepat naiknya sehingga mereka tidak dapat menampung dengan kenaikan gaji yang tidak sebegini.

Tentang *urban renewal*, saya rasa apabila kita dapat mengatasi *basic requirement* untuk rumah mampu milik ini, saya rasa kerajaan melalui KPKT juga dapat memberi satu tumpuan yang lebih fokus kepada *urban renewal*. Memang betul, *urban renewal* ini patut dilakukan kerana salah satu daripada masalah yang kita hadapi hari ini adalah untuk mereka memiliki rumah dan dengan pendapatan yang terhad, banyak golongan yang terpaksa memilih lokasi yang agak jauh daripada tengah bandar atau tempat-tempat di mana peluang pekerjaan ada. Ini tidak mengatasi masalah mereka kerana walaupun rumah lebih murah tetapi kos pengangkutan menjadi begitu tinggi hingga ini menjadi satu bebanan yang akan dihadapi oleh mereka hari demi hari.

Jadi saya rasa *urban renewal* ini adalah satu perkara yang sepatutnya menjadi prioriti kepada kerajaan kerana kalau ada bangunan-bangunan yang sudah usang yang perlu

*redevelop*, eloklah kita memberi satu tumpuan supaya mereka-mereka yang kurang mampu untuk memiliki rumah di dalam pasaran hari ini boleh dan berpeluang untuk menghadapi situasi di mana mereka tidak terlalu terpencil, terkeluar daripada pusat bandar dan kos *transportation* dan pembaziran waktu untuk *travel* dan produktiviti boleh diatasi. Saya rasa ini di dalam perancangan kita untuk melihat di manakah kita boleh ada satu *urban renewal* untuk membolehkan lagi rakyat yang tidak mampu memiliki rumah dengan harga pasaran hari ini boleh mengambil tempat mereka kalau tidak di pusat pun, hampir dengan pusat-pusat perniagaan dan pekerjaan, *insya-Allah*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah yang telah menjawab dengan panjang lebar.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekejap sahaja. Sila.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk bertanya soalan tambahan. Isu perumahan untuk golongan B40 adalah satu isu yang memang hangat diperkatakan di negara kita.

Pertama sekali, bila disediakan skim perumahan seperti ini, pertama sekali adakah kerajaan mempunyai satu mekanisme untuk melihat bagaimana secara mudahnya pembeli-pembeli itu mendapat pinjaman daripada bank? Itu isu yang pertama.

Keduanya- adakah mekanisme kawalan harga? Ada kalanya sesuatu rumah untuk golongan B40 atau M40 ini ditetapkan pada harga yang tertentu. Itu di peringkat awalnya tetapi selepas itu akan ada berlaku kes-kes tertentu di mana akan ada *supplementary agreements* supaya harga itu semakin bertambah. Jadi tidak lagi mengikut harga asalnya.

Ketiganya, mekanisme bagaimana kerajaan boleh mengawal situasi pasca penjualan? Maksudnya, ada yang golongan B40 membeli satu unit rumah tetapi setelah beberapa tahun memilikinya, dia mungkin tidak ada kemampuan lagi untuk meneruskan bayaran pinjaman bank, maka adakah rumah yang dijual itu dijual dalam satu pasaran yang terbuka?

## ■1100

Bermakna golongan yang berada pun boleh juga memiliki rumah yang sepatutnya disediakan untuk golongan B40. Jadi, adakah mekanismenya di mana kerajaan boleh mengawal *transaction* selanjutnya? Jadi, kalau ia khas untuk B40, maka pemilik yang kedua dan seterusnya mesti juga daripada golongan B40 supaya tidak terlepas daripada sasaran kerajaan untuk menyediakan skim perumahan seperti B40, M40 dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk kemudahan pinjaman, sebenarnya Bank Negara telah memberi satu peruntukan khas RM1 bilion untuk diagihkan kepada bank-bank, khas untuk golongan B40. Skim ini telah dimulakan dan kita juga telah menguar-uarkan skim ini kepada pihak awam.

Di bawah perancangan, kita juga untuk memudahkan pembelian atau penjualan unit-unit ini kepada B40, kita telah mengadakan *Home Ownership Campaign* yang telah dilancarkan di *KLCC Convention Centre* baru-baru ini dan sedang bergerak daripada negeri ke negeri selama enam bulan, di mana banyak diskaun dan juga kemudahan-kemudahan yang agak luar biasa diberi. Di mana bank-bank juga mengambil bahagian untuk memberi insentif dan juga kemudahan pemberian kewangan yang agak tidak diberi kepada pembeli pada waktu-waktu biasa.

Ini memang satu daripada cara untuk kita cuba meringankan lagi bebanan dan untuk membolehkan lebih ramai mereka untuk memiliki rumah. Kita juga telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan bank untuk mengambil sikap lebih proaktif dan lebih inovatif dan kreatif untuk melonggarkan syarat-syarat mereka untuk memberi pinjaman kepada pemilik rumah pertama, khususnya dengan boleh mengambil kira atau *to consider the second or third income* dengan bukti-bukti pekerjaan atau pendapatan yang agak stabil. Ini telah mula dijalankan dan kita nampak adalah peningkatan dari segi kejayaan untuk memberi lebih kelonggaran kepada pembeli-pembeli rumah pertama.

Tentang situasi B40 tadi, kalau B40 telah memiliki rumah tertentu di bawah mampu milik, terutama di bawah KPKT, mereka hanya boleh menjual rumah-rumah ini semula kepada KPKT juga. Ia tidak dibenarkan untuk dijual di *open market*, dengan izin, untuk membolehkan rumah ini dijual kembali kepada mereka dalam golongan yang sama. Jadi Yang Berhormat Senator, saya rasa tidak ada bahaya atau tidak ada ancaman bahawa berlaku ketirisan di sini, di mana setelah memiliki rumah di bawah skim tersebut, ia boleh dijual di pasaran yang terbuka.

Tentang kawalan harga- di bawah KPKT tadi kita telah menyebut bahwasanya di bawah mampu milik memanglah kita hanya ada dua kategori di antara 150,000 hingga 300,000 dan di bawah pada 150,000 dan ini adalah di bawah skim mampu milik di mana kita sekali ini telah meminta kerajaan negeri untuk memberi tumpuan khusus kepada golongan ini dengan memberi banyak kemudahan, bukan sahaja dari segi memberi harga tanah atau premium tanah yang murah tetapi juga untuk memastikan bahwasanya kelonggaran syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tidaklah terlalu tinggi hingga membebangkan *developer* atau pemaju. Di mana

ini akan meningkatkan lagi kos pembinaan kerana *whatever cost*, dengan izin, yang dinaikkan melalui keperluan-keperluan pihak berkuasa akan dipikul oleh pembeli akhirnya.

Sama juga seperti yang saya katakan tadi, untuk mengawal kos-kos rumah mampu milik ini supaya tidak menjadi terlalu tinggi seperti yang dihasratkan, kita meminta pihak-pihak berkuasa memastikan kelulusannya berlaku di dalam waktu atau jangka waktu yang ditetapkan atau dijadualkan untuk memastikan projek ini tidak menjadi projek sakit atau tergendala yang menaikkan lagi kos. Inilah letaknya *efficiency one-stop agency* mesti berfungsi seperti sepatutnya. Oleh kerana banyak juga rungutan bahwasanya *one-stop agency* ini tidak berjalan seperti yang sepatutnya tetapi masih berlaku seolah-olah kita berurusan dengan agensi-agensi atau jabatan-jabatan kerajaan berasingan.

Inilah perkara yang perlu kita baiki. Untuk pengagihan pemberian rumah-rumah ini juga, kita sekarang ini, KPKT telah berusaha dan sedang berusaha dengan secepat mungkin untuk mengadakan satu *database* yang lengkap. Oleh kerana selama ini kita dapat tidak ada satu *database* yang lengkap untuk memastikan mereka yang betul-betul berhak dan betul-betul dalam keadaan tidak mampu membeli rumah di dalam pasaran terbuka, mendapati keutamaan. Apabila kita dapat *database* yang lengkap, kita akan memastikan *target group* yang dihasratkan betul-betul menerima kemudahan ini dan tidak tersasar kepada golongan-golongan lain yang tidak perlu bantuan seperti yang sepatutnya. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah.

Tadi saya kena bagilah Yang Berhormat Senator kita, Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Kalau saya tidak bagi, saya terkilan rasa, lagipun dia datang jauh. Dia terbang daripada Sarawak, jadi kita bagi dekat dia, terima kasih.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid dipersilakan.

**5. Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan, kesediaan kerajaan melakukan perubahan terhadap kerugian MAS kerana model perniagaan yang tidak mematuhi tuntutan syarak, dan mungkin juga tidak mengharamkan hidangan arak dan membiarkan pakaian pramugari yang kurang sopan manakala kaedah jadual penghidangan makanan dan minumannya pula tidak anjal waktu.

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator bertanyakan satu soalan berkaitan dengan Malaysia Airlines Berhad.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan telah memberi mandat kepada Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) selaku pemegang saham tunggal Malaysia Airlines Berhad (*Malaysia Airlines*) untuk bekerjasama dengan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan *Malaysia Airlines* untuk memperbaiki prestasi syarikat penerbangan tersebut.

Untuk makluman, satu kajian semula tentang strategi dan pelan *perniagaan Malaysia Airlines* sedang dijalankan. Cadangan ini akan dikemukakan kepada Khazanah dan seterusnya akan diteliti dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Khazanah untuk diperbincangkan. Hasil daripada perbincangan tersebut akan diangkat kepada kerajaan yang akan memutuskan hala tuju syarikat penerbangan tersebut dalam masa terdekat. Perlu ditegaskan di sini bahawa sebarang keputusan yang bakal dibuat oleh pihak kerajaan akan mengambil kira pelbagai aspek. Termasuk manfaat ekonomi yang dijana oleh *Malaysia Airlines* kepada negara, termasuk dari segi pelancongan dan perdagangan, penyediaan peluang pekerjaan kepada warga tempatan serta peningkatan pendapatan negara dari segi kutipan cukai dan sebagainya.

Berdasarkan kesemua pertimbangan tersebut, dalam membincangkan tentang hala tuju dan masa depan *Malaysian Airlines*, tujuan yang sewajarnya harus diberikan kepada pelbagai aspek manfaat ekonomi yang dijana oleh syarikat penerbangan negara tersebut dan bukan sekadar melihat kepada untung rugi operasinya semata-mata.

Selain itu, kumpulan penerbangan tersebut kini sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan kerugian melalui peningkatan pendapatan dan inisiatif rasionalisasi kos. Berkaitan pematuhan syarak pula, *Malaysian Aviation Group* (MAGB) telah mula mengorak langkah untuk melaksanakan polisi untuk tidak menghidangkan alkohol bagi semua penerbangannya yang berjangka masa kurang daripada tiga jam sejak 1 Januari 2016.

## ■110

Sementara itu, *Malaysia Airlines* juga telah memperkenalkan Amal- sebuah syarikat penerbangan milik penuh MAGB yang mengendalikan penerbangan terjadual dan *charter* ke Jeddah dan Madinah bagi urusan haji dan juga umrah. Sesuai dengan model perniagaan yang dijalankan, semua aspek perkhidmatan Amal adalah patuh syariah.

Selain daripada itu, para penumpang turut disajikan dengan perkhidmatan khusus seperti laungan azan dan tazkirah di atas pesawat, solat musafir, kandungan hiburan dalam

penerbangan ataupun *in-flight entertainment* yang berunsurkan agama, pemberian kit umrah dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tolong tengok *handphone* masing-masing ya. Baik.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan yang diberi. Saya rasa MAS sekarang ini kena dengar suara rakyat. Oleh kerana soalan saya itu merupakan soalan rakyat. MAS, apabila kerugian minta tolong kepada rakyat. Tahun 2017 kita *inject*, kita suntik lebih kurang RM6 bilion kepada MAS. Itu pun masih lagi tidak untung. Jadi, saya lihat model perniagaan ini memang bukan model perniagaan yang menguntungkan. Kalau kita lihat dahulu zaman Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, *alhamdulillah* MAS berkembang begitu baik. Akan tetapi apabila diswastakan, Orang Putih kata- hancurlah, sudah hancur sehingga sekarang.

Maka sebab itu saya menuntut bagi pihak rakyat supaya MAS ubah sikap dan pendirian dengar suara rakyat. Soalan ini sudah berkali-kali. Hari ini jawapannya ada berubah sedikit khususnya mengenai arak. Saya ingin syorkan supaya arak diharamkan terus. Mengapa kita masih bertolak ansur? Oleh kerana MAS merupakan hak rakyat apabila RM6 bilion disuntik kepada MAS untuk mengoperasikannya. MAS juga menzalimi rakyat Tuan Yang di-Pertua, memberhentikan lebih kurang 6,000 orang pekerja pada tahun 2017. Kenapa ia boleh berlaku?

Maka oleh sebab itu saya mohon supaya MAS, lembaga pengarahnya dengar suara rakyat. Hentikan arak.

Keduanya pakaian sopan. Kalau pergi penerbangan haji, boleh pula pakaian sopan Tuan Yang di-Pertua, pergi penerbangan untuk haji. Maka sebab itu kita tuntut supaya ubah pakaianya itu yang lebih sopan, tidak menunjukkan bentuk, tidak menunjukkan *low cut*, letak pen dekat sini... [Menunjukkan aksi berkaitan] Itu memang tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Saya memang sensitif perkara ini. Saya tuntut supaya MAS ubah dan kita muhlihat perkara ini berlaku secepat mungkin dan *insya-Allah* dengan perubahan itu mendapat bantuan Allah dan kita boleh untung balik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maksudnya pakaian kurang sopan ya. Okey sila.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan dan juga cadangan yang telah diberikan. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa kerajaan terutamanya melalui Khazanah sebagai pemegang saham yang terbesar dalam *Malaysia Airlines* masih di dalam proses perbincangan dan memberikan ruang yang sebaik-baiknya dan sebesar-besarnya kepada pihak lembaga pengarah, kepada *Malaysia Airlines* untuk merancang dan *come out*, dengan izin, dengan satu jalan keluar untuk memastikan

bahawa kita boleh *turn around* balik *company* MAS ini. Cadangan yang diberikan dan juga maklumat yang diberikan itu kita ambil maklum dan kita akan sampaikan kepada pihak yang berkenaan.

Seterusnya, ingin ditegaskan di sini bahawa semestinya kita daripada pihak kerajaan sentiasa ingin membantu untuk merealisasikan lagi bahawa MAS ini kembali kepada keuntungan. Seperti mana yang dikatakan tadi, kita memandang serius akan fungsi MAS ini daripada segi untuk mempromosikan nama negara, daripada segi mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan terutamanya, daripada segi mempromosikan imej dan juga pelancongan dan sebagainya. Jadi bukan sahaja kita mengambil kira untung dan rugi MAS sahaja.

Saya ambil maklum cadangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat Senator dan *insya-Allah* kita akan sampaikan kepada pihak yang berkenaan. Terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** Soalan tambahan. Saya dulu?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Asmak binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua bagi saya dulu, wanita.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Ya ke?

**Puan Asmak binti Husin:** Selepas ini Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Okey, terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya mohon jawapan ikhlas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya cadangan untuk supaya MAS dan kapal terbang lain ini menjalankan kaedah yang ikut syarak ini tersekut dekat mana? Oleh sebab saya tahu daripada awal lagi saya masuk ke sini, saya bawa isu ini sebab permintaan rakyat dan daripada pihak Kementerian Pengangkutan, daripada JAKIM sendiri sudah bawa usul ini berkali-kali ini tetapi sering kali usul tersebut maknanya tinggal macam itu sahaja.

Jadi sebenarnya sangkut dekat mana? Lagipun yang kedua ini berkaitan dengan hak asasi kami para wanita. Kami bukan kata hendak wajibkan semua, cuma minta opsyen. Kalau hendak pakai tudung, hendak pakai pakaian yang lebih sopan diberikan peluang. Oleh sebab saya tidak nampak signifikan hubungan yang kuat antara pakaian dengan memilih kapal terbang.

Macam saya dengan Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin pun apabila hendak pilih tiket kapal terbang, kita tidak tengok pakaian pramugari itu pakai macam mana tetapi yang kita tahu ekonomi atau tidak. Jadi mohonlah, sebenarnya sangkut dekat mana? Mohon jawapan ikhlas sebab banyak kali jawapan yang sama kan.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Tuan Yang di-Pertua, sorry.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Seikhlasnya jawapan yang ingin saya berikan di sini, memang kita tahu banyak cadangan yang telah diberikan terutamanya daripada segi konsep patuh syariah kepada syarikat-syarikat penerbangan yang ada beroperasi di negara kita.

Saya rasa seadilnya cadangan tersebut didengar dan dilihat terutamanya oleh ahli-ahli lembaga pengarah. Apa yang ingin saya katakan di sini, saya berdiri di sini mewakili pihak Khazanah dan Khazanah sebagai salah satu pemegang saham terbesar dalam *Malaysia Airlines* dan ada perkara kalau ditanya secara spesifik di manakah halangan atau di manakah kekangan terhadap cadangan tersebut, saya sebenarnya *I'm not in the purview of the information, to be honest.*

Jadi itu sahaja saya boleh katakan daripada apa yang sudah dibekalkan oleh pihak pegawai, kita boleh sampaikan dan terangkan kepada Dewan ini. Terdapat perkara-perkara yang memang kami terutamanya di kalangan Timbalan Menteri tidak dapat hendak sama ada maklumat itu sampai terperinci sebegitu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Last ya.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya semalam membuat sedikit kajian Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan perkara ini sebab semalam pun kita ditegur oleh Yang Berhormat Menteri soalan kita kurang baik. Jadi semalam, buat *research* sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya pun terkejut juga hari ini. Tadi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kata tidak boleh hendak *control* harga tiket masa musim perayaan. Terkejut juga saya. Kita boleh *control* gula, boleh *control* cabai, boleh *control* sayur, boleh *control* ayam. *Mai* tiket kapal terbang, kita tidak boleh *control*. Saya masuk Kerajaan Pakatan Harapan ini kerana saya tahu Pakatan Harapan ini kuat tetapi kalau yang ini pun tidak boleh dibuat, malu Tuan Yang di-Pertua.

Ini untuk rakyat, ini untuk rakyat Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi itu bukan soalan saya...  
[Dewan riuh]

**Dato' Zahari bin Sarip:** Sudah tidak kuat kah?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar tadi bahawa Yang Berhormat Menteri berkata kita akan serahkan kepada Khazanah. Sekali lagi saya minta kerajaan tentukan kerana saya melihat ada tiga, empat *proposal*. Sebelum ini pun kita

dengar AirAsia sudah hendak ambil alih MAS untuk hendak memperbaharui MAS. Kemudian pula dalam surat khabar baru-baru ini Tan Sri Aziz *and the gang*, bekas CEO MAS, corporate lawyer, Shahril Lamin; Ravindran Devagunam, *former Performance Management and Delivery Unit's Anti-Corruption Director, economist*, Dr. Puvaneswaran Sanjeevi; Sitham Nadarajah, *former MAS Vice President of Engineering*; Shulhameed Marican, *former General Manager of Flight Operations*. Mereka ini semua menawarkan diri untuk hendak memperbetulkan MAS.

Jadi, saya hendak tanya kerajaan. Baru-baru ini pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia kata kita juallah MAS ini. Saya setuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab saya orang bermiaga, rugi simpan buat apa, juallah.

## ■1120

Jual saja. Akan tetapi saya mendengar maklumat kata hendak jual kepada Temasek. Kalau AirAsia dan groups ini yang Malaysian, apakah kerajaan hendak mempertimbangkan dengan orang luar? Saya hendak tanya pendapat Menteri, apakah kita sebagai kerajaan, sebagai kerajaan Yang Berhormat. Bukan sebagai seorang sebagai Menteri, sebagai seorang kerajaan yang memerintah, yang boleh *control* cili, boleh *control* gula, boleh *control* beras. Tidak akan kita tidak boleh *control* benda-benda begini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak, tunggu.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Ini cuma sebelah rakyat saja. Sebelah lagi, sebelah saya, belum dengar suara mereka lagi. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya menunggu Yang Berhormat Senator-senator DAP untuk menyampaikan sebab kita ini masyarakat majmuk dan kita perlu juga tahu kalau kita katakan kita mewakili rakyat, kenalah rakyat keseluruhannya. Jadi, apa yang saya tahu ialah dalam- kalau kita ada masa itu *syariah-compliant* di bawah Barisan Nasional, kita pun boleh terima apa yang telah dilaksanakan oleh MAS atas dasar penekanan pada keuntungan. Jadi, hari ini, hari ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa soalannya, soalan?

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Soalannya ialah adakah Kerajaan Pakatan Harapan mempunyai atau memberi lebih ruang *liberty* ataupun akan memberi kongkongan yang lebih tegas daripada Barisan Nasional dari segi dalam kes MAS ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih. Sila menjawab.

**Seorang Ahli:** ...itu soalan pembangkang [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama sekali, ingin saya katakan di sini bahawa kalau tadi dikatakan bahawa ada desas-desus bahawa *Malaysia Airlines* akan dijual kepada Temasek, ini satu desas-desus yang tidak benar. Kita masih lagi mengkaji *potential suitors* yang datang untuk melihat bagaimana untuk memulihkan kembali *Malaysia Airlines*.

Kita sebagai kerajaan sentiasa menghargai dan mendukung peranan *Malaysia Airlines* yang telah dijalankan selama ini walaupun sejak daripada tahun 2014 di mana pelan lima tahun yang dibuat itu masih lagi belum membawa hasil yang diharapkan. Kita masih lagi perlu untuk memberikan *injection* ataupun suntikan dana kepada *Malaysia Airlines* untuk terus mereka menjalankan fungsi. Kerajaan masih lagi mengkaji segala cadangan dan *suitors* yang sama ada untuk dijual ataupun untuk dilihat bagaimana fungsinya digabungkan dengan yang lain dan sebagainya, ini masih lagi dalam kajian.

Kita sentiasa memberikan komitmen akan mendukung *Malaysia Airlines* selagi tidak ada keputusan yang dibuat. Pertamanya, oleh Lembaga Pengarah *Malaysia Airlines* itu sendiri dan juga bagi pihak Khazanah Nasional selaku pemegang saham yang terbesar di dalam *Malaysia Airlines*.

Seterusnya, berbalik kepada soalan yang kedua sama ada Kerajaan Pakatan Harapan atau ini kalau dibandingkan dengan Kerajaan Barisan Nasional, saya rasa tujuan untuk penjelasan diberikan pada hari ini adalah untuk memastikan kita mempunyai jalan yang terbaik dan memberikan satu *confident boost* dan juga sokongan kepada *Malaysia Airlines* untuk terus mencari jalan memulihkan keadaan. Kita semestinya kalau ada cara untuk boleh memastikan diberikan peluang *syariah-compliant* dan sebagainya, saya rasa sebagai kerajaan ini satu langkah yang baik.

Akan tetapi, benda ini seperti mana yang kita katakan bahawa terdapat banyak lapisan dan terdapat banyak perkara yang mungkin untuk secara total dilaksanakan itu agak bermasalah sepertimana yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Setiap kali ditanya di sini semestinya memang jawapan yang diberikan itu kita tidak dapat secara komited, secara total mengatakan ia akan ataupun tidak akan dilakukan. Sekian, terima kasih.

**6. Puan Raj Munni binti Sabu** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, inisiatif kerajaan untuk mengintegrasikan teknologi pertanian pintar dalam sektor pertanian negara. Adakah telah dikenal pasti kumpulan petani yang berpotensi untuk dibangunkan secara strategik bagi memperkuuhkan industri agromakanan negara.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]:**

*Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua yang juga seorang peminat pertanian. Begitu juga terima kasih rakan saya Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pertanian pintar adalah konsep pertanian moden yang menggunakan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam amalan pertanian seperti aplikasi mudah alih, penggunaan dron yang diintegrasikan dengan *Internet of Things* (IoT). Fertigasi yang dipantau oleh sistem atas talian, pengenalpastian perosak dan penyakit tanaman melalui kecerdasan buatan ataupun *artificial intelligence* dan lain-lain.

Penggunaan teknologi pertanian pintar bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, pengurusan dan pengeluaran pertanian dengan kos operasi yang lebih efektif serta peningkatan hasil yang tinggi dan berkualiti. Berkualiti ini, *in terms of food safety*. Oleh sebab itu, kalau ada contohnya dalam tanaman-tanaman yang menggunakan teknologi moden ini, daun salad sebagai contoh boleh dipetik dan boleh terus dimakan tanpa perlu dibasuh. Itu standard yang kita kemukakan.

Selaras dengan perkembangan teknologi dan Revolusi Industri 4.0, penggunaan teknologi dalam sektor agromakanan dijangka akan dapat mengurangkan tempoh pengeluaran hasil, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh dan seterusnya meningkatkan produktiviti. Di bawah hala tuju yang sudah saya bentangkan sebagai panduan kementerian, prioriti dan strategi hala tuju satu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu memodenkan dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan melalui strategi memodenkan amalan pertanian dengan meningkatkan penerima gunaan teknologi, kementerian telah menggariskan tiga inisiatif iaitu:

- (i) menyebarkan penggunaan teknologi pertanian mekanisasi dan automasi;
- (ii) membangunkan model pertanian moden; dan
- (iii) membangunkan pangkalan data agromakanan negara atau *Agriculture Flagship*.

Di bawah tiga inisiatif tersebut, Kementerian akan melaksanakan kajian dan prototaip kejuruteraan seperti penggunaan dron, agrorobotik, aplikasi berdasarkan dengan *Internet of things*, model kilang tanaman, sistem tanaman hidroponik bertingkat, pencahayaan menggunakan LED, sistem pengairan secara automasi dan pembangunan data pertanian atau *big analytical data* yang merangkumi sistem pengurusan teknologi dan sistem pengurusan petani

pintar yang akan membantu proses analitis penawaran, permintaan dan pasaran dengan lebih sistematis, dengan izin, *we go to the online marketing*.

Selain itu, kementerian ini juga telah membuat permohonan peruntukan di bawah RP4, RMKe-11 bagi tahun 2020 untuk projek-projek pertanian pintar di bawah jabatan dan agensi yang mempunyai elemen Revolusi Industri 4.0. Untuk pertimbangan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) bagi kelulusan peruntukan, kementerian ini juga akan menjadikan pertanian pintar sebagai salah satu agenda dalam merangka Dasar Agromakanan Negara 2.0. Untuk pengetahuan merangka Dasar Agromakanan Negara yang sekarang ini akan ditamatkan pada tahun 2020 tahun hadapan.

Rancangan Malaysia Kedua Belas nanti kita akan *insya-Allah*, akan memastikan Malaysia benar-benar menuju kepada sebuah negara yang mengamalkan pertanian moden, *insya-Allah*. Dalam hal ini, golongan petani yang disasarkan untuk dibangunkan adalah dari kumpulan belia dan agropreneur muda yang berminat dalam bidang teknologi pertanian. Penggunaan teknologi pertanian pintar ini dijangka akan dapat menarik lebih ramai anak muda untuk menceburi bidang pertanian ini pada masa hadapan.

Justeru itu, kementerian ini melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) dan Kolej Pertanian serta institut di bawah jabatan dan agensi bertanggungjawab untuk menyediakan modul dan model pembelajaran pertanian pintar bagi melahirkan dan menyediakan golongan belia petani masa depan iaitu *future agro youth*. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

■1130

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat hadir untuk menjawab sendiri dan penjelasan Yang Berhormat Menteri dari hal teknologi pintar pertanian itu pada saya agak komprehensif. Cuma ada dua soalan yang saya ingin tanyakan susulan daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Pertama adalah sejauh mana kerajaan serius menjalinkan kerjasama dengan pihak-pihak berkepintaran daripada negara-negara contohnya macam China, kita ada hubungan perdagangan yang begitu baik. Di sana ada beberapa syarikat yang mempunyai teknologi pertanian pintar yang bagus. Sejauh mana seriusnya kerajaan menjalinkan hubungan ini dengan mereka kerana mereka telah berjaya? Ada sebahagian yang juga telah memperkenalkan kaedah mereka juga di Singapore contohnya yang kekurangan tanah tetapi mula menanam secara *hydroponics*, bertingkat di bangunan. Sejauh mana kerajaan serius?

Saya juga ingin bertanya di peringkat Kabinet yang ada sekarang terutama bila kita menyebut tentang keperluan teknologi pertanian pintar tentulah ia akan memerlukan belanja yang begitu besar. Akan tetapi, ia adalah satu pelaburan yang sangat bagus untuk kita menangani *food security* juga. Masalah pergantungan kita pada import bahan makanan. Itu yang pertama.

Soalan yang kedua- saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian kerana telah mula berbincang dengan Kementerian Pendidikan untuk mula memperkenalkan semula subjek sains pertanian. Cuma, soalan saya di sini ialah sejauh mana subjek sains pertanian ini yang dikatakan akan diperkenalkan di peringkat sekolah rendah dan juga menengah dan saya kira tentu akan dibawa ke peringkat universiti sama.

Sejauh mana kaedah pengajaran sains pertanian ini sama ada kita akan bergantung kepada cara lama atau pun akan menarik pakar-pakar atau pun pihak-pihak berkemahiran untuk mula menerapkan kaedah-kaedah teknologi sains pertanian pintar ini juga. Saya kira perlu diambil kira sekali dengan teknologi sains pertanian pintar untuk diterapkan bila kita mula memperkenalkan sains pertanian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni dan juga Tuan Yang di-Pertua. Dua soalan tetapi panjang untuk saya jawab. Sama ada masa mengizinkan, saya rasa Tuan Yang di-Pertua akan mengizinkan sebab sangat minat juga dalam bidang pertanian.

Pertama, terima kasih kerana soalan itu dan nampaknya hari ini semua orang memang minat untuk melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dalam bidang pertanian. Moden *agriculture*. Saya begitu teruja dalam dua kali lawatan yang diberikan peluang oleh Yang Berhormat Menteri ke China baru-baru ini. Bulan Ogos saya hadir dan diberikan penghargaan untuk mewakili negara menandatangani protokol durian kita. *Alhamdulillah* GACC dah datang dua minggu lepas dan kita doakan hujung tahun ini durian kita dalam bentuk *the whole fruit frozen* akan dapat masuk kali pertama ke market China yang begitu luas. *Alhamdulillah*. Ini kejayaan kita semua.

Dalam rombongan dua minggu lepas dalam tiga pertemuan atau *meeting, high level meeting*, dengan izin, dengan Premier Li Keqiang dengan Presiden Xi Jinping dan dengan Presiden Parti. Yang Amat Berhormat Tun bercakap begitu fokus tentang *agriculture* dan durian kita. Ini adalah satu masa depan yang saya rasa kita mesti gembleng bersama. *Our tropical fruit, have a big market to enter Chinese market in the future. We have a bright future in agriculture.* Ini merupakan suatu motivasi untuk kita terus maju ke hadapan.

Di samping Yang Amat Berhormat Tun juga menyatakan tidak salah sekiranya kita menghantar beberapa pegawai terlatih kita untuk serius belajar di China tentang teknologi baru ini, *internet of things, artificial intelligence*. Oleh sebab memang China telah begitu jauh ke hadapan. Mereka telah begitu berjaya untuk mengawasi *in term of food security* untuk mereka menjaga 1.4 bilion penduduk mereka.

Oleh itu, soalan daripada Yang Berhormat tadi saya sentiasa akan memastikan hubungan baik dengan China ini, sebab itu hala tuju yang kedua saya telah meletakkan dengan jelas bahawa *we must invite private sector to involve seriously in all various agriculture sectors in our country*. Kita meletakkan hala tuju itu supaya kita menggalakkan dan *encourage* mereka datang. Maka dengan itu, tetapi kepentingan *local farmers* kita *insya-Allah* akan kita jaga. Kita dapat teknologi, dapat meningkatkan produktiviti kita dan hala tuju yang penting sekali adalah untuk kita dapat meningkatkan pendapatan petani kita yang selama ini masih dalam kategori B40.

Sebab itu dalam apa pun yang disebut tadi soalan yang kedua, adakah kita punya cukup belanjawan, kita cukup duit, kita cukup dari segi fizikal kita. Saya rasa dalam pertemuan minggu lepas di antara Kementerian Pertanian dengan MEA, walaupun kami fokus untuk membangunkan tanah-tanah FELDA dan tanah-tanah terbiar, tetapi saya rasa dengan kombinasi dan *synergy* dua kementerian ini kita akan dapat melangkah dengan lebih gagah. Kami akan terus merangka pelan-pelan strategik yang lebih konstruktif untuk kita kemukakan kepada Kabinet dan saya rasa kita perlu lebih dana sama ada dalam belanjawan akan datang atau pun untuk RMK Ke-11. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan begitu tertib, harmoni dan ini lah yang perlu kita lihat bahawa pentingnya soalan-soalan yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dengan tertib dan kita rasa bangga. Saya rasa hendak soal satu soalan. Kalau tidak, tidak hendak soal dah.

Jadi, soalan saya berkaitan dengan Yang Berhormat Menteri ada menyebut berkenaan dengan skim *Agropreneur Muda*. Jadi saya tertarik. Saya hendak tanya apakah terjadi kepada skim tersebut? Apakah pakej-pakej yang ditawarkan kepada mereka? Apakah bantuan asas untuk mereka mengendalikan pakej-pakej yang ditawarkan kerana hari ini kita melihat anak muda begitu tertarik dengan pertanian moden yang diperkenalkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya juga ada beberapa perjumpaan dengan anak-anak muda yang mempunyai akademi yang tinggi. Mereka berminat tetapi mereka tidak mempunyai modal dan tidak mempunyai tawaran ataupun

pakej-pakej yang berbaloi untuk mereka menerjah diri mereka dalam bidang pertanian. Jadi, soalan saya seperti mana yang saya soal tadi. Terima kasih.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator yang berbaju Kebangsaan Melayu pada hari ini. Berdasarkan kepada statistik peruntukan yang diberikan kepada MOA tahun ini, kita hanya dapat RM20 juta sahaja untuk Program Agropreneur Muda. Tidak cukup Yang Berhormat. Saya akan terus berjuang untuk belanjawan akan datang untuk kita dapat yang lebih.

Ini kerana kita telah memang kenal pasti golongan ini lah yang akan memacu yang menjadi *catalyst* yang menjadi ejen pemangkin kepada- berapa lama kita hendak sampai kepada Malaysia sebagai sebuah negara pertanian moden. Hanya golongan muda di samping kita respek kepada petani-petani tua kita yang telah begitu banyak jasa dengan cara tradisional dahulu. Kekangan peruntukan dahulu yang juga telah memajukan. Kita manfaatkan yang ada pada hari ini. Akan tetapi, untuk kita laju lagi ke hadapan golongan ini mesti diberikan segala bentuk insentif dan segala bantuan.

#### ■1140

Akan tetapi setelah kita turun padang Yang Berhormat, dan dalam masa setahun *alhamdulillah* saya telah cuba membaca semua data dan fakta di hadapan saya. Kita jumpa dua kategori. Baik, anak muda yang dahulu kerajaan banyak beri insentif. Akan tetapi tidak diperhalusi dan tidak kita ambil pendekatan yang bijak. Mereka dapat bantuan, mereka dapat duit. Ada mesin yang berkarat di belakang rumah, bukan golongan yang sebenarnya, bukan petani yang sebenarnya ataupun usahawan tani yang sebenarnya. Lalu diberikan mereka pinjaman, tidak dapat bayar.

Akan tetapi kali ini Yang Berhormat *insya-Allah* dengan iltizam baharu, saya dan kementerian akan benar-benar memastikan *targeted group* yang benar-benar. Kita turun padang melihat mereka sudah ada *small industry* atau mereka sudah pergi kepada *medium industry*, ini yang akan kita tolong. Ini yang saya katakan kalau ada anak muda yang telah pergi kepada sebagai contoh *medium industry*, sudah ada kilang, sudah menunjukkan kejayaan, saya telah menyatakan wajib bagi Agrobank memberikan mereka pinjaman.

Bagi segi motivasi dan disiplin *business*, usahawan yang telah mula berjaya, lebih baik mereka diberikan kemudahan pinjaman daripada diberikan mereka ini bantuan *cash*. Ini akan menyebabkan mereka lebih bertanggungjawab. Bank dan kepakaran MOA akan memantau mereka. Bank Agrobank pun hari ini mengamalkan sikap yang lebih *syariah-compliant* iaitu kalau mereka gagal, tidaklah di lelong. Tiba masa lelong, tidak.

Agrobank mengambil satu pendekatan sebagai contoh pada AgroMuda ini kalau mereka gagal ada tempoh masa mereka diberikan konsultasi. Ada masa kepakaran MOA memulihkan perniagaan mereka. Barulah maknanya tindakan seterusnya diambil. Bukan macam dahulu lagi, tidak bayar terus lelong dan seumpamanya.

Ini pendekatan-pendekatan yang saya rasa perlu untuk kita membimbing anak-anak muda ini untuk mereka terus maju dalam bidang pertanian ini. Di samping, saya cukup yakin dan percaya sudah ada *PhD holder*, *Master holder* sudah banyak. Sudah ada yang memegang ijazah tetapi memasuki bidang pertanian yang telah berjaya. Tidak percaya, sebagai satu contoh, pergi ke Bangi ada sudah jadi jutawan menanam *fig*, buah zaitun. Sudah ada anak muda di Johor yang sudah jadi jutawan kerana membela kambing dan seumpamanya.

Ini semuanya akan dipantau oleh kementerian dengan insentif dengan kemudahan pinjaman yang akan kita berikan dengan teknologi dan konsultasi yang betul, barulah kita dapat memajukannya. Bukan hanya beri pinjaman kita *ignore* ataupun kita beri pada golongan yang salah. Ini tidak lagi diamalkan, *insya-Allah* dalam MOA, dalam kita merangka hala tuju masa hadapan kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja soalan Tuan Yang di-Pertua. Satu sahaja berkenaan dengan teknologi Yang Berhormat. Ini penting untuk rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Satu sahaja soalan berkenaan dengan- dia akan boleh bantu untuk mengurangkan kos sara hidup.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalannya *please*.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Okey, saya hendak bertanya tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang banyak bercerita tentang teknologi pertanian pintar. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah kerajaan ataupun Menteri menggunakan teknologi pertanian pintar ini untuk membantu *the urban farmers*. Maknanya hendak menggalakkan rakyat untuk mengadakan tanaman di bandar supaya dapat mengurangkan kos sara hidup rakyat, apabila dia menanam cili dan sebagainya. Dalam masa yang sama apakah insentif-insentif ataupun galakan kerajaan untuk menggunakan – untuk menggalakkan rakyat mengadakan tanaman *urban farmers* dengan menggunakan teknologi yang ada. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, ramai yang minat. *Alhamdulillah* itu signal yang bagus. Yang Berhormat Senator, boleh melawat beberapa PPK seperti contoh

PPK Kuala Langat. Fertigasi sangat berjaya, fertigasi cili sangat berjaya dan sekarang mereka sudah ada satu MoU dengan *Ramly Burger*. Mereka sudah pergi kepada *poultry* pula. Ini semua teknologi moden ini digunakan dan sudah ada fertigasi gantung. Kalau fertigasi biasa atas tanah kalau banjir nanti bimbang kerana cuaca akan musnah. Sudah ada gantung sudah. Jadi ini semua teknologi Yang Berhormat. Jadi tentang *vertical farming* kalau hendak pergi nanti saya bawa kepada satu di Damansara...

**Dato' Fahariyah binti Hj. Md Nordin:** *Urban farmers...*

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** *Urban farmers* lah. *Urban farmers* ini maknanya pertanian moden, pertanian *vertical* itu termasuk semua dengan menggunakan semua aplikasi yang saya sebutkan tadi. Jadi pada hari ini, sebagaimana yang disebut oleh ramai pakar-pakar *climate change* kah, *shortage of land* kah, bukan isu. Akan tetapi teknologi itu yang memainkan peranan dan inilah yang saya rindukan. Sudah berpuluh tahun kita pergi Belanda melihat negara kecil mengeksport makanan. Pergi ke Taiwan negara kecil boleh eksport makanan. Kita ini yang lebih besar tidak boleh, kenapa?

So, inilah masanya bagi saya kita memulakan satu langkah. Teknologi inilah yang akan membantu kita untuk kita maju pada masa akan datang. Di Malaysia, sudah ada tempat-tempat yang boleh kita jadikan contoh di mana tentang kejayaan kita menggunakan teknologi moden ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri kita Yang Berhormat Dato' Haji Salahuddin bin Ayub yang saya nampak bahawa ramai yang minat, termasuk kita punya wanita ramai. Dari segi pertanian ini. Saya rasa juga- kami ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang beliau sendiri turun untuk kita ini. Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa pun Yang Berhormat Menteri Pertanian yang suka turun padang. Itu bagus dan baru-baru ini saya tahu beliau pergi ke satu dusun di Lanchang. Terima kasih ya. Baik, sekarang Ahli-ahi Yang Berhormat sekalian, saya beralih kepada- pertanyaan telah siap dan usul pula. Dipersilakan Setiausaha.

**[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.47 pg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan DR 1/2019 Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2019; DR 2/2019 Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2019; DR 3/2019 Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2019; dan DR 4/2019 Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2019 seperti mana yang tertera dalam nombor 2, 3, 4 dan 5 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 8 Mei 2019.”

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**USUL****PENERANGAN MENTERI HAL EHWAH EKONOMI DI BAWAH P.M. 13(1)(i)****Kertas Putih Ke Arah Kelestarian Lembaga Tanah Persekutuan (FELDA)**

11.48 pg.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin dan hormatnya saya selaku Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi berhasrat untuk menyampaikan penerangan Menteri berkaitan Kertas Putih Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Tuan Yang di-Pertua, pada 10 April 2019, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi telah membentangkan usul mengenai Kertas Putih Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di Dewan Rakyat. Usul berkenaan telah dibahaskan oleh 17 orang Ahli Yang Berhormat dan seterusnya dipersetujui sebulat suara oleh Dewan Rakyat.

Sejak penubuhan, FELDA telah berjaya menaungi 112,635 orang peneroka melalui pembangunan 317 tanah rancangan dengan keluasan 490 ribu hektar di seluruh tanah air. FELDA bukan sahaja telah memenuhi objektif penubuhannya untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar, bahkan kecekapan dan kebertanggungjawaban pengurusan tokoh-tokoh awal FELDA telah membangunkan FELDA menjadi sebuah agensi yang mandiri.

#### ■1150

Jika dahulu FELDA sentiasa duduk di atas khazanah tunai berbilion ringgit, kini aliran tunai FELDA berada pada tahap kritis. Baki tunai FELDA telah merosot daripada purata RM2.5 bilion dalam tempoh 2007 hingga 2011 kepada hanya RM400 juta pada tahun 2017. Kedudukan baki tunai terus menjunam sehingga RM35 juta sahaja pada 9 Mei 2018. Sebelum penyenaraian FGV, FELDA menjana keuntungan operasi melalui pengurusan ladang komersial milik FELDA seluas lebih kurang 400,000 hektar. Dalam tempoh 2007 hingga 2011, FELDA mencatatkan keuntungan bersih di antara RM200 juta sehingga RM1.1 bilion setahun.

Bagi tujuan penyenaraian FGV, FELDA telah menyerahkan pengurusan ladang komersial milik FELDA melalui *Land Lease Agreement* untuk tempoh 99 tahun. Mengikut LLA, FELDA akan menerima bayaran pajakan tanah ladang berjumlah RM248 juta setahun serta perkongsian keuntungan ladang pada kadar 15 peratus setahun sebagai balasan pajakan tanah komersial milik FELDA. Namun, FELDA hanya menerima secara purata RM400 juta setahun daripada FGV berbanding keperluan sekurang-kurangnya RM800 juta setahun untuk mengurus ladang serta menjamin kebajikan peneroka.

Selepas penyenaraian FGV, khususnya mulai tahun 2013, prestasi kewangan FELDA mulai merosot. FELDA melaporkan kerugian secara berterusan sehingga mencatatkan kerugian tertinggi sebanyak RM4.9 bilion pada tahun 2017. Penyenaraian FGV telah menjana tunai sebanyak RM10.5 bilion di mana FELDA telah memperoleh tunai sebanyak RM6 bilion dan baki selebihnya menjadi milik FGV.

Perolehan FELDA sewajarnya dimanfaatkan untuk membangun kapasiti masa depan FELDA dan pembangunan ladang serta program modenisasi yang merangkumi teknologi serta R&D. Malangnya, RM1.4 bilion daripada hasil tunai yang diperoleh oleh FELDA melalui

penyenaraian FGV telah dibelanjakan untuk membuat pelaburan yang sangat meragukan melibatkan transaksi gelap atau *shady transaction*, dengan izin. Di samping itu, sejumlah RM2.7 bilion lagi telah digunakan untuk meraih sokong politik menjelang pilihan raya umum. Selain itu, pembaziran berterusan dengan pembelian aset yang dibuat pada harga yang lebih tinggi daripada nilai pasaran telah menjadikan kedudukan kewangan FELDA lebih meruncing.

Situasi FELDA menjadi semakin serius dan parah akibat *corporate malfeasance*...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, maaf, sekejap ya.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Situasi FELDA menjadi semakin serius dan parah akibat *corporate malfeasance* atau kedujuan urus tadbir korporat. Jumlah hutang FELDA telah meningkat dengan ketara sebanyak 1,100 peratus daripada RM1.2 bilion pada tahun 2007 kepada RM14.4 bilion pada tahun 2017 berbanding dengan kenaikan nilai aset yang mencatatkan hanya 107 peratus. Manakala keuntungan FELDA jatuh sebanyak 590 peratus dalam tempoh yang sama. Ini menunjukkan bahawa pinjaman hutang tidak menambah nilai kepada FELDA. Sebaliknya, pinjaman yang dibuat oleh FELDA memberikan impak yang buruk kepada kedudukan kewangan FELDA.

Kerajaan Pakatan Harapan mengambil tindakan segera untuk menyelamatkan FELDA dari kemelut yang berterusan. Sebagai sebuah kerajaan yang peduli peneroka, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menjalankan kajian holistik tentang kedudukan keseluruhan FELDA dan merangka hala tuju masa depan FELDA.

Secara keseluruhan, dapatan audit forensik menunjukkan kerugian atau penjejasan nilai aset *in payment* berjumlah RM2.2 bilion bagi lapan transaksi urus niaga yang disiasat iaitu 50 peratus daripada nilai pelaburan asal. Audit forensik juga mendedahkan kepincangan tadbir urus dan kegagalan kawalan dalam termasuk konflik kepentingan dalam pengurusan. Pengurusan FELDA telah membuat laporan polis terhadap mereka yang terlibat dalam salah laku berdasarkan dapatan audit forensik.

Dalam usaha untuk mengembalikan kegemilangan FELDA, kerajaan amat prihatin dengan kebijakan peneroka. FELDA telah mula melaksanakan penambahbaikan ke atas kelemahan pengurusan hutang peneroka dan pengurusan ladang peneroka. Kerajaan juga memandang serius tindakan sebahagian daripada peneroka yang menghantar hasil kepada

peraih dan kilang-kilang persendirian bagi mengelak pemotongan hutang kepada FELDA. Tindakan ini menyebabkan FELDA gagal untuk mengutip semula hutang dari peneroka tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kelestarian FELDA amat penting bagi menjamin masa depan peneroka. Langkah pemulihan serta penambahbaikan FELDA harus berteraskan usaha-usaha yang lebih gigih dan progresif demi menjamin kemampanan industri perladangan dan melahirkan generasi baharu FELDA yang mandiri, kreatif dan inovatif serta berupaya mencipta rantaian nilai ekonomi yang lebih tinggi.

Pelan Transformasi dan hala tuju FELDA akan memberi tumpuan kepada penambahbaikan tadbir urus, penstrukturkan dan pengukuhan kewangan dan operasi. Tadbir urus korporat berasaskan ketelusan dan akauntabiliti merupakan satu komponen yang amat penting untuk mengembalikan keyakinan dan kepercayaan peneroka serta mengukuhkan semula kedudukan FELDA. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil adalah melantik kepimpinan baharu FELDA, menyusun semula struktur korporat serta pengurusan dan memperkenalkan sistem semak dan imbang bagi mencegah dan menghalang penyalahgunaan kuasa dan salah laku rasuah.

FELDA memerlukan sistem kewangan yang baharu dan lestari. Kedudukan kewangan semasa FELDA perlu distruktur semula dengan kadar segera melalui penstrukturkan semula pinjaman dengan institusi kewangan dan rasionalisasi aset. Kegagalan menstrukturkan semula pinjaman FELDA akan mendedahkan FELDA kepada pembayaran pinjaman dan kadar faedah berjumlah RM2.5 bilion untuk tahun 2019.

Untuk mendukung usaha FELDA, kerajaan bersetuju memberi jaminan kerajaan atau *government guarantee* bagi membolehkan FELDA menstruktur semula pinjaman dengan institusi kewangan. FELDA kini dalam proses mengenal pasti aset-aset tidak strategik yang berpotensi untuk dicairkan bagi menjana aliran tunai pada nilai yang terbaik.

FELDA akan memperkenalkan model baharu pengurusan tanah peneroka melalui sewaan tanah untuk satu tempoh jangka panjang yang munasabah. Pengenalan model baharu ini akan menyelesaikan isu demografi peneroka dan ketiadaan ekonomi bidangan atau *economy of scale*. Model ini akan membolehkan tanah peneroka digabungkan dan diusahakan secara cekap, berskala besar dengan ekonomi bidangan untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti.

FELDA bertekad untuk melahirkan peneroka baharu yang mahir dan inovatif bagi meningkatkan pendapatan melalui aktiviti pertanian dan ternakan dengan menggunakan teknologi moden seperti *smart farming* dan *precision agriculture*.

**■1200**

Usaha ini membantu peneroka menjana pendapatan yang bernilai tinggi dalam tempoh yang lebih singkat dan tidak bergantung hanya kepada hasil sawit. Bagi melaksanakan gagasan ini, kerajaan bersetuju memperuntukkan RM1 bilion untuk tempoh empat tahun. Skim Pengurusan Aset Canggih (SPAC) akan diperkenal bagi menggantikan Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil. Melalui skim baharu ini, peneroka akan menerima pinjaman yang bersesuaian berdasarkan pendapatan mereka. Cadangan skim baharu ini sedang diteliti secara mendalam, termasuk libat urus dengan peneroka. Sementara proses ini sedang berjalan, FELDA akan meneruskan pembiayaan Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil mengikut kadar sedia ada.

Bagi tahun 2019, kerajaan telah meluluskan sejumlah RM480 juta untuk tujuan pembiayaan Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil. Kerajaan Pakatan Harapan telah berjanji untuk menghapuskan hutang tidak wajar bagi meringankan beban kewangan peneroka. Justeru, kerajaan bersetuju untuk menghapuskan kadar faedah di atas Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil yang dibebankan kepada peneroka. Bantuan kerajaan ini dianggarkan berjumlah RM2 bilion.

Kerajaan juga amat prihatin terhadap masalah perumahan generasi kedua FELDA iaitu Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang terbengkalai sekian lama tanpa pembelaan daripada kerajaan lama. Memahami kesukaran yang dihadapi generasi baharu FELDA, kerajaan meluluskan sejumlah RM250 juta bagi tahun 2019 untuk menyiapkan 4,794 unit rumah yang tahap kemajuannya 70 peratus dan ke atas. Keseluruhananya, kerajaan telah bersetuju untuk memberi bantuan kewangan sebanyak RM6.23 bilion berbentuk geran, pinjaman dan jaminan kerajaan secara berperingkat mengikut keperluan bagi memulihkan FELDA dan juga bagi melaksanakan model FELDA baharu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejurus selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, inisiatif-inisiatif pemulihan ke arah FELDA baharu telah pun mula dilaksanakan. Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mengambil ketetapan bahawa Kertas Putih Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan FELDA dibentangkan di Dewan Negara dengan penerangan Yang Berhormat Menteri. Kerajaan yakin FELDA mampu bangkit semula.

Dengan model baharu, FELDA akan menyuntik tenaga baru dan mengoptimumkan potensi untuk maju dan memodenkan industri pertanian. Sama-sama kita bangkit, bersatu dan

maju bersama demi kegemilangan FELDA, rakyat dan negara secara keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

### **USUL**

#### **MELANTIK SEBUAH JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH P.M. 70**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70, Majlis Mesyuarat Dewan Negara melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas yang mengandungi seorang Pengerusi dan empat orang Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran-Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara (Pengerusi).
2. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad- Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.
3. Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.
4. Yang Berhormat Tuan Nga Hock Cheh.
5. Yang Berhormat Datuk Donald Peter Mojuntin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 70 itu tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2018) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.05 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan Perbelanjaan Mengurus Pertama Tahun 2018 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh keputusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Bajet 2018 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2018 yang dibentangkan berjumlah RM4,133.3 juta untuk membiayai perbelanjaan bekalan. Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM4,133.3 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut;

Sebanyak RM1,922.0 juta adalah untuk pindahan lebihan daripada Akaun Hasil Disatukan 2018 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini di caj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12, Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], dan bukan satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2018 yang berjumlah RM56,095.5 juta. Bakinya adalah dibiayai oleh pinjaman.

Sebanyak RM125.7 juta adalah bagi me-recoup semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2018 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas

Perintah 1, Tahun 2019 dan sebanyak RM1,005.6 juta adalah merupakan peruntukan tambahan langsung kepada kementerian ataupun jabatan yang telah diberi kebenaran untuk berbelanja melebihi daripada peruntukan bagi membiayai perkara-perkara yang komited pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang terlibat di dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kesihatan sebanyak RM705.6 juta;
- (ii) Kementerian Dalam Negeri sebanyak RM513.9 juta;
- (iii) Kementerian Pendidikan sebanyak RM300 juta;
- (iv) Kementerian Pertahanan sebanyak RM226.2 juta;
- (v) Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM215.4 juta;
- (vi) Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM98.5 juta;
- (vii) Perbendaharaan sebanyak RM76.3 juta;
- (viii) Kementerian Luar Negeri sebanyak RM70.4 juta; dan
- (ix) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebanyak RM5 juta.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2018 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1, Tahun 2019 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A, Tahun 2019. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi membenarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

**12.11 pg.**

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berbahas izinkan saya mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kemajuan Sosial dan Kebudayaan Kaum India Johor Bahru ke Dewan Negara... [Tepuk] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, selepas mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, perbahasan saya akan merujuk kepada Akta 61, iaitu *Financial Procedure Act 1957*, dengan izin. Dalam akta ini saya tumpukan kepada seksyen 15A(1) iaitu *roles of controlling officers*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan seksyen 18 tentang *surcharge*.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah amalan mengemukakan akta ataupun rang undang-undang tambahan ini merupakan amalan yang baik ataupun amalan yang biasa. Oleh kerana kita tahu peruntukan-peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen dibenarkan dibelanjakan pada tahun tersebut dan tidak dibenarkan belanja melebihi peruntukan kecuali dengan syarat-syarat yang tertentu.

Yang Berhormat Menteri menyebut tentang Perlembagaan berhubung dengan seksyen 101. Di dalam seksyen tersebut Tuan Yang di-Pertua, ada menyatakan dengan jelas sekiranya peruntukan ataupun rang undang-undang peruntukan tambahan ini dikemukakan- perbekalan tambahan ini dikemukakan syarat-syarat utamanya ialah perbelanjaan keterdesakan, terdesak. Ini yang penting *catch word*-nya, Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Jadi dalam hal ini setelah saya meneliti Kertas Perintah 1, Tahun 2019- mari sama-sama kita teliti sama ada ia ada elemen-elemen keterdesakan atau sebaliknya.

Maka sebab itu saya bawa Dewan ke seksyen 18 surc妖. Oleh kerana kita lihat kementerian-kementerian yang telah berbelanja lebih ini terlalu banyak sehingga RM4.133 bilion, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat kes masa saya masih bertugas di KD Pelanduk tahun 1984, Tuan Yang di-Pertua. Pegawai memerintah KD Pelanduk berbelanja lebih RM130,000 pada tahun tersebut. Beliau telah dikenakan surc妖.

Maka dengan ini saya harap di waktu dan hari yang mulia ini saya mohon supaya pihak Yang Berhormat Menteri merujuk balik kepada insiden tersebut sama ada ia benar-benar satu kesalahan atau sebaliknya. Kalau tidak saya boleh katakan ini merupakan satu kesalahan berbelanja lebih daripada peruntukan sebanyak RM4.133 bilion dan siapa yang bertanggungjawab meluluskan ini sepatutnya dia kena bagi penjelasan. Sekiranya tidak, pegawai

ataupun *controlling officer* bertanggungjawab untuk memberi penjelasan dan sekiranya gagal, kita boleh surcaj dia sebagaimana yang diperuntukkan dalam *Financial Procedure Act 1957*, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kementerian- yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan sama ada ia ada elemen-elemen keterdesakan atau sebaliknya. Contohnya untuk Jabatan Perdana Menteri perbelanjaan sebanyak RM215.4 juta digunakan untuk pembayaran utiliti, pengurusan fasiliti serta keselamatan dan penyelenggaraan kuarters. Ini merupakan suatu anggaran perbelanjaan yang sepatutnya boleh dirancang pada tahun 2018 dan tidak sepatutnya boleh berlaku lebih berbelanja.

Kita lihat Maksud B.9 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sebanyak RM5 juta digunakan untuk operasi dan pentadbiran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Ini sepatutnya juga boleh dirancang dan dipohon pada anggaran perbelanjaan tahun 2018. Perbendaharaan sebanyak RM76.3 juta digunakan untuk kontrak pembangunan siasatan 1GFMAS. Ini saya tidak tahu. Saya tidak boleh komen. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu 1GFMAS.

Seterusnya kita lihat Kementerian Luar Negeri. Tambahan keseluruhan berjumlah RM70.4 juta digunakan untuk pembayaran sumbangan tahunan keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini sepatutnya juga telah diketahui dan sepatutnya juga telah dimasukkan ke dalam perbelanjaan tahun 2018.

Kita lihat Kementerian Kesihatan sebanyak RM705.5 juta digunakan untuk perbelanjaan meliputi pengurusan hospital, bayaran bil rawatan Institut Jantung Negara dan bayaran perkhidmatan sokongan hospital. Ini ada yang terdesak dan ada yang boleh dirancang pada tahun 2018.

Kementerian Pertahanan sebanyak RM226.172 juta digunakan untuk penyelenggaraan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia, bekalan rangsum Tentera Darat, perolehan bekalan ubat Hospital Angkatan Tentera dan lain-lain perbelanjaan operasi. Lain-lain perbelanjaan operasi boleh dapat RM226 juta, Tuan Yang di-Pertua. Ini ada yang dikatakan terdesak dan boleh dikatakan ada juga yang boleh dirancang.

Seterusnya Kementerian Dalam Negeri. Tambahan sebanyak RM513.9 juta digunakan untuk RM20 juta dikehendaki untuk perolehan pakaian operasi digital kepada anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia. Tidakkah ia boleh ditangguhkan, dirancang untuk tahun ini? Mengapa kita harus bayar pada tahun 2018? Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon butiran

sedikit daripada Kementerian Kewangan kepada siapa kontrak ini ditawarkan dan berapa banyak dibekalkan dan bila telah selesai dibekalkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kira rujuk kepada Kementerian Pendidikan. Tambahan sebanyak RM300 juta digunakan untuk bayaran kontrak pembersihan dan kawalan keselamatan sekolah dan institusi lain di bawah KPM. Ini juga saya rasa boleh dirancang, boleh diprogramkan, boleh dirancang baik-baik dan dibuat rancangan perbelanjaan dan sepatutnya boleh dimasukkan dalam perbelanjaan 2018.

#### ■1220

Akhirnya kita lihat peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun sebanyak RM1.922 juta merupakan jumlah lebihan dan Akaun Hasil Disatukan yang dipindahkan kepada kumpulan wang pembangunan dan di caj sebagai perbelanjaan di bawah Maksud B.12. Jumlah ini bukan satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebagai keperluan kewangan untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2018. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pendekatan-pendekatan ini seperti apa ini- menghalalkan cara, lupa...

**Seorang Ahli:** Niat menghalalkan cara.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Matlamat menghalalkan cara. Seolah-olah macam itulah. *The end justifies the means.* Oleh kerana kita lihat butiran-butiran dalam Perlembagaan dan juga Akta 161 ada perkara-perkara yang harus ditekankan oleh kementerian dan sepatutnya kalau nak diadakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dibuat pada tahun tersebut. Oleh sebab ini telah dibelanjakan, Tuan Yang di-Pertua. Kita di dalam Dewan ini bincangkan untuk luluskan sahaja sedangkan peruntukan itu telah habis dibelanjakan.

Jadi, saya ingin menekan di sini Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2019 kita harap Dewan ini tidak menerima Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan untuk tahun 2019. Bila kita dengar FELDA akan disuntik RM6.23 bilion. Kalau melibatkan Kementerian Kewangan, kita minta dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan untuk tahun 2019 bukan tahun 2020.

Begitu juga bila kita hendak suntuk kepada siapa lagi? Tabung Haji. Siapa lagi? MAS. Semuanya saya harap ia dilakukan dalam tahun semasa, tahun 2019. Oleh sebab kita rasa sekiranya wang telah dibelanjakan, bawa ke Dewan, betullah kita jadi *rubber stamp* Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita tidak mahu jadi di *rubber stamp*, maka kita hari ini saya bangun untuk memberi sedikit teguran kepada Kementerian Kewangan, kalau saya betullah. Kalau saya salah, boleh sanggah, silakan. Jadi pada tahun-tahun yang- saya sudah bangkitkan ini lima tahun di Dewan

Rakyat tetapi masa itu kami pembangkang, kami tidak dapat layanan yang sebaiknya daripada kerajaan masa itu.

Akan tetapi kali ini, walaupun saya duduk di dalam kerajaan saya lihat ada yang saya bangkitkan tidak dapat layanan, kali ini saya bangkitkan di Dewan Negara Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan dapat layanan dan dapat pertimbangan daripada Kementerian Kewangan dan juga Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Amalan itu amalan biasa tetapi baik atau tidak Menteri akan jawab. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

### 12.23 tgh.

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kedatangan *ASTI Foundation, Department of Culture and Language* ke Dewan Negara... [Tepuk] Diharapkan lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. *Student from India, welcome to Dewan Negara,* dengan izin.

Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya ingin memulakan perbahasan saya dalam akta ini dengan pertanyaan. Pertama, apakah permohonan tahun perbekalan tambahan ini sebagai satu tradisi yang tidak boleh tidak dibuat setiap tahun?

Kedua, apakah Kerajaan Pakatan Harapan perlu mewarisi kerajaan terdahulu yang menunjukkan bahawa bajet tahunan yang dibuat sering tidak cukup dan tidak lengkap?

Ramai pemimpin pembangkang ketika Kerajaan Barisan Nasional memerintah, mengkritik kononnya akta ini menggambarkan sebagai kerajaan yang tidak cekap dalam merangka bajet sehingga memerlukan tambahan yang agak besar setiap tahun. Contohnya tahun lalu, tambahan diperlukan sehingga RM7 bilion dan kali ini Kerajaan Pakatan Harapan memohon tambahan sebanyak RM4.133 bilion.

Walaupun berkurangan, ternyata ciri-ciri kerajaan terdahulu masih tidak dapat dipisahkan dengan kerajaan baru yang berlandaskan reformasi. Jangan kita lupa ketika pembangkang kerana rakyat memerhati setiap tapak, langkah dan perbuatan kerajaan hari ini. Ada pepatah, ketuk dulang paku serpih, kata orang dia yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan sebanyak RM4.133 bilion ini membabitkan kira-kira 10 kementerian di mana akan dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan demi perbelanjaan perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2018.

Mungkin, oleh sebab ini kali pertama kementerian-kementerian mula berpengalaman membuat bajet tahunan, maka kita berharap ia dibuat di atas beberapa kekurangan dan kelemahan. Di atas kesedaran itu, kita ucapkan syabas kerana ia dibuat untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan untuk rakyat. Berikutan itu, saya ingin menyentuh beberapa kementerian yang terbabit dengan perbelanjaan tambahan ini. Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian dalam Negeri dan Suruhanjaya Pilihan raya.

Kementerian Pendidikan. Tahniah kepada kerajaan kerana menaik taraf dan baik pulih semula 153 sekolah daif di Sabah menerusi peruntukan pembangunan dan inisiatif kewangan persendirian yakni PFI. Begitu juga di Sarawak, kerajaan meluluskan dan bersetuju hutang RM1 bilion Kerajaan Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan akan digunakan untuk baik pulih sekolah daif di negeri itu. Usaha ini menggambarkan bahawa kerajaan pusat memandang berat nasib rakyat Sabah dan Sarawak. Jadi, tidaklah adil kalau ada mengatakan hanya sekolah daif di Semenanjung sahaja diberi tumpuan.

Berikutan itu, saya mencadangkan agar melalui permohonan tambahan kira-kira RM300 juta melalui akta ini, kementerian berkenaan akan melihat isu-isu sampingan lain bagi mempertingkatkan infrastruktur sekolah-sekolah luar bandar agar demokrasi pendidikan dapat dicapai. Sekali lagi saya hendak ulang kepada Kementerian Pendidikan berkaitan dengan Sekolah Kebangsaan Seberang Marang, Terengganu yang telah dibangkitkan oleh saya tahun 2018 dan dikatakan telah menghantar semua laporan yang diperlukan oleh kementerian tetapi sehingga hari ini masih senyap seribu bahasa.

Manakala kepada Kementerian Kesihatan, permohonan kementerian untuk tambahan sebanyak RM705 juta diharapkan dapat mempermudah rakyat khususnya B.40 mendapatkan kemudahan kesihatan di hospital kerajaan terutamanya di hospital daerah dan pusat kesihatan kecil. Kita hargai usaha kerajaan menambah jumlah hospital tetapi apakah fasiliti yang disediakan setanding kerana kita dimaklumkan doktor pakar dan bekalan ubat-ubatan serta kemudahan lain sangat terhad.

Kemudahan seperti dialisis, ujian jantung, buah pinggang dan beberapa penyakit kronik lain perlu diperbanyakkan serta diberi keutamaan seperti mana tumpuan kerajaan kepada kempen anti merokok. Apa yang paling penting, kemudahan-kemudahan di hospital daerah hendaklah diukur melalui kepadatan penduduk, dengan izin, salah sebut. Mungkin bulan puasa jadi tertambah banyak perkataan dan keperluan sesetengah tempat bukan mengikut jumlah daerah dalam sesebuah negeri.

**■1230**

Untuk Kementerian Luar Negeri, permohonan sebanyak RM70 juta untuk Kementerian Luar Negeri bagi tahun ini diharap dapat membangkitkan kembali kegemilangan kementerian berkenaan di mata dunia. Selepas kedudukan diplomasi Malaysia terjejas dengan campur tangan kita di Sudan dan beberapa negara Afrika kerana mengikut telunjuk Amerika Syarikat dan pakatan yang diketuai oleh Arab Saudi kita perlu kembali di kedudukan di mana kita dihormati di mata dunia.

Kita berharap dengan pengalaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menjadi tokoh penting dunia dalam isu-isu seperti Bosnia, Namibia, Afrika Selatan, OIC dan lain-lain dapat memainkan peranan untuk mencari pendamaian di Syria, Libya, Sudan serta negara-negara Islam yang lain selain di rantau Asia termasuk Laut China Selatan.

Apakah kerajaan pada hari ini gentar dengan kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Zionis Israel sehingga melambat-lambatkan pembukaan pejabat kedutaan Malaysia di Palestin. Kepada Kementerian Dalam Negeri permohonan sebanyak RM513 juta untuk Kementerian Dalam Negeri diharap mampu untuk memperkenalkan langkah tegas membanteras jenayah pendatang asing dan dadah bagi menjamin kestabilan negara. Isu kebijakan PDRM khususnya berek kediaman dan kemudahan balai polis perlu diberi keutamaan bagi menjamin keselesaan anggota bertugas.

Saya juga difahamkan ada berek polis yang daif daripada rumah PPRT dan ada yang terpaksa guna wang sendiri untuk baik pulih kerosakan kecil sepatutnya ia tidak berlaku. Apakah peruntukan tambahan ini digunakan untuk melestarikan kebijakan anggota polis yang sanggup berkorban menjaga keselamatan negara. Saya ucapkan tahniah di atas lantikan Ketua Polis Negara baharu dan berterima kasih kepada Ketua Polis yang bersara wajib. Kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, saya mengalu-alukan usaha untuk mereformasikan sistem pilihan raya di negara kita.

Kita juga berharap dengan permohonan RM98.4 *million* oleh SPR bagi tambahan perbelanjaan pentadbiran SPR akan menjadi lebih cekap dan setanding dengan negara-negara maju lain dan dalam mengendalikan sistem pilihan raya di negara kita. Apakah sebahagian daripada peruntukan tersebut dibelanjakan untuk perempadanan semula kawasan pilihan raya terutama di negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Terengganu hanya mempunyai lapan Parlimen, 32 DUN. Kadang-kadang dia hendak jadi seri menyusahkan untuk pentadbiran. Manakala empat DUN satu Parlimen anggaran pengundi 110,000 lebih setiap Parlimen menjelang pilihan raya yang ke-15.

Rasanya tidak relevan lagi. Jadi apakah soalan saya apakah SPR tidak bercadang untuk melakukan persempadan semula kawasan pilihan raya terutamanya di negeri Terengganu. Jika benar kerajaan bersungguh-sungguh untuk melakukan perubahan besar dalam sistem ini, lakukan yang terbaik dan hapuskan persepsi pengundi hantu serta segala macam penipuan dalam sistem pilihan raya di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Perbekalan 2018(2019) bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop? Tiada? Okey. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad?

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind.

#### 12.34 tgh.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menerima pakai ucapan daripada Yang Berhormat Laksamana dan dengan juga sahabat saya Yang Berhormat Datuk Razali. Ini kerana seperti mana di tunggu oleh Yang Berhormat Laksamana maka dengan kerajaan baharu ini kita mesti berdisiplin bahawa kementerian ini mesti tahu bajet mereka, perbelanjaan mereka tiap-tiap tahun.

Ini perbelanjaan ini memang melebihi daripada bajet yang telah disediakan. Jadi seperti ditubuhkan oleh kedua sahabat saya di Dewan yang mulia ini maka saya merayuh kepada kementerian-kementerian berdisiplin menyediakan bajet-bajet yang tertentu. Bagaimanapun saya menyokong dengan usaha kementerian-kementerian untuk buat kebaikan untuk rakyat dan negara.

Akan tetapi yang satu yang kesal kecewakan saya Yang Berhormat Menteri ialah dalam tambahan perbelanjaan ini kerajaan tidak menyediakan untuk membayar balik pada negeri Sabah. Cukai-cukai yang dikutipkan dari negeri Sabah menurut Perlembagaan. Pada *Schedule 10*, Perlembagaan Persekutuan. Kita pasti dan juga Menteri Kewangan Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng telah mengakui bahawa Kerajaan Persekutuan telah memutar tangguhkan mungkin beratus juta cukai yang dikutipkan dari Sabah harus dikembalikan menurut Perlembagaan Persekutuan.

Ini kita kecewakan dan saya banyak kali telah utarakan, Tuan Yang di-Pertua perkara ini. Jadi kenapa Kerajaan Persekutuan tidak mengambil tanggungjawab untuk mematuhi pada Perlembagaan Persekutuan. Ini teguran saya Tuan Yang di-Pertua tetapi bagaimanapun seperti

dengan sahabat saya di Dewan yang mulia ini sebelum ini, saya sokong dengan usul ini untuk pindaan tambahan perbelanjaan kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu.

**12.37 tgh.**

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian sedikit sebanyak sahaja tentang Rang Undang-undang Perbekalan yang dibentangkan kepada kita pada pagi ini. Cuma selepas saya melihat sebenarnya saya telah melihat rang undang-undang ini beberapa hari yang lepas ambil kesempatan dan juga apa yang saya boleh simpulkan di sini ialah bahawa anggaran tambahan perbelanjaan yang dibentangkan ini sejumlah RM19.6 bilion.

Sebenarnya ikut perincian dia RM6.3 bilion merupakan komitmen kerajaan terdahulu yang ada komitmen tetapi tidak ada peruntukan. Itu yang saya faham dan kemudian RM4.3 bilion merupakan peruntukan tambahan yang diperlukan untuk bayaran khidmat hutang *of balance sheet* yang dipinjam oleh kerajaan terdahulu juga. Baki sebanyak RM9 bilion pula merupakan perbelanjaan tambahan sebaliknya adalah bukan merupakan perbelanjaan tambahan tetapi sebaliknya pengklasifikasian semula perbelanjaan terutamanya perbelanjaan mengurus kepada perbelanjaan pembangunan.

Pada dasarnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan kerana telah membentangkan satu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang pada saya awal-awal dulu pun saya pelik mengapa perlu ada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Adakah bajet yang dibentangkan oleh pihak kerajaan pada setiap bulan Oktober, tidak silap saya bajet tahunan tidak mencukupi. Akan tetapi, bila kita melihat kembali kepada realistik mengurus kewangan bukan sahaja mengurus kewangan negara, mengurus kewangan keluarga pun kadangkala ada perubahan-perubahan, pindahan-pindahan yang terpaksa dibuat, penyesuaian-penesuaian yang terpaksa dibuat berdasarkan kepada suasana-suasana semasa.

■1240

Lalu melihat kepada keadaan mengurus kewangan ekonomi sesebuah negara yang rencam dengan keadaan cabaran ekonomi yang begitu menghambat, saya kira pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan adalah tidak pelik. Kalau sekiranya ia pelik, tentulah ia tidak pun dibenarkan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Mana mungkin

satu tempat yang meluluskan undang-undang akan melakukan pula tindakan-tindakan yang di luar daripada garis panduan undang-undang yang sebenar.

Justeru, pada saya, saya menerima baik pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan ini dan saya mengambil positif bahawa di sana kalau saya lihat daripada keseluruhan RM19.6 bilion ini, Tuan Yang di-Pertua, RM15.4 bilion itu adalah digunakan, dilorongkan kepada perbelanjaan pembangunan. Kalau ia lebih menjurus kepada perbelanjaan mengurus, saya kira di situ ada masalah yang sangat besar. Akan tetapi kalau kita lihat, keseluruhannya RM4.3 bilion, *something like that*, adalah merupakan perbelanjaan tambahan kepada mengurus manakala yang RM15.4 bilion itu adalah kepada pembangunan.

Lalu bila kita melihat kepada kerangka ekonomi, keperluan ekonomi sesebuah negara, saya kira Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan bukan sahaja asyik berbicara tentang hutang dan kemudian takut untuk berbelanja kerana Perbekalan Tambahan ini sendiri adalah menunjukkan perbelanjaan dan lebih ditumpukan kepada pembangunan. Kita tahu bahawa kalaularah kerajaan menghalang kewangan itu dilaburkan untuk pembangunan, maka tidak adalah kemajuan dan tidak adalah kesejahteraan yang boleh dikecapi oleh rakyat di bawah.

Cuma, ada beberapa perkara yang mungkin saya ingin menarik perhatian iaitu saya percaya amalan untuk mengisyiharkan belanjawan di dalam pembentangan bajet tahunan, kemudian tanpa peruntukan, adalah sangat tidak wajar. Akan tetapi kalau kita lihat daripada yang dibentangkan untuk Rang Undang-undang Perbekalan ini, adalah disebutkan kerana ada diisyiharkan tetapi tidak ada peruntukan.

Jadi saya tidak pasti, apakah ini dibenarkan oleh peruntukan ataupun peraturan kewangan khususnya dalam Akta Tatacara Kewangan 1957. Mungkin saya kira Yang Berhormat Menteri boleh membantu untuk kami memahaminya. Sebab, saya kira untuk masuk tahun kedua di Dewan Negara ini, saya bersedia untuk memahami dan kemudian lebih menyumbang kepada negara untuk memberi nasihat-nasihat, sekiranya perlu, kepada kerajaan.

Seterusnya ialah saya juga ingin menarik perhatian kepada beberapa perkara yang disebut di sini yang sebenarnya- sebagai contoh, semasa tahun 2018, disebutkan bahawa Kementerian Kewangan telah membantu dengan membuat bayaran kupon bon dan *sukuk* 1MDB sebanyak RM1.6 bilion tanpa melibatkan peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen kerana dibiayai daripada sumber *off-balance sheet*. Saya kira ini Yang Berhormat Menteri perlu memberikan penjelasan lebih detil supaya Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang

dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan ini tidak mengundang fitnah ataupun kekeliruan di peringkat Dewan Negara.

Ada beberapa perkara yang mungkin dalam pembentangan tadi terlampau ringkas sehinggaakan perkara-perkara yang lebih asas itu tidak difahami. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri dapat memberi lebih penjelasanlah. Saya ingat setakat itu, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

#### **12.44 tgh.**

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Sebenarnya saya juga bersetuju dengan rakan-rakan yang sebelum saya tadi berhubung dengan pandangan dan cadangan. Cumanya, Yang Berhormat Menteri, saya hendak ambil peluang sikitlah berhubung dengan hendak- pada akhir tahun 2018 yang lepas, cadangan beberapa buah projek mega di negeri Perlis telah dicadangkan kembali kepada Kerajaan Pusat untuk dinilai semula selepas pertukaran tumpuk pemerintahan Kerajaan Pusat pada Mei yang lalu. Namun begitu, cadangan projek untuk pembinaan sebuah lagi hospital di Padang Besar, Perlis tidak diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

Oleh itu, saya ingin memohon supaya Kerajaan Pusat dapat menilai kembali cadangan pembinaan Hospital Padang Besar ini kerana Hospital Besar Kangar yang sedia ada tidak mampu untuk menampung jumlah pesakit yang semakin hari semakin bertambah. Bukan sahaja dari Perlis malahan juga sebahagian besarnya datang daripada sebelah utara Kedah dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sedia maklumlah perkara ini.

Kalaularah cadangan apa yang saya katakan tadi pembinaan hospital itu tidak dapat dilaksanakan juga, saya juga mohonlah pihak Kerajaan Pusat dapat membina ataupun menaiktarafkan lagi pembinaan Hospital Besar Kangar ini atas sebab-sebab yang saya katakan tadi. Dalam masa yang sama juga, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya di samping itu juga dapat membuat pembinaan parkir secara bertingkat sebab di Hospital Kangar itu masalah parkir merupakan satu masalah yang cukup kritikal. Jadi apa yang saya harapkan supaya permohonan ini dapat dipertimbangkanlah oleh kementerian khususnya, rasanya walaupun diletak di bawah Kementerian Kesihatan tetapi ia diputuskan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, saya minta supaya- saya lebih fokus kepada permohonan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan seperti penambahbaikan peralatan. Contohnya kalau kita tengok macam peralatan menyembur denggi, kalau kita tengok, itulah sembur untuk mencegah denggi. Sebab, kalau kita tengok sejak akhir-akhir ini, masalah denggi juga merupakan antara masalah yang cukup kritikal jugalah dan ia juga merupakan ancaman kepada- saya rasa masalah ini bukan sahaja terdapat di negeri Perlis malahan juga terdapat di tempat-tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ini, saya juga ucap terima kasihlah dan saya haraplah permohonan ini akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada kerajaan. Akhirnya, secara keseluruhannya, kebajikan rakyat seharusnya dilihat sebagai isu utama. Sekiranya tidak ada yang membela kebajikan mereka, siapa lagi yang hendak membela mereka? Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia dapat mempertimbangkan segala persoalan dan cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

#### **12.48 tgh.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perbelanjaan Maksud B.42 Kementerian Kesihatan, sebanyak RM705.59 juta dikehendaki untuk diluluskan bagi perkhidmatan sokongan, pengurusan hospital dan bayaran rawatan Institut Jantung Negara. Berdasarkan pemerhatian saya, banyak kelengkapan peralatan bagi hospital-hospital utama terutamanya hospital-hospital di negeri Kelantan masih lagi menggunakan pakai peralatan yang sudah lama dan semestinya prestasi dan fungsinya mengganggu rawatan pesakit.

Contoh yang paling kecil Tuan Yang di-Pertua, saya selalu mendapat rawatan di hospital iaitu membuat fisioterapi kerana tangan dan kaki saya ini sakit. Jadi tangan dan kaki ini dicelup dalam lilin, kemudian selepas celup dalam lilin, dimasukkan dalam satu plastik *transparent*, bungkus.

**■1250**

Jadi, yang menyedihkan, plastik itu bergilir-gilir antara pesakit. Masa dahulu saya rasa tidak ada. Jadi, saya pergi untuk tahun 2019 ini, plastik itu bergilir-gilir. Selepas pesakit, selepas pesakit ini pula guna. Kalau pesakit itu ada kurap atau apa, berjangkitlah kepada kita. Itu yang saya hendak sebut. Itu perkara yang paling kecil. Jadi, yang besar-besar itu ada macam mesin hemodialisis, mesin ECG, yang buat ECG. Kalau hospital di Machang tempat saya itu, yang sudah lama sangat. Jadi, itulah masalahnya.

Jadi persoalan saya, sejauh manakah kerajaan dan kementerian memastikan agar alatan dan kelengkapan sokongan perubatan dibuat perolehan dalam tahun 2018 dan tahun 2019 agar penggantian aset-aset ini dapat meningkatkan mutu doktor-doktor merawat pesakit. Juga terdapat peralatan-peralatan sokongan yang tidak dapat digunakan kerana masalah alat gantian sehingga alatan kelengkapan sokongan perubatan ini tersadai tanpa penggunaan. Jadi soalan saya, sejauh manakah kerajaan mengkaji semula skim perolehan aset hospital? Bagaimanakah latihan dapat diberikan kepada kakitangan sokongan teknikal hospital agar skim penyelenggaraan terbaik dapat dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan bagi mengurus pembayaran bil Institut Jantung Negara juga merupakan perbelanjaan signifikan kerajaan. Kebergantungan kerajaan kepada IJN pada masa kini amat kritikal bagi merawat pesakit jantung kronik. Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, sejauh manakah kerajaan memastikan bilangan doktor pakar jantung dan *personal competence* perawatan masalah jantung ini mencukupi bagi rawatan jantung di seluruh negara? Apakah perancangan bagi kerajaan melengkapkan fasilitet lengkap rawatan jantung yang setaraf dengan IJN di semua hospital, terutama negeri-negeri di Malaysia? Apakah langkah intervensi yang patut kerajaan lakukan agar bilangan pesakit kronik jantung boleh dikurangkan? Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019 ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

**12.53 tgh.**

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM50 juta diperuntukkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia bagi menampung keperluan tuntutan elaun lebih masa pegawai-pegawai imigresen. Justeru, dengan peruntukan tambahan ini, kawalan kemasukan orang asing ke Malaysia dapat dikawal dengan cekap. Sering kali mendapat liputan daripada KDN, serius dalam membendung kehadiran pendatang asing tanpa izin dan para pekerja asing yang melewati tempoh sah permit kerja.

Justeru, saya ingin mendapatkan kepastian Yang Berhormat Menteri, sejak tahun 2018, berapa ramaikah penahanan terhadap PATI- pendatang asing tanpa izin, ditangkap dalam operasi bersepadu imigresen dan PDRM? Bagaimanakah cara terbaik kerajaan untuk memastikan bilangan pendatang asing tanpa izin ini disifarkan jumlahnya dalam negara?

Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

#### 12.54 tgh.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019 ini. Kalau kita lihat, semalam diberitahu bahawa sebahagian besar peruntukan pembangunan kita daripada- melalui hutang.

Ini kerana pendapatan kita, bajet yang lepas lebih kurang daripada sasaran bajet-pendapatan kurang daripada sasaran yang saya rasa agak kritikal. Ini sebab kalau kita berterusan hutang, maknanya negara akan terus meningkatkan hutang. Apa yang hendak saya-kecekapan dalam pentadbiran. Mudah-mudahan amalan tender terbuka dapat mengawal kos yang meningkat berbanding seandainya rundingan terus. Sering kali runding terus yang lepas itu kosnya sangat tinggi. Kalau dapat diteruskan amalan tender terbuka ini, hatta tender terhad pun kena kawal sebab tender terhad juga sebahagiannya kosnya agak tinggi. Itu yang pertama.

Keduanya ialah soal kecekapan dalam pentadbiran. Saya ingin merujuk kepada B.9 – *Malaysian Anti-Corruption Commission*, peruntukan RM5 juta yang diminta dalam bajet tambahan ini. Kalau kita lihat bangunan SPRM di Putrajaya, tersergam indah dengan penuh perjawatan, segala scale pun ada. Baru dibina di Shah Alam, Tuan Yang di-Pertua boleh lihat di Shah Alam, sebelah masjid Seksyen 6 itu, satu bangunan yang indah juga. Ini hendak menggambarkan betapa tingginya kos untuk mengawal amalan rasuah di negara ini. Akan tetapi

bangunan ini tidak menggambarkan bahawa amalan rasuah ini dapat dikurangkan. Satu demi satu kes rasuah dibawa ke mahkamah.

Kita harapkan kerajaan yang baharu ini kena bertegas soal rasuah sebab ini adalah kanser yang membarah dalam masyarakat yang telah menghalang negara ini untuk maju, menjadikan kos pentadbiran sangat tinggi. Jadi, apakah badan ini benar-benar bebas untuk menjalankan tugasnya? Sehingga hari ini, SPRM ini tidak boleh membuat pendakwaan sendiri sebab pendakwaan melalui proses Pejabat Pendakwa Raya. Oleh sebab itu kita pastikan tidak ada lagi amalan pendakwaan berpilih-pilih berlaku dalam soal rasuah ini. Hatta dalam kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini menyatakan ada segelintir lagi kakitangan awam yang terlibat dengan amalan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang Islam, saya bangga semalam, ramai kawan yang bukan beragama Islam mengucapkan selamat berpuasa. Apa makna berpuasa? Berpuasa maknanya, amalan-amalan yang halal di bulan biasa menjadi haram bagi kita ketika berpuasa. Contohnya, makan dan minum adalah halal biasa tetapi haram. Maknanya, dalam hidup ini ada amalan halal dan haram. Rasuah ini adalah amalan haram yang sangat menjijikkan. Kalau kita lihat bagi masyarakat Islam kalau tengok babi, *masya-Allah jijik* sekali tetapi bila rasuah tidak jijik. Di mana silapnya sistem kita?

Kalau lihat amalan rasuah ini menjadi biasa sahaja, bahkan yang ditangkap dalam amalan rasuah ini- baru-baru ini berduyun-duyun, berjemaah amalan rasuah ialah orang Melayu beragama Islam dari JPJ. Banyak lagi agensi-agensi yang lain yang terlibat dalam amalan-amalan begini. Di Puspakom umpamanya, hendak *check* kenderaan kena ada agennya. Kenapa agen? Ini sebab agennya mudah untuk berhubung dengan pegawai-pegawai.

Jadi, kalau boleh kita kawal, sebenarnya kos pentadbiran tidak perlu begitu tinggi. Ia menggambarkan betapa rosaknya hati orang Islam hari ini, sanggup menerima rasuah sedangkan ia adalah amalan haram yang tidak memberikan keberkatan dalam hidup, yang merosakkan ekonomi negara. Kalau ini boleh ditanamkan dalam diri, tidak perlu kos yang tinggi untuk kita membelanjakan belanja yang begitu tinggi, bangunan yang begitu indah, pegawai dan sebagainya, untuk mengawal amalan-amalan yang jijik dalam masyarakat ini. Jadi, itu yang pertama.

Keduanya ialah saya lihat dalam peruntukan Jabatan Perdana Menteri, yang minta RM215 juta. Saya banyak kali sebut soal ini supaya ditingkatkan keupayaan Senator-senator di negara ini. Semalam Menteri jawab kata tiada peruntukan langsung, sedangkan kita diberitahu sebelum ini ada peruntukan diberi kepada Senator Dewan Negara. Hari ini yang ada pada

Senator hanya eluan sahaja. Bagaimana kita hendak- pejabat sokongan, kita perlu ada pejabat, ada staf. Saya gaji pertama sudah bayar pejabat. Jadi, macam mana Ahli Senator ini hendak berfungsi, berperanan baik tetapi peruntukan diminta daripada Ahli Senator untuk luluskan bajet ini. Jadi, saya rasa pihak Menteri kena...

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Kesianlah kepada kami sebab itu peruntukan sebanyak RM215 juta Jabatan Perdana Menteri ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Saya hendak mohon laluan Yang Berhormat, boleh? Yang Berhormat sentuh tentang peruntukan Senator, kelmarin kita pun hendak bercakap juga tetapi Tuan Yang di-Pertua sudah suruh kita semua *stop, because the answer* daripada Timbalan Menteri itu sama sahaja.

Cuma saya ingin tanya Yang Berhormat Senator, adakah Yang Berhormat Senator setuju bahawa cukup dengan hanya *research officer* yang disediakan oleh Parlimen kita? Kalau ada dua atau tiga orang, paling pun beberapa orang yang sama membuat kajian perkara yang sama, yang akhirnya akan menghasilkan perkara yang sama untuk dibincangkan dan diguna pakai oleh 70 orang. Adakah Yang Berhormat setuju cukup dengan itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Terima kasih banyak. Saya nyatakan ini berkali-kali supaya Senator ini diberi peruntukan. Saya difahamkan sepenggal yang lepas, Senator-Senator ada peruntukan, bahkan ada yang dapat lebih pun. Jadi, kita kena teruskan amalan yang baik ini. Bila minta bajet daripada kami, kami luluskan. Jadi, kami minta, tidak dapat. Apa jadi kalau kita tolak usul hari ini, tentulah ada masalah. Kata Senate tidak beri kerjasama dengan kerajaan. Akan tetapi bila Senator minta, kena bagilah [*Ketawa*]

Kemudian, kita bukan hanya perlukan *research officers*, kita hendak buat *legal research*, tidak semua yang *background legal*. Kita hendak buat *legal research* kena ada *legal assistants*, kena ada staf sokongan di pejabat. Oleh sebab itu, saya rasa kita setuju luluskan RM215 juta untuk Jabatan Perdana Menteri tetapi pihak kerajaan juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** ...Kena pertimbangkan kepada permohonan Senator ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 tengah hari. Yang Berhormat boleh sambung selepas pukul 2.30 petang. Sudah habis masa.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Penggulungan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk. Sudah habis masa. Dewan akan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung perbahasan Yang Berhormat Senator.

**2.30 ptg.**

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana bersama saya sekali lagi menyambung perbahasan ini.

Saya mulakan ucapan tadi ialah dengan mengatakan bahawa kerajaan berbelanja mahal, belanja yang besar untuk membendung amalan rasuah. So, dalam bajet tambahan ini diminta lagi RM5 juta untuk pengurusan rasuah di negara ini. Tidak ada kaedah-kaedah lainkah yang lebih murah, yang lebih jimat untuk membendung rasuah? Saya rasa negara-negara maju seperti di Jepun dan Korea tidak akan belanja sebanyak ini untuk membendung rasuah.

Di akhir ucapan tadi, saya menyebut soal peruntukan kepada Ahli Dewan Negara sebab amalan yang baik ini diteruskan. Saya difahamkan sebelum ini, Ahli Dewan Negara peruntukannya- saya rasa mungkin Ahli Dewan Negara yang lama boleh sahkan bahawa ada peruntukan. Jadi, kenapa kerajaan baharu ini menghentikan? Sebaiknya, bukan dihentikan, ditambah sebab kami lebih efisien dan kami janji kami tidak akan rasuah. Kita tidak akan corrupt.

Jadi, kebetulan yang hadir pada hari ini Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi saya rasa saya memberikan pandangan ini pada yang tepat sekalilah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk sampaikan peruntukan, tidak banyak. Ketika saya di row kerajaan, dahulu saya selalu bagikan soal keadilan dalam demokrasi supaya layanan kepada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara sama ada kerajaan atau tidak kerajaan adalah serupa. Oleh sebab daripada segi hak, daripada segi demokrasi, mereka sama. Lagi-lagi di Dewan Negara yang hanya 70 orang ini tidak ada batas di antara kerajaan atau pembangkang.

Oleh itu, kita minta supaya peruntukan ini diberikan kepada semua. Saya rasa tidak ada seorang pun Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang membangkang cadangan saya ini. Ada yang bangkang, kah? **[Ketawa]**

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]* Setuju.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Jadi layanan ini harus diberikan sama kepada Ahli Dewan Negara, peruntukan yang sama. Oleh sebab dahulu saya sebut tidak adil kerana hanya kerajaan dapat dan yang pembangkang tidak dapat.

Untuk kerajaan yang baharu, saya rasa kena berikan layanan yang sama kepada semua Ahli Dewan Negara. Ini hak dari segi demokrasi agar prestasi Dewan Negara ini akan lebih baik, lebih ditingkatkan.

Sebagai Ahli Dewan Negara juga, saya mendapat jemputan ke seluruh Malaysia, Tuan Yang di-Pertua- lagi-lagi Tuan Yang di-Pertualah. *Of course* sebagai Yang Berhormat Senator bila balik dulu, surat. Apa saya mahu jawab? Surat kosong. Buruk sangat jadi Yang Berhormat Senator ini, RM500 pun tidak boleh bagi. Jadi untuk mengekang budaya rasuah, saya rasa wajar supaya peruntukan diberikan, agar kita boleh lebih telus dalam pentadbiran.

Jadi saya menyokong bajet tambahan ini, bukan hanya *with conditions*. Sepatutnya *with conditions* ini. Akan tetapi kita menyokong agar Yang Berhormat Menteri juga mempertimbangkan permintaan Dewan Negara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Saya baru mahu mencelah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator nanti ada nama dekat sini?

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tidak, itu bahas. Ini mencelah *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Boleh? Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Senator tadi- terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab tadi Yang Berhormat Senator ada mengatakan bahawa *legitimacy of Senator* ini tidak kiralah kerajaan ataupun pembangkang. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Senator, kita Senator yang lama ini dahulu kita ada menerima peruntukan, Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan-peruntukan ini ada yang sebahagiannya telah pun diluluskan dan telah diperuntukkan kepada NGO-NGO dan mereka telah pun melaksanakan aktiviti dan program.

Akan tetapi apabila tibanya pertukaran kerajaan, kebanyakan peruntukan ini sudah dibatalkan secara automatik. Maka peruntukan-peruntukan yang kita sudah janji kepada NGO yang sudah pun buat program, tidak dapat kita laksanakan, tidak dapat kita berikan sedangkan

kita ini semua adalah juga Senator. Masih lagi Senator-Senator yang diiktiraf oleh kerajaan tidak kiralah dahulu ataupun sekarang.

Itulah saya hendak tanya pandangan kepada Yang Berhormat Senator, adakah seharusnya diberikan keadilan ataupun sama rata, sama ada dahulu ataupun sekarang? Ini kerana adalah janji kita kepada rakyat. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Soal *legitimacy of the government*, siapa sahaja kerajaan yang dipilih oleh rakyat adalah *legal*. Apa-apa dokumen yang sah terdahulu, adalah sah sekarang. Pengalaman saya di Selangor, apa sahaja perjanjian atau apa sahaja kontrak yang ditandatangani terlebih dahulu hendaklah disempurnakan oleh kerajaan yang kemudian. Oleh sebab, kerajaan hanya menyambung sahaja, kecuali yang *illegal*. Maknanya, semua *legal document* adalah *legal* dan bertanggungjawab untuk diteruskan. Itu pada pandangan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

### 2.37 ptg.

**Puan Asmak binti Husin:** *A'udzubillah himinasyaitonirrojim. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Perbekalan untuk kali ini. Sebelum saya menyentuh tentang beberapa isu yang ingin dibangkitkan, saya rasa sudah tiba masanya untuk kita memikirkan kembali hala tuju perancangan perbelanjaan dan pendapatan kerajaan.

Ini kerana, sebelum ini mungkin di antara kita ini ada yang berpegang pada falsafah ekonomi khusus barat di mana- kalau kita tengok kepada ahli ekonomi barat ini, mereka mengatakan defisit dalam perbelanjaan ataupun hutang dalam negara itu adalah sesuatu yang bagus selagi tidak mencapai tahap tertentu. Akan tetapi, saya rasa, mulai sekarang kita sudah mula berfikir dan merancang bagaimana untuk berbelanja mengikut pendapatan dan juga berbelanja agar tidak ada defisit.

Satu lagi ialah, dari sudut perbelanjaan dan pendapatan negara, saya juga tertanya-tanya apakah sebenarnya fokus kerajaan sekarang? Adakah kita dalam proses pendapatan kita ini kita fokus kepada NKRA Kesebelas? Macam yang hari itu atau macam mana? Oleh sebab, bila bercerita tentang perancangan kewangan ini, mahu tidak mahu kita kena balik kepada asas dasar ekonomi.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang beberapa tambahan bajet yang berkaitan dengan negeri Kelantan iaitu pertama, berkaitan dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli mengenai perancangan bekalan air di Kelantan.

Dua persoalan yang saya ingin timbulkan iaitu *non-revenue water*- NRW nasional pendekatan satu yang telah ditender sebelum ini, tetapi kemudiannya ada arahan untuk menender balik sedangkan kita sudah ada *bill of quantity* yang telah siap ketika itu. Jadi, mohon *feedback* daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, apakah status permohonan pinjaman kepada geran bagi projek pembangunan air yang telah dijalankan di luar bandar?

#### ■1440

Seterusnya saya ingin menyentuh Jabatan Perdana Menteri mengenai isu Majlis Keselamatan Negara. Ini sebab ada dibangkitkan mengenai bajet tambahan. Kami di Kelantan memohon agar Majlis Keselamatan Negara di peringkat negeri Kelantan dipengerusikan oleh YAB Dato' MB sendiri. Memandangkan kalau negeri lain semuanya dipengerusikan oleh MB, jadi perancangan bajet itu dapat diselaraskan antara negeri dan juga Persekutuan. Sebelum ini kalau di Kelantan amalannya, pengerusi kepada Majlis Keselamatan Negara ini dipengerusikan oleh Pengerasi Barisan Nasional Kelantan. Jadi untuk kali ini kami mohon dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Kelantan sendiri.

Seterusnya menyentuh pula tentang Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang berkaitan dengan pembiayaan Islam. Pembiayaan Islam sedikit sebanyak telah mula menjadi pilihan rakyat termasuk *non-Muslim*. Akan tetapi ada ahli akademik berpandangan produk-produk perbankan Islam di Malaysia banyak mengambil kerangka konvensional dan membuat islamisasi produk. Kesannya falsafah perbankan Islam itu tidak dirasai dan difahami oleh rakyat. Jadi saya rasa falsafah ini harus timbul terutamanya ketika kita sekarang tengah hendak membuat reformasi terhadap ekonomi yang ada di Malaysia.

Jadi soalan saya, apakah langkah kerajaan untuk mengorak ke fasa seterusnya iaitu modifikasi produk agar selaras dengan falsafah Islam? Saya juga ingin mencadangkan agar wang hasil *gharamah* ataupun *ta`widh* iaitu penalti caj yang ada dekat bank-bank Islam itu tidak boleh digunakan oleh kepentingan bank tetapi saya ingin mencadangkan agar ia boleh digunakan untuk membantu menjelaskan baki hutang peminjam yang tidak mampu tetapi mereka mempunyai rekod bayaran yang baik terutama kita katakan yang melibatkan B40 dan sebagainya. Jadi harap perhatian pihak Menteri.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh juga tentang bajet tambahan yang berkaitan dengan kontrak kawalan keselamatan sekolah yang ada dinyatakan iaitu di bawah Kementerian Pendidikan. Sebelum ini kerajaan telah membuat kontrak-kontrak baru yang berkaitan dengan keselamatan sekolah. Namun begitu, kita tengok kontrak baru ini ia telah mengurangkan daripada empat pengawal kepada tiga pengawal. Satu sekolah sebelum ini kita ada pengawal yang dua siang, dua malam tetapi sekarang kita telah tukar kontrak ini- kerajaan telah tukar kontrak ini kepada tiga orang bagi satu sekolah. Di mana setiap orang itu hanya bertugas lapan jam. Maknanya seorang bagi satu waktulah. Jadi bila seorang bertugas bagi satu waktu, kita ada effect.

Pertamanya ialah dari segi gaji pengawal keselamatan itu memang telah diturunkan. Kalau sebelum ini mereka boleh cecah sebab seorang dia akan bekerja untuk 12 jam. Jadi gaji mereka boleh cecah sampai RM2,000 lebih tetapi sekarang gaji mereka RM1,500 ke bawah kerana mereka bertugas lapan jam sahaja.

Kedua, ialah isu keselamatan. Bila seorang sahaja bertugas untuk satu waktu maka kebiasaannya dibuat oleh kontraktor adalah meletakkan mereka dekat pos kawalan keselamatan sahaja. Jadi kalau waktu malam ia agak berbahaya terutamanya yang melibatkan kepada sekolah berasrama. Kalau sekolah berasrama mereka memerlukan lebih daripada seorang pada waktu malam kerana mereka terpaksa mengawal keselamatan antara pelajar itu kalau ada lelaki dan perempuan dan sebagainya.

Oleh itu saya ingin mencadangkan agar kontrak ini di-revise kembali dan harus dilihat berdasarkan keperluan sekolah. Saya faham di mana kerajaan mungkin adakekangan wang sekarang tetapi daripada mengurangkan kepada tiga orang lebih baik kita lihat kepada keperluan sekolah. Sekolah kecil seperti sekolah Tamil di estet-estet ataupun sekolah Sabah Sarawak, kebiasaannya mereka mempunyai satu atau dua bangunan sahaja.

Jadi saya cadangkan untuk sekolah seperti ini kita bolehkekalkan dengan tender baru iaitu dengan tiga pengawal tetapi lebih baik kita buat seorang siang tetapi dua orang malam sebab ia satu bangunan, dua bangunan. Akan tetapi untuk sekolah yang besar-besar lebih baik kitakekalkan kepada empat orang untuk aspek keselamatan dan sebagainya.

Jadi saya rasa itu sahaja daripada saya. Maka saya memohon menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

## 2.44 ptg.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hormati Timbalan Menteri yang tekun mengambil nota. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hanya ada tiga poin.

Pertama sekali, amalan untuk memohon perbelanjaan tambahan ini ialah satu perkara yang dibenarkan di bawah Perlembagaan. Walaupun begitu Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa di bawah Kerajaan Pakatan Harapan ini saya mencadangkan agar pendekatan yang lebih demokratik diperkenalkan.

Maksud saya adalah pertama sekali kita janganlah memohon perbelanjaan itu apabila telah digunakan walaupun dibenarkan. Sebenarnya kita bahas hari ini benda itu sudah digunakan. Jadi perkara itu pada saya hatta Perlembagaan mahupun undang-undang mestilah lulus *common sense*. Jadi akal rakyat kadang-kadang bertanya perkara-perkara yang perlu kita jelaskan sebagai pemimpin. Bagaimana kita memohon belanja yang baru diluluskan oleh Dewan-hendak luluskan pun kita hari ini bersidang- habis duit lagi, cukai rakyat juga.

Jadi saya rasa mungkin di bawah kerajaan baharu ini- ini reformasi pentadbiran, *governance*, kita memperkenalkan satu pendekatan yang agak wajar. Saya melihat perbahasan-perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi perkara tersebut boleh dirancang dan Perlembagaan memberi ruang kalau ada perkara-perkara yang digunakan tadi keterdesakan wajar.

Akan tetapi, persoalan saya kalau kita boleh mengambil kira perkara yang lebih demokratik, maksudnya hendak guna duit rakyat seperti dikatakan di bawah fasal bab 7 bermula di situ mengenai perbelanjaan kewangan tidak ada satu pun wang cukai rakyat yang boleh digunakan tanpa perundangan. Itu secara falsafahnya. Jadi secara teorinya kita kumpul duit atas nama segala macam cukai. Jadi untuk hendak guna di bawah *consolidated fund* itu kita perlukan undang-undang.

Akan tetapi di sini saya sebagai pengamal undang-undang pun saya- undang-undang ini ada perkara yang tidak- dipanggil tidak boleh bersifat retrospektif. Itu prinsipnya. Maksudnya kita luluskan undang-undang tapi benda itu sudah dibuat. Undang-undang ini biasanya diluluskan sekarang untuk benda masa depan. So, bagi saya ini ialah kebijakan-kebijakan kepimpinan yang saya cadangkan boleh diusahakan, satu.

Poin kedua ialah mengenai desentralisasi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa pendekatan di bawah kerajaan Pakatan Harapan hari ini masih lagi bersifat *top down*, sangat *centralize* sifatnya. Maksudnya kita di Putrajaya bincang semua yang mana yang kita rasa negeri-negeri di wilayah kita ini perlu tetapi saya rasa masih lagi ada suara-suara contohnya saya dari

Pulau Pinang, Senator yang dilantik oleh Pulau Pinang. Kerajaan Pulau Pinang kata *airport* baru dekat- cadangan *airport* baru dekat Kedah. Mungkin Timbalan Menteri mesti tidak setuju dengan saya sebab dia orang Kedah. Jadi Ketua Menteri saya kata cadangan itu tidak berapa sesuai. Kalau hendak buat pun kena bincang. Akan tetapi poin saya ialah kenapa jadi begitu kemungkinan, mungkin sifatnya masih lagi *centralize*.

Salah satu perkara yang berjaya yang dilakukan oleh kerajaan...

**Puan Asmak binti Husin:** Saya mohon pencelahan Yang Berhormat? Mohon pencelahan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Berminat? Okey.

**Puan Asmak binti Husin:** Begini, saya rasa tertarik dengan apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat. Semalam ada bangkitkan isu Ordinan 81 yang menyatakan ada obligasi negeri terhadap Persekutuan tetapi tidak ada peruntukan sebaliknya. Mungkin Yang Berhormat ada pandangan berkaitan dengan perkara ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam menjawab bahawa kita ada Majlis Perundingan yang mantap antara negeri dengan pusat. Oleh sebab selain daripada bawa kes ke mahkamah, majlis perundingan terbaik. Akan tetapi kami di Kelantan kadang-kadang tidak merasakan perundingan yang efektif. Jadi apa pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Pandangan saya mudah Timbalan Menteri. Sebenarnya antara kes yang pertama yang dibawa di dalam Perlembagaan mencabar aspek kewangan keperlembagaan- daripada Kelantanlah. Jadi saya menghormati. Orang Kelantan ini ia ada sejarah. Dia pastikan hak-hak negeri itu dijaga walaupun kes itu mereka kalah. Seingat sayalah tapi itu bagus.

Apa yang saya maksudkan di sini Timbalan Menteri ialah apa yang berjaya di Indonesia yang saya tahu antaranya desentralisasi. Kalau dulu sangat Jakarta *driven* sifatnya tetapi bila pasca reformasi jadi kepentingan wilayah itu diberi lebih.

Jadi pada pandangan saya di Dewan Negara ini, mungkin Timbalan Menteri tidak perasaan sebenarnya kami ini ialah wakil wilayah. Dewan Negara ini di bawah Perlembagaan, kami selain suara Pusat, ini ialah suara-suara daripada wilayah. Jadi inilah tempat di mana kerajaan pusat hari ini membuktikan bahawa kami ini yang mana membawa suara-suara wilayah ini sebenarnya boleh juga menyokong perkara-perkara yang sesuai untuk negeri-negeri kami. Oleh sebab itu saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian walaupun tidak *complete decentralization* tapi maksud saya sedikit sebanyak menunjukkan bahawa suara rakyat akar umbi terutama pimpinan yang terpilih di peringkat negeri itu diangkat.

**■1450**

Dalam majlis seperti dihujahkan oleh Yang Berhormat tadi, memang ada tapi kita tahu keterbatasan mesyuarat sebegitu. Bayangkan kalau di bawah kerajaan baharu ini, di bawah pimpinan kakanda saya ini- Anak Bukit ini, saya rasa dia boleh melakukan satu reformasi yang berjaya, itu satu.

Kedua, saya rasa wajar juga untuk saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kami di Dewan Negara ini baru sahaja selesai menyiapkan Laporan Reformasi Dewan Negara yang mana kami secara muafakat, sebulat suara yang mana kami mahu menjayakan agenda manifesto Pakatan Harapan untuk reformasi Parlimen- di mana saya tahu rakan bijaksana saya pimpinan Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim cuba melakukannya di Dewan Rakyat dan di sini untuk juga rekod, kami mendapat sokongan penuh oleh Speaker Dewan- kita bagi satu... [Tepuk] Yang mana memberi mandat dan kami ingin- saya katakan di sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri, di dalam segala keterbatasan tanpa peruntukan telah mengadakan *roundtable*- pergi ke Sarawak, menjemput pakar-pakar daripada luar, Speaker daripada Kanada dan sebagainya, dan ini kami buat dalam segala keterbatasan untuk kepentingan apa? Kerajaan hari ini. Jadi, saya rasa perkara ini perlu mendapat pengiktirafan- dengan cuba menyantuni pandangan-pandangan yang rakan saya kata tadi- peruntukan yang sesuai untuk kami berfungsi.

Dan yang ketiga, ingin juga saya katakan apabila jumlah sebesar RM4 bilion lebih diminta dan RM200 juta lebih di bawah Jabatan Perdana Menteri, dan saya difahamkan dalam bajet yang lalu, sekitar RM100 juta lebih sahaja untuk Parlimen dan satu pertiga saya difahamkan oleh pegawai untuk Dewan Negara, tidak banyak Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja.

Jadi, saya mengandaikan di bawah kebijakan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada pada hari ini, di bawah pimpinan- ada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, ada Menteri Kewangan, saya rasa apa yang Tun Dr. Mahathir, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hasratkan ketika mana kami berdialog di Putrajaya baru-baru ini, saya bangun dan bertanya, "Tun, apa yang Tun nampak peranan boleh dimainkan oleh Dewan Negara?" Beliau mengatakan, "Saya muhu Dewan Negara pertingkatkan perbahasannya." Dia cakap.

Jadi, mengambil kira pandangan Tun itu, saya rasa sistem sokongan untuk rakan-rakan Yang Berhormat Senator saya ini perlu dipertingkatkan. Maksudnya sistem sokongan itu daripada segi penyelidiknya, daripada segi aspek perjawatan- staf-staf di sini.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita berbahas di sini semua perkara bercetak- ini dibuat dengan rapi oleh pegawai-pegawai. Tahu ataupun tidak, mereka kadang-

kadang terpaksa tidur di dalam kamar itu sebab daripada Dewan Rakyat ke Dewan Negara kadang-kadang tidak ada *gap*, ini maklumat yang saya dapat secara sedikit. Jadi saya mengandaikan bajet tambahan ini... *[Menunjukkan senaskhah dokumen]* Saya rasa selain daripada menjayakan agenda ekonomi lain, saya percaya ia akan mampu mengangkat Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini apabila agenda reformasi Parlimen itu dapat dijayakan.

Sedikit *footnote* untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri- negara-negara yang mana cuba menjalankan pentadbiran secara demokrasi telah terbukti akan membangunkan aspek ekonominya, akan membangunkan aspek kesejahteraan rakyatnya.

Jadi saya rasa, Parlimen perlu diberikan perhatian oleh pentadbiran hari ini terutama sekali Menteri Kewangan agar daripada jumlah RM215 juta yang diminta ini, bagilah sedikit dengan kami, boleh? Sebab saya tengok dalam RM100 juta ini tidak banyak, boleh? Jadi itu.

*Point* yang seterusnya yang saya rasa juga mungkin membantu pentadbiran pada hari ini ialah pendekatan yang digunakan oleh negara-negara yang telah berjaya contohnya melibatkan *e-Budgeting, digitalization* kerana perkara tersebut telah dibahaskan oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Ini kerana saya melihat perkara-perkara yang boleh kita buat secara *digitalization* ini, ia akan membantu daripada segi ketelusan dan sebagainya. Saya rasa agenda ini perlu diangkat oleh kerajaan pada hari ini terutama sekali di dalam memastikan bahawa dalam masa-masa akan datang, bajet tambahan itu tidak akan menjadi permasalahan baharu- menambah tahap hutang kita.

*Point* yang terakhir Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun saya rasa kami baharu terbabit- mesyuarat tengah hari tadi semasa *break-* kita ada satu laporan yang mana sepatutnya saya serahkan kepada Menteri yang berkaitan tetapi saya rasa agak tidak bersalah Menteri yang merancang aspek kewangan juga perlu mengetahui ini kerana saya rasa reformasi Dewan mungkin dua aspek, satu yang tidak melibatkan implikasi kewangan tetapi mungkin akan mempunyai implikasi kewangan yang saya rasa wajar disokong penuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi, saya dengan rendah diri atas semangat memperkasakan- reformasikan Dewan Negara dan Parlimen secara amnya, menyokong rang undang-undang yang diusulkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah.

## 2.55 ptg.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim.*  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Pertama, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya turut berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019. Ada beberapa perkara sahaja yang ingin saya sentuh.

Pertama berkenaan dengan peruntukan kewangan tambahan sebanyak RM215.4 juta yang diperuntukkan yang diperlukan untuk pembayaran utiliti dan pengurusan *facility* dan selenggara kuarters. Pada pemerhatian saya terdapat banyak kuarters yang dihuni penjawat awam gagal dijaga dengan baik kerana kekangan bajet dan kebanyakan laporan kerosakan terpaksa menunggu lama untuk sesuatu baik pulih dapat dilaksanakan dan terdapat banyak rumah kosong yang masih belum dihuni. Ini menyebabkan harta tanah ini mengalami kerosakan teruk sehingga menimbulkan kos yang lebih tinggi untuk di baik pulih.

Soalan saya kepada pihak kerajaan, apakah kerosakan kecil dan pemberian berkala boleh dilakukan segera agar kos baik pulih kuarters ini dapat diminimumkan dan bagaimanakah prinsip akauntabiliti dapat diterapkan agar ancaman vandalisme dan sikap penghuni yang peka kepada isu kerosakan dan pemberian dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai tindakan kerajaan yang telah mengenakan had siling bagi pembiayaan peruntukan Ahli Parlimen Dewan Rakyat ke atas rumah-rumah ibadah, masjid dan surau. Di mana yang saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, kalau sekarang ini tokong dan kuil hadnya hanya RM20,000. Ini saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah menaikkan juga jumlah peruntukan Ahli Parlimen Dewan Rakyat. Kalau dahulu kuil dan tokong hanya dihadkan sebanyak RM10,000 tetapi di bawah kerajaan sekarang ini ditingkatkan kepada RM20,000 kepada rumah-rumah ibadat, kuil dan juga tokong.

Namun, apa yang saya hendak bertanya adalah berkenaan dengan masjid dan surau. Ini kerana saya juga mendapat aduan dan juga maklum balas daripada rakyat-rakyat terutamanya di kawasan kampung-kampung dan luar bandar kerana saya dimaklumkan bahawa untuk masjid dan surau ini peruntukan ICU wakil rakyat dihadkan kepada RM50,000. Kalau sebelum ini peruntukan pembiayaan untuk masjid dan juga surau tidak mempunyai had.

Soalan saya kepada pihak Menteri, apakah dan juga mengapakah peruntukan bagi pembiayaan masjid dan surau ini dihadkan sedangkan ia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang mana agama Islam adalah Agama Persekutuan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM300 juta diperuntukkan untuk bayaran kepada kontrak pembersihan dan kawalan keselamatan di bawah Kementerian Pendidikan. Saya

ingin tegaskan bahawa peruntukan untuk pembersihan dan kawalan keselamatan ini memberi impak yang sangat tinggi kepada guna tenaga manusia setempat.

Saya dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia telah menukar format dua syif yang memerlukan empat pengawal ditukar kepada tiga syif yang hanya menyebabkan tiga pengawal bertugas. Ini akan menyebabkan hampir 12,000 orang pengawal hilang pekerjaan. Soalan saya, bolehkah dalam keadaan ekonomi sekarang penukaran ini tidak melibatkan penempatan kerja pengawal sedia ada supaya ia tidak membuatkan lebih ramai rakyat Malaysia dibuang ataupun hilang pekerjaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali adalah berkenaan dengan pengurusan tatacara kewangan tender.

Satu lagi persoalan mengenai ketelusan dan kecekapan kerajaan dalam mengendalikan proses bidaan awam bagi projek-projek pembangunan.

Saya mendapat makluman kebanyakan tender-tender terbuka yang dibuat pada suku ketiga 2018 dan awal tahun 2019 ini belum dianugerahkan kepada pembida-pembida yang berjaya. Lebih malang lagi terdapat beberapa tender tidak dikeluarkan paparan jadual tender yang menyenaraikan semua pembida apabila dokumen tender dihantar terutamanya ada beberapa tender yang saya dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua yang bernilai ribuan kerana tender-tender itu dibuatkan oleh konsultan swasta. Maka tender-tender itu dibeli oleh kontraktor-kontraktor dengan harga RM2,000, RM3,000 satu tender tetapi masih belum bukan sahaja ditawarkan tetapi sudah tamat pun tempoh tender tetapi tidak dipaparkan juga senarai harga itu.

Maka saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, apakah tatacara kewangan yang terkini oleh kerajaan untuk membantu ataupun bagi projek-projek yang ditawarkan untuk bidaan awam yang belum dimuktamadkan dan senarai jadual bidaan dipaparkan di laman web dan juga papan kenyataan. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Kementerian Kewangan untuk menjawab.

■1500

3.00 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya agak terkejut, ingatkan ada lagi yang hendak- jadi bersedia untuk mengambil nota untuk menjawab, tiba-tiba *plane* sudah *landing*. So, dia hendak kena *emergency* punya prosedur sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan perbekalan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama 2018 yang berlangsung pada hari ini. Saya tidak akan meng-address secara satu persatu, cuma kalau dapat saya rangkumkan semua pertanyaan-pertanyaan yang telah dibuat oleh semua Yang Berhormat Senator tadi.

Secara umumnya, sebab tadi beberapa Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian telah menyatakan tentang sama ada semua ini *is in order?* Jadi walaupun ada tadi saya tengok Tuan Yang di-Pertua ada menyebutkan ataupun memberi isyarat *body language* dengan mengangguk sebab beliau sudah lama di dalam Dewan ini. Sebenarnya *everything is in order*, dengan izin. Kenapa belanja dahulu- dan semua yang kita bentangkan ini adalah untuk belanja mengurus, jadi kalau yang dibangkitkan tadi tentang belanja pembangunan dan sebagainya ia tidak termasuk dalam perbekalan tambahan ini. Ia adalah untuk belanja mengurus yang mana bajet asalnya dibentangkan pada hujung tahun 2017 untuk diberlanjutkan dalam tahun 2018.

Punca kuasanya ini ialah seperti yang kita telah sebutkan tadi, ia adalah kerana perbelanjaan ataupun anggaran- sebab itu kita sebut bajet ini adalah sebelum dibentangkan itu ia berdasarkan kepada anggaran hasil yang akan dipungut oleh negara dan kemudiannya berapa banyak yang akan kita belanjakan. Jadi, sebelum sesuatu bajet itu dibentangkan, sudah tentu ia melalui proses yang dinamakan *budget inspection*.

Kementerian akan minta sekian-sekian banyak berdasarkan kepada keperluan dia. Sudah tentulah banyak keperluan daripada kementerian. Jadi dalam *budget inspection* ini, pihak-dan ia bermula daripada peringkat memang di bawah sekali, peringkat kementerian masing-masing pun akan buat *budget inspection* kepada jabatan ataupun agensi yang berada di bawah kawalan dia, kemudian dia akan angkat itu, kemudian *budget inspection* juga dibuat oleh Kementerian Kewangan.

Jadi berdasarkan itu, kita akan meluluskan bajet yang diminta oleh kementerian itu berdasarkan anggaran hasil yang akan diperoleh oleh negara. Kita tahu bahawa anggaran hasil ini- kita membuat beberapa *assumption* andaian. Contohnya antara hasil yang besar masuk kepada negara ialah hasil daripada PETRONAS, berdasarkan berapa harga minyak mentah. Oleh kerana *volatility* daripada segi harga ini berlaku dengan pelbagai sebab, kadang-kadang *assumption* kita itu tidak betul. Dia- kita jangka boleh dapat USD70 satu barrel, tiba-tiba apabila tahun itu berlangsung, harganya berlaku penurunan. Penurunan seketika, kemudian baru mula hendak naik balik, macam sekarang ini. Itu semua memberikan kesan kepada jumlah yang kita benarkan kepada kementerian.

Jadi oleh yang demikian memang berlaku yang kita luluskan berdasarkan andaian berapa hasil yang kita hendak dapatkan itu, kemudiannya memang terbukti memang tidak mencukupi bagi kementerian. Oleh sebab itu, di dalam perbekalan ini kita sebutkan bahawa perbelanjaan yang sama ada tidak diperuntukkan sepenuhnya, bukan tidak ada peruntukan tetapi tidak diperuntukkan sepenuhnya dan ia memerlukan tambahan ataupun setengah-setengah perbelanjaan itu adalah perbelanjaan yang tidak diperuntukkan langsung. Ini kerana pada awalnya memang kita tidak lihat ataupun agensi atau kementerian sendiri tidak melihat keperluan untuk memohon bajet tersebut. Akan tetapi apabila berlangsungnya tahun itu, tahun bajet itu, tahun 2018 contohnya, maka timbul keperluan perkara-perkara ini. Jadi sebab itulah Akta Perbekalan ini dibuat untuk perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau diperuntukkan tetapi tidak mencukupi. Kenapa ia kita buat setelah tahun ini berakhir?

Jadi, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid tadi tentang pernah berlaku -adakah ini *in order*, adakah ia tidak bercanggah dengan akta yang ada dan beliau *quote* tentang satu kes di mana ada seorang pegawai tinggi angkatan tentera yang telah disurcraj.

Perbezaannya ialah yang kita bentangkan hari ini adalah merupakan peruntukan-peruntukan yang telah dimohon. Jikalau daripada awal lagi dia kata kami perlukan peruntukan, katakanlah bulan Mac, dia kata kami perlukan peruntukan tambahan, *standard answer*-nya ialah kamu belanja dahulu apa yang ada dan kita tengok bagaimana *it turns out*. Biasanya selepas bulan Jun atau bulan Julai itu kita akan nampak trendnya itu bagaimana.

Jadi bezanya tadi Tuan Yang di-Pertua, menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid ialah kesemua ini dibuat mengikut peraturan yang ada. Masing-masing di setiap kementerian akan ada *controlling officer* dia. Mereka akan mengikut peraturan, mohon dahulu dan setelah mendapat kebenaran daripada kementerian dan kemudiannya dibawa kepada Kementerian Kewangan dan diberikan *green light* untuk mereka berbelanja, barulah perkara ini dilaksanakan.

Saya agak-saya tidak sempat hendak *check* kes *history* yang dibangkitkan oleh ini, saya mengagak dalam kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid ini ialah kes yang dia belanja dahulu, kemudian baru memohon kebenaran untuk membuat perbelanjaan tambahan. *I stand corrected* sebab saya tidak sempat hendak *check* yang dibangkitkan.

Akan tetapi kalau dia mengikut prosedur, mohon kepada kementeriannya, kemudian kementerian bawa kepada Menteri Kewangan untuk mendapatkan kelulusan, selepas dapat

kelulusan baru dia belanja, itu tidak bersalah dengan peruntukan ataupun peraturan-peraturan kewangan yang ada yang kita amalkan sebelum ini.

Jadi satu lagi ialah kenapa dibuat setelah tahun itu berakhir? Oleh sebab ia tidak melibatkan satu peruntukan tambahan yang terlalu besar yang kita jangka sebelum akhir tahun lagipun kita akan sudah habis sudah di bawah kita punya kumpulan wang luar jangka ini. Jadi, kita dibenarkan ada untuk kita simpan RM1.5 bilion kumpulan wang luar jangka, kecuali ia melibatkan peruntukan tambahan yang terlalu besar yang kita rasa memang tidak sempat ini pun akan habis semua yang ada termasuk dalam kumpulan wang luar jangka ini.

#### ■1510

Maka amalan yang dibuatnya ialah untuk kita selesaikan sehingga akhir tahun supaya kita dapat pastikan yang mana yang boleh kita gunakan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka itu akan berlaku. Di samping yang juga tidak kurang pentingnya ialah kita sentiasa akan memastikan bahawa *current account* kita iaitu akan jadi surplus, iaitu berapa banyak hasil yang kita dapat dan juga belanja mengurus yang kita gunakan, ia kena ada satu surplus sebab ini akan menggambarkan tentang disiplin perbelanjaan kita.

*It is a no-no* lah, Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan pun kita pinjam duit untuk buat dan belanja mengurus pun kita hendak kena pinjam untuk kita selesaikan belanja mengurus ini. Dia akan jadi *double deficit* dan ini tidak memberikan satu gambaran yang baik dan *rating agency* akan menurunkan rating kita. Ini sudah tentu akan menyebabkan bila kita hendak buat pinjaman, kadar kupon yang akan menjadi lebih tinggi dan sebagainya. Jadi itu dulu.

Dalam hal ini, bila kita tunggu di akhir tahun, selesai semua apa yang kita dapat dan yang kita belanja, sebahagian itu, surplus *current account* kita itu, itu yang akan dibawa masuk dalam yang kita sebutkan untuk kita pindahkan dalam akaun untuk kita gunakan untuk perbelanjaan pembangunan. Jadi atas dasar itu, perkara itu kita lakukan pada selepas tahun itu berakhir mengambil kira faktor-faktor yang telah saya sebutkan tadi.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, ada lagi yang dibangkitkan tentang- ya, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator banyak jugalah perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan, belanja di bawah pembangunan.

Saya tidak berhasrat untuk menjawab perkara ini kerana skop kita ini adalah untuk belanja mengurus. Akan tetapi, apa pun yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Senator yang ada membangkitkan tentang perkara-perkara yang melibatkan kementerian-kementerian lain, saya tidak dapat memberi jawapan secara spesifik hari ini. Cuma, jaminan saya ialah perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan kementerian-kementerian lain itu akan kita sampaikan maklumat

itu kepada kementerian berkenaan dan kemudian akan diambil tindakan-tindakan pembetulan dan sebagainya melalui kementerian masing-masing dan kita *address* untuk ia dilaksanakan dalam tahun berikutnya melalui peruntukan pembangunan yang diluluskan oleh pihak kerajaan.

Kemudian, tadi banyak juga yang membangkitkan tentang isu peruntukan untuk Yang Berhormat Senator. Saya mendapat maklum balas daripada pegawai tadi, sebenarnya peruntukan yang telah diberikan sebelum-sebelum ini iaitu sebanyak RM300,000 untuk satu penggal ataupun RM100,000 untuk setahun masih lagi berjalan dan ia tidak dihentikan. Itu maklumat yang saya dapat dan kita akan... *[Disampuk]* Ya, saya terima, mungkin hendak *key-in* tidak boleh di ICU dan sebagainya.

Saya akan pastikan ataupun membuat ini dengan pihak ICU, kenapa perkara itu berlaku, sebab sebahagian daripada Yang Berhormat Senator kita sebut mereka sudah *commit* pun kepada NGO ataupun kepada yang berkenaan dan bila tiba-tiba sudah tak boleh hendak teruskan, ia menjadi suatu apa maknanya perkara yang hilang kredibiliti kita sebagai Yang Berhormat Senator. Saya mengambil kira apa yang telah disebutkan tadi. Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, kepada Ahli Senator yang baharu?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ia sama, Tuan Yang di-Pertua- RM300,000 untuk satu penggal, RM100,000 setahun..., ya sila.

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanyalah ekoran daripada Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah tadi. Ini yang Senator lama lah, bukan yang baharu ini. Kita sudah mohon sebelum pilihan raya sudah mohon, daripada NGO ataupun rumah-rumah ibadat kah apa, bukan? Selepas itu pilihan raya, kerajaan bertukar. Sampai sekarang Yang Berhormat Menteri bagi tahu tidak diberhentikan. Jadi malangnya, sampai sekarang yang Parlimen sudah luluskan, mungkin sudah hantar ICU tetapi sampai sekarang peruntukan itu tidak dapat.

Jadi saya minta pegawai-pegawai ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan supaya disegerakan kerana kami sudah berjanji dengan NGO ataupun rumah-rumah ibadat ataupun sekolah untuk luluskan peruntukan yang kita ada */list*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah jawab sudah. Ini rasmi, kalau Menteri jawab.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Kerana empat bulan sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah yang membangkitkan perkara ini yang saya sebutkan tadilah, masa *recess* tadi pukul 1 tadi, sebelum saya dapat keluar, beberapa orang Senator datang berjumpa dan minta supaya perkara ini dilihat semula kerana dia melibatkan kredibiliti dan reputasi Yang Berhormat Senator yang sebelum ini sudah tahu- kata benda itu diberi peruntukan kepada kita, maka kita sudah *commit* dengan NGO dan sebagainya tetapi bila hendak buat perbelanjaan sebenarnya, perkara tersebut tidak dapat diteruskan kerana apa-apa sebab yang saya tidak dapat hendak berikan kepada Yang Berhormat Senator sekarang. Akan tetapi, saya berjanji untuk lihat semula perkara ini dan memastikan bahawa apa yang telah diluluskan itu dilaksanakan dengan sebaik mungkin, Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tadi ada banyak perkara yang dibangkitkan dan setahu saya kementerian yang bertanya dengan peruntukan pengurusan ini ada di belakang. So, saya hendak tahu- bila kita dalam jawatankuasa, itu khusus kepada pengurusan tetapi bila perbahasan ini bermula, Yang Berhormat Menteri kalau boleh dapat jawapan yang untuk secara am di bawah Kementerian Kewangan jika ada.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk *reconfirm* balik perkara ini tentang jumlah sebenarnya dan tentang jumlah yang telah diluluskan untuk perbelanjaan Senator-Senator kita. Kalau ada apa-apa pembetulan dan sebagainya, saya akan maklumkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan, bukan yang itu. Itu sudah habis sudah.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sudah cakap. Ini yang saya beritahu secara am yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan bahawa itu bukan bersangkut paut dengan Kementerian Kewangan. Akan tetapi, secara dalam kita sebelum jawatankuasa, itu secara am, Ahli-ahli Yang Berhormat ini boleh bertanya dan kalau boleh Yang Berhormat boleh cakap bagi secara bertulis kerana pegawai-pegawai dari kementerian tersebut ada di belakang, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi itu bagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator yang berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Jadi untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau bukan yang pembangunan yang tidak ada kena mengena dengan akta.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, ya, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu secara khusus kepada perbelanjaan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, tetapi saya sebut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara am boleh.

#### ■1520

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya betul, ia pembangunan. Jadi, saya sebut bahawa walaupun saya sebut secara demikian tapi perkara yang dibangkitkan mengenai dengan perbelanjaan pembangunan, hospital baru yang diminta, ini semua di bawah pembangunan. Saya akan bawa maklumat yang telah diberikan itu, sudah tentu saya tidak dapat jawab secara khusus kenapa tak luluskan hospital di Padang Besar, kenapa tak di *upgrade facilities* sekian-sekian, di mana-mana fasilitilah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak, ini saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, ini amalan di Dewan ini. Sebelum kita ke Peringkat Jawatankuasa yang khusus kepada rang undang-undang tersebut dan tidak boleh berbahas luar. Akan tetapi dalam ini setahu saya, dengan izin, *I may be stand corrected*. Akan tetapi setahu saya kementerian yang terbabit itu ada. Kalau boleh, Yang Berhormat boleh beritahu. Akan tetapi kerana tidak ada maklumat dan Yang Berhormat Menteri telah sudi memberitahu kepada kementerian tersebut, kita di Dewan ini berharap maklumat itu sampai kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Okey, boleh Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat boleh kita sampaikan jawapan itu secara bertulis, yang pembangunan. Ataupun mengenai dengan perkara-perkara yang termaktub dalam perbelanjaan tambahan ini.

Contohnya bagi SPRM, tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari dan sebagainya. Yang diperlukan sebanyak RM5 juta itu untuk menampung bayaran utiliti, maknanya saya ingat kebanyakannya elektrik, mungkin air tidak banyak sangat. Ianya diagihkan kepada SPRM negeri-negeri, daripada Perlis sampailah ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Ketidakcukupan peruntukan yang diberikan kepada mereka untuk bayaran utiliti ini menyebabkan tak cukup dan mereka minta tambah. Jadi, SPRM untuk tujuan yang sedemikian.

Kemudian contoh lagi, pertanyaan tadi tentang saya ingat dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator..., tak ingatlah, ada dalam ini. Berkenaan dengan, kenapa diperlukan RM76.3 juta oleh Kementerian Kewangan. Ia bagi- saya ingat oleh Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid rasanya- bagi peruntukan menampung bayaran perkhidmatan pelanjutan kontrak 1GFMAS. Ini sistem perakaunan yang digunakan oleh pihak kerajaan dan ianya perlu dilanjutkan tempoh pembangunan. Oleh kerana tiada permohonan dikemukakan pada tahun semasa itu, maka oleh kerana ini ialah merupakan keperluan yang memang diperlukan untuk *Maintain* kita punya 1GFMAS, ini *accounting system* kitalah. Maka, diluluskan perkara yang sebanyak yang berikut.

Untuk Kementerian Luar dan juga MINDEF, ada setengahnya adalah merupakan perkara-perkara yang perlu kita membuat pembayaran. Oleh kerana berlaku *exchange rate*, perbezaan *exchange rate* dan sebagainya, yang diperlukan sebelum itu tidak mencukupi. Oleh sebab contohnya, kita kena bayar *quit rent* untuk kita punya *land bank* ataupun pejabat-pejabat kita di luar negara yang melibatkan kena bayar mengikut *currency* mereka.

Jadi oleh kerana kurang, maka diminta peruntukan tambahan untuk tujuan yang sedemikian. Bagi MINDEF, Kementerian Pertahanan, ia untuk bayaran *multimodal transport operators* iaitu peluru, alat ganti kenderaan yang kesemuanya ini diperlukan tetapi tidak mencukupi dan diperlukan, maka kelulusan untuk tambahan ini dibuat. Ia termasuk sewaan kem PLKN yang diduduki oleh lima pasukan rejimen sempadan di Sarawak. Jadi, memandangkan peruntukan Jabatan Latihan Khidmat Negara telah dipindahkan ke Kementerian Belia dan Sukan. Jadi, mereka kena bayar dan mereka minta tambahan dari segi tersebut.

Kemudian dibangkitkan juga tentang kuarters, peruntukan di bawah JPM. Ya, kita akui bahawa peruntukan yang diluluskan untuk pembaikan ataupun *Maintenance* kuarters kita ini adalah tidak mencukupi. Oleh kerana kita perlu dan setelah akhir tahun kita mendapati bahawa ada lebihan perbelanjaan kita, maka ianya juga telah diluluskan.

Saya setuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj. Md. Nordin tadi, maka kita perlu ada satu sistem pembaikan yang lebih teratur dan sudah tentunya ia melibatkan perbelanjaan yang lebih besar. Akan tetapi ianya kalau kita lihat, bila kita tidak membuat *Maintenance* secara yang teratur, *regular maintenance* ini, akhirnya bila kita nak *Maintain*, ia akan memerlukan perbelanjaan yang jauh lebih besar. Jadi, perkara-

perkara ini memang dalam perhatian kita dan kita akan pastikan bahawa ianya akan dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Saya juga ingin menyentuh tadi tentang peruntukan kepada Yang Berhormat Senator supaya berlaku satu reformasi yang lebih baik dalam kita hendak memperkasakan institusi Dewan Negara ini. Juga apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, akan juga saya sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang *in charge of* Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini untuk melihat keperluan ini dan memastikan bahawa ianya akan dapat diberikan peruntukan yang bersesuaian bagi memastikan bahawa reformasi yang hendak dijalankan ini dapat dijalankan dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maklumat mengenai baju operasi digital untuk RELA. Sedikit maklumat mengenai itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila Yang Berhormat?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Saya bangkitkan tadi, saya minta butiran, kos RM20 juta untuk baju operasi digital anggota RELA oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Ini secara spesifik saya hendak tahu cerita itu, betulkah *JakeI* yang dapat kontrak itu? Itu hendak tahu tu... *[Dewan ketawa]*

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Okey, sementara menunggu jawapan daripada pegawai di belakang, saya tengok kot-kot ada lagi benda yang perlu- ya, ada juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator berkenaan dengan pemberian balik 40 peratus.

Jadi, ianya masih lagi dalam peringkat perbincangan di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai MA63. Jadi, saya tidak dapat hendak berikan secara spesifik apa yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet ini tetapi ia memang dalam radar perbincangan Jawatankuasa Khas Kabinet ini.

Okey, jawapan diberikan ialah peruntukan sebanyak RM20 juta pada mulanya diberikan, kemudiannya ditarik balik, tak jadi. Diberikan RM20 juta kemudian telah ditarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diberikan RM20 juta kepada *JakeI*?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya ingat ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang secara spesifik.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tak sempat belanja. Tak dibelanjakan.

■1530

**Beberapa Ahli:** Tidak belanja?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tidak dibelanjakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Tidak dibelanjakan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tidak dibelanjakan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Maknanya tidak digunakan dan ditarik balik yang itu. Jadi saya ingat tidak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah gusarlah Yang Berhormat *[Ketawa]*

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tidak relevanlah siapa yang dapat, siapa yang tidak dapat Yang Berhormat... *[Disampuk]* Jaket kah dapat, *Jakel* kah dapat, siapa pun tidak apa *[Ketawa]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu yang dapat saya berikan respons kepada soalan dan cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator sekalian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tadi membangkitkan soalan dalam perbahasan, memang saya ini setelah tiga tahun duduk di dalam Dewan ini baru *first time* ini saya dengar peruntukan tambahan, banyak soalan macam ini yang terbuka dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana bersungguh-sungguh untuk menjawab... *[Tepuk]* Saya harap mudah-mudahan ini adalah permulaan dalam bulan puasa ini, reformasi Dewan Negara sudah bermulalah... *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri silakan.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu telah disetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53 (2) rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang menyokong? Yang Berhormat Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy) dan diluluskan]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 2019**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Tuan Yang di-Pertua, bangun lagi dan saya ingat Yang Berhormat Senator sekalian akan mungkin jelak untuk melihat muka saya sebab ini ada lagi, saya ingat lepas satu ada lagi enam yang akan saya bangkit. *[Dewan ketawa]* Mula-mula dok ingat kita hari ini hendak jadi sejarah jugalah untuk Yang Berhormat sekalian boleh balik buka puasa di rumah, bukan macam semalam tetapi nampak gaya macam agak sukarlah kot.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2019 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Kastam 1967 iaitu Akta 235 dengan tujuan untuk menambah baik peruntukan sedia ada terutamanya berhubung sistem dan prosedur yang digunakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di samping menjadikan perundangan JKDM lebih konsisten dengan perundangan yang terkini selaras dengan perjanjian perdagangan bebas di peringkat antarabangsa.

Selain itu, pindaan juga dibuat bagi memasukkan peruntukan baharu berkaitan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai seperti mana yang telah pun diumumkan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2019 pada 2 November 2018. Rang undang-undang ini mengandungi 125 fasal seperti berikut.

Fasal 1 dan 2 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan serta pindaan ke atas seksyen 2 untuk mengadakan tarif baharu bagi 19 terma baharu dan sedia ada.

Fasal 3 dan 4 bertujuan meminda peruntukan berhubung kuasa kepada Timbalan Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Kanan Pengarah dan Penolong Pengarah.

Fasal 6 dan 7 melibatkan kuasa Ketua Pengarah dalam membuat ketetapan kastam dan ketetapan am berkenaan dengan pemakaian akta.

Fasal 8 merupakan pindaan berkaitan peruntukan bagi barang *bona fide* dalam transit termasuk barang untuk *transshipment* tidak boleh dianggap sebagai diimport bagi maksud mengenakan duti kastam.

Fasal 10 hingga 16 memperkatakan mengenai peruntukan seperti tuntutan bayaran balik duti kastam yang telah dibayar. Kebenaran bayaran duti kastam, surc妖, penalti, fi atau wang lain secara ansuran dan kuasa Ketua Pengarah untuk meremitkan dan mendapatkan semula duti kastam.

Fasal 17 hingga 21 adalah berkaitan peruntukan berhubung pengimportan dan pengeksportan barang serta larangan dagangan daripada diimport atau dieksport dengan cara lain kecuali yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Fasal 22 bertujuan memperkenalkan bahagian baru IVA yang khusus untuk memperjelaskan prosedur berkaitan transit dan *transshipment*.

Fasal 26 hingga 28 melibatkan pindaan untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan berkenaan kapal yang dijumpai tanpa alasan munasabah dalam perairan wilayah, tanpa pelepasan pelabuhan kastam di Malaysia atau tanpa *manifest* yang sepatutnya.

Fasal 29 hingga 37 bertujuan memperjelaskan lagi peruntukan berhubung *manifest*.

Fasal 38 hingga 50 melibatkan pindaan berhubung penggudangan barang serta pindaan berkenaan layanan duti kastam ke atas bahan dan sisa buangan hasil daripada aktiviti penggudangan.

Fasal 51 bertujuan memperkenalkan bahagian baharu VIIIA iaitu pangkalan bekalan petroleum yang memperuntukkan takrifan dan kuasa Ketua Pengarah untuk mengeluarkan lesen mengurus, mentadbir dan menjalankan aktiviti dalam *petroleum supply base*.

Fasal 54 bertujuan memperuntukkan tempoh masa bagi pembayaran duti kastam dan caj lain oleh pengimport barang dan membenarkan pengimport untuk membuat pengisyiharan kepada pegawai kastam sebelum ketibaan barang.

Fasal 57 hingga 61 bertujuan meminda peruntukan berhubungan keperluan untuk memberi satu akuan penuh dan benar tentang nombor dan perihal bungkusan, keterangan, berat, ukuran atau kuantiti, nilai barang dan negara asal barang.

Fasal 69 bertujuan memperkenalkan bahagian baru XA yang memperjelaskan tentang tempat asal barang, layanan tarif berkeutamaan dan bukan berkeutamaan.

Fasal 70 hingga 77 menjelaskan mengenai peruntukan pelbagai antaranya melibatkan kuasa pegawai kastam untuk menghendaki mana-mana orang memberi terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

Fasal 78 hingga 90 memerihalkan peruntukan berkaitan pemeriksaan, penyiasatan, penggeledahan, penyitaan dan penangkapan yang melibatkan kesalahan seperti penghantaran penyata yang tidak betul, pelarian dan pengelakan dari pembayaran duti dan *fraud*.

Fasal 92 sehingga fasal 105 memerihalkan peruntukan perbicaraan dan prosiding mahkamah.

Fasal 106 hingga 108 melibatkan pindaan bagi meningkatkan hukuman penjara dan denda bagi kesalahan berkaitan penyeludupan rokok dan minuman keras.

#### ■1540

Fasal 116 bertujuan memperuntukkan bahawa duti kastam ke atas barang yang disimpan dalam gudang kastam, gudang berlesen atau tempat lain yang diluluskan oleh ketua pengarah hendaklah dibayar pada masa itu dan mengikut apa-apa yang boleh ditetapkan oleh peraturan.

Fasal 115, Fasal 118 dan Fasal 121 adalah bagi meminda seksyen 156, seksyen 163C dan 163L yang menjelaskan bahawa Labuan, Langkawi dan Tioman adalah bukan tempat di luar Malaysia.

Fasal 123 bertujuan memperkenalkan bahagian baharu XIXD berkenaan peruntukan khas berkaitan dengan Pangkor.

Fasal 124 bertujuan memotong Bahagian XX yang berkaitan dengan Kapal Pencegah Singapura untuk tidak lagi memberi kuasa kepada nakhoda kapal atau orang lain yang mempunyai kuasa ke atas Kapal Pencegah Singapura untuk melaksanakan semua kuasa yang diberikan di bawah akta.

Fasal 125 bertujuan untuk menyediakan peruntukan bagi kecualian dan peralihan dan;

Fasal-fasal lain yang tidak dinyatakan secara khusus adalah pindaan kecil yang bersifat *editorial* atau *consequential in nature*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang yang menyokong? Yang Berhormat Menteri, boleh menyokong?

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** *Alhamdulillah, saya mohon menyokong [Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind.

### 3.42 ptg.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan dalam Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2019.

Terlebih dahulu saya mengucapkan selamat sejahtera kepada semua yang hadir dan juga kepada semua Yang Berhormat Senator yang beragama Islam, selamat menyambut Ramadhan Al-Mubarak dan selamat berbuka puasa petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dan sokong pada amnya apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah baca cadangan pindaan ini tetapi secara keseluruhannya memang baik supaya melicinkan pentadbiran Jabatan Kastam untuk mengawal penyeludupan dan juga untuk mengutip cukai dan *revenue* kerajaan lebih efisien dan cekap.

Walau bagaimanapun, saya dapati ada tiga cadangan pindaan yang saya ingat harus dipindahkan atau ditolak. Pindaan yang dicadangkan yang pertama adalah di perenggan 15, di muka 18. Cadangan perenggan di muka 15 ialah akta tersebut seperti begitu. Akta Ibu dipinda

dengan menggantikan seksyen 26B dengan seksyen yang berikut. Disebut dalam bahasa Inggeris, *Recovery of Custom Duty, etc., as a civil debt.*

Tujuannya memang baik. Ini membolehkan Jabatan Kastam menuntut penalti di Mahkamah Sivil. Akan tetapi dalam cadangan pindaan 22B(1) dan 22B(2) tiada masalah. Ini hanya memberikan kuasa kepada Jabatan Kastam untuk menuntut penalti sebagai hutang sivil.

Akan tetapi dalam masalah Tuan Yang di-Pertua ialah cadangan pindaan di (3). Ini ada tujuan pindaan ini ialah supaya apabila Jabatan Kastam menuntut penalti ini, dikecualikan dari Akta-akta Had terutamanya dikecualikan daripada Akta Had Masa 1953 iaitu untuk Semenanjung Malaysia dikecualikan dari *Ordinance Limitation Sabah* dan juga dikecualikan daripada *Ordinance Limitation Sarawak*.

Ini maksudnya Tuan Yang di-Pertua di mana semua tindakan Mahkamah Sivil, masanya singkat, dia sudah berikan seperti kalau kita hutang dengan seseorang. Undang-undang bagi orang yang tuntut mesti tuntut itu ada had. Kalau dengan cara tulis, *agreement* enam tahun. Kalau dengan cara lisan dua tahun. Maksudnya Tuan Yang di-Pertua, kalau lewat dari masa itu, siapa yang hutang tidak boleh dituntut lagi.

Jadi maka undang-undang melarang orang menuntut hutang itu. Akan tetapi dengan pindaan ini, Jabatan Kastam tiada masa. Bila-bila masa sahaja, biarpun ia lewat daripada ordinan itu tetapi tiada had 10 tahun, 20 tahun atau lebih daripada itu Kastam masih boleh tuntut lagi hutang itu. Penalti sebagai hutang sivil.

Jadi ini bagi pendapat saya Tuan Yang di-Pertua adalah harus tidak ditolak oleh dua sebab. Sebab pertama Tuan Yang di-Pertua, ini melanggar amalan keadilan. Tujuan Akta-akta Had atau *Limitation Act* atau *Ordinances* ini adalah bagi keadilan, bukan sahaja kepada orang yang tuntut tetapi juga kepada orang yang dituntut. Jadi ini seimbang. Jadi kalau kita mengecualikan atau melarang, digunakan untuk mempertahankan diri kalau ia dituntut, ini adalah satu keadaan yang tidak adil.

Kedua, bagi pendapat saya Tuan Yang di-Pertua kalau pegawai Kastam tanpa ada undang-undang yang mengehadkan mereka untuk menyiasat dan menuntut penalti maka pegawai-pegawai ini boleh melambatkan dan tidak cekap dengan perkhidmatan mereka.

Jadi, daripada dua sebab ini saya ingat pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cadangan pindaan 22B(a) dan (2) saya mencadangkan (3) cadangan pindaan harus ditolak Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Harus ditolak. Cadangan pindaan harus ditolak?

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Cadangan 22(3). Ada tiga kurungan Tuan Yang di-Pertua. Terdapat (1) dan (2) dan (3). Saya punya cadangan kita tolak (3) Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

■1550

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Kedua, yang pindaan dicadangkan di muka surat 67, Tuan Yang di-Pertua. Muka surat 67, 68 dan 69.

Dalam cadangan pindaan, perkataan di seksyen 107, Akta Ibu dipinda dalam subseksyen (1)(i) di mana perkataan “dwelling-house, shop, or other building or place” dengan perkataan “conveyance, premises or place”. Now, ini juga, perkataan ini diulangi di (ii) dan (iii) dan di dalam muka surat 68 dan subseksyen 2(2), (i) (ii), (iv) dan (c).

Juga di muka surat 69, di mana Akta 108 juga dipinda dengan mengubah perkataan “building or place” dengan perkataan “any conveyance, premises or place”.

Bagi pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, yang tidak tepat perkataan yang dipinda ialah “conveyance”. Conveyance ini bagi saya bererti proses memindah. Jadi, ini tidak menyeluruh. Apa maksud conveyance? Akan tetapi tujuan... [Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya boleh beri pengecualian kepada Yang Berhormat untuk bertutur dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *if you feel that is easier for you to talk to converse with.*

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Okay. *What it means is* Tuan Yang di-Pertua...  
[Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab saya pun susah hendak dengar tadi. *We don't understand it.*

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Sorry. Maaf ya, Tuan Yang di-Pertua sebab...  
[Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, tidak apa. *It's okay.*

**Datuk Theodore Douglas Lind:** *This is because I only prepare this only this morning. So, I only write it last night. So, no proper preparation, Tuan Yang di-Pertua but I feel that these are the important section that we should either mend or revoke. We should not use it because the first section that I mentioned earlier, it is upfront to justice. You cannot. This is the law on limitation, you cannot have, apa ini, pindaan kecualikan orang daripada- to enforce on the law. Why, why exception to customs only and not to other government bodies to recover against the private citizen.*

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, because the word “conveyance”. It’s very confusing. Conveyance is sebagai proses pengangkutan. What did I suggest the word “conveyance” should be change Yang Berhormat Timbalan Menteri, if we follow the word is we use in page 95, if you look at page 95, pindaan seksyen 163c di perenggan 118.

Now you change the word to “vehicles, vessels and aircrafts transporting such goods”. That’s would give the right for customs to go into these vehicles to, apa ini. So instead of use the word “conveyance” change the word to “vehicles, vessels and aircrafts transporting such goods”. This makes it more- clearer.

Jadi, saya mohon untuk meminda Tuan Yang di-Pertua. Pindakan perkataan “conveyance” kepada perkataan “vehicles, vessels and aircrafts transporting such goods”. Hal ini, menurut pendapat saya, ini lagi tepat dan lebih jelas.

Ketiga, saya menstrukturkan cadangan pindaan di muka surat 80. Ini ialah seksyen baharu 12a dan 12b di perenggan 94, mengatakan seperti berikut. Akta Ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 121 seksyen yang berikut, dengan izin, “admissibility of statements and documents of persons who are dead or cannot be traced, etc.”

Tuan Yang di-Pertua, in our jurisprudence, now Court of Law, we have what we- the Evidence Act 1950- Akta Keterangan 1950, all evident to be produced whether before decision is come is produced based on the Evidence Act 1950.

Cadangan Kastam ini, 121a dan 121b dikecualikan oleh Jabatan Kastam mematuhi dengan Akta Keterangan ini Tuan Yang di-Pertua. So, again, this is upfront against to the justice, Tuan Yang di-Pertua. So, under the Evidence Act 1950, the conditions are very strict before we can prove when statement of a dead person but if you looked at cadangan di pindaan, it’s very loose. You can just by the- so ini statement phrase by that man can be used without the satisfying, the condition that’s in the, apa ini Tuan Yang di-Pertua dalam ini akta, Evidence Act 1950.

Jadi, ini daripada segi juga keadilan, tidak betul Tuan Yang di-Pertua, tidak tepat. Jadi, saya cadangkan, kita juga menolak cadangan pindaan ini Tuan Yang di-Pertua. Sebalatnya Tuan Yang di-Pertua.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu membuang masa, selain daripada tiga pindaan yang saya cadangkan, either kita tolak atau pinda. Selain daripada ini, saya menyokong penuh dengan rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mencelah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Tentang had masa tadi. Seksyen 22b (3). Undang-undang yang telah ditetapkan apabila ada percanggahan di antara akta spesifik, *in these case* Akta Kastam dan *Limitation Act 1953* atau Akta Had Masa 1953, dengan izin, memang akta spesifik akan *prevail*. So, it doesn't make any difference if it's there. It's a specific Act and specific rule provision applied, dengan izin. So, it does not make any difference if we whether, it's taken out or not. It has to be there. It's for this purpose, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** No, his argument was, dengan izin. Kita ini bertutur dengan bahasa Inggerislah [Ketawa]

No, apa yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat tadi itu, bahawa seksyen itu menghalang. Dengan izin, *limitation*. Secara umum *Limitation Act 1953* dengan itu bercanggah. Ia ada dua tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa *Limitation Act 1953* ini tidak boleh diguna pakai kerana- bukan *Limitation Act 1953*. Subseksyen...

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** ...22.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan dengan mengehadkan masa.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Ya, betul Tuan Yang di-Pertua. Jadi... [Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa tahun ia bagi, dua tahun?

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Tidak tahu, saya tidak membuat *research* tetapi ia ada masanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tetapi apa yang dibangkitkan oleh celah itu dia cakap, tidak payah fasal kita ada *Limitation Act* di mana *Limitation Act* itu enam tahun.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Ya, enam tahun dan akan diterima pakai jika tidak ada apa-apa spesifik akta di dalam *specific act*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ia sama jugalah. Yakni yang adapun tidak ada, sama juga Yang Berhormat.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Akan tetapi, kalau tidak perlu, kenapa ada mahu membuat pindaan? Mesti ada sebab. Jadi, kita kalau... [Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, ini *Act* bukan dengan *parent- Mother Act*. Ini spesifik berkenaan dengan isu-isu yang dibangkitkan.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Jadi, maksudnya kalau kita baca dengan teliti Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada tuntutan daripada Jabatan Kastam terhadap seseorang biarpun masa itu telah lewat, 10 tahun kah, 20 tahun, Jabatan Kastam itu kalau mengikut dengan pindaan yang dicadangkan ini boleh membuat tuntutan lagi. Tiada had masanya. Kalau dengan

sahabat Yang Berhormat utarakan pendapat itu, apa tujuan kita mengadakan pindaan ini? Kalau kita ini tidak penting, tidak perlu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya bagi peluang untuk mencelah.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua... [Dewan Ketawa]

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Akta Had Masa 1953- *Limitation Act 1953*, akan digunakan jika tidak apa-apa *provision-proviso* di dalam akta yang spesifik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

■1600

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** So, di dalam Akta Kastam ini, seksyen 22B(3) dengan jelas mengatakan *that is no-* tidak ada had masa. Ini bersama dengan akta *income tax*. *The income tax* boleh saman yang mungkir bayar....

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** ...Selepas enam tahun. Walaupun had masa itu 1953 ialah enam tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** *So here the specific act prevail.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah sedikit? Kalau dibenarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini dua perang pun tidak ada masalah.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sekejap sahaja. Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini. Pada pandangan saya, apa yang diminta di bawah pindaan ini ialah satu perkara yang perlu dijelaskan. Ini kerana apa yang dibahaskan oleh rakan saya ini ialah prinsip asal, prinsip matan. Maksudnya dalam keadaan biasa, tuntutan tidak boleh dibuat sebab kita ada Akta Had yang mana mempertahankan keadilan hak asasi secara umum. Apa yang diminta oleh Jabatan Kastam ialah satu *exception* dan *exception* itu diperuntukkan untuk-dan kita faham itu.

Akan tetapi cuma di sini saya mohon Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan kenapa keadaan itu diperlukan? Ini kerana kalau saya, saya bersama dengan rakan saya bahawa akta tersebut tidak boleh diberi pengecualian *but*, saya faham dalam konteks ini terutama sekali, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam kes-kes melibatkan biasiswa kadang-kadang, tuntutan dibuat lambat.

Jadi, kebanyakan pembelaan yang dibuat di mahkamah ialah had masa. Saya faham dalam konteks itu. Cuma dalam konteks ini kenapa kastam perlukan peruntukan ini? Terutama sekali melibatkan Sabah dan Sarawak juga ini. Jadi, saya rasa perkara ini perlu diperjelaskan dan kita kalau punya penjelasan yang munasabah, kita mungkin boleh terima. Akan tetapi cumanya kita mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sekarang dipersilakan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

#### **4.02 ptg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Perbahasan saya bermula dengan ingin bertanya satu perkara kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia iaitu bagaimana dengan ada cadangan yang sekian lama mengenai sebuah badan penasihat kastam yang berfungsi untuk memantau prestasi jabatan tersebut. Cadangan ini pernah dikemukakan oleh bekas Ketua Pengarah iaitu Dato' Sri Mohamed Khalid Hj. Yusuf di mana badan itu diwujudkan supaya dianggotai oleh tokoh-tokoh masyarakat termasuk dalam bidang akademi, korporat, perniagaan dan politik yang bertindak menasihatkan dan memberi teguran yang perlu untuk menambah baik jabatan itu dari semasa ke semasa.

Beliau juga berkata penubuhan badan penasihat tersebut adalah di antara strategi jangka pendek yang diputuskan hasil mesyuarat Pengarah Kastam Se-Malaysia yang ke-65 di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu pada 4 hingga 6 April 2011 dalam usaha untuk menambah baik dan meningkatkan kembali integriti Jabatan Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat Akta Pindaan Kastam 1967 ini dan Akta Eksais 1976 ia bagaikan sukar untuk dipisahkan. Walaupun banyak perkara yang berbeza di antara kedua-duanya. Apa pun pindaan terhadap kedua-dua akta itu, akan menyebabkan sindiket dan penjual rokok serta arak tiruan bakal berdepan dengan hukuman denda yang lebih tinggi selepas ia dikuatkuasakan. Ini kerana, sesiapa yang memiliki, menyimpan, mengangkut, menghantar, mengedar, menyorok atau menjual rokok atau arak seludup akan dikenakan denda tidak kurang daripada RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun. Kita maklum kerajaan sudah menetapkan harga minimum rokok yang dijual di pasaran. Dengan penetapan tersebut, harga rokok- tiada rokok yang boleh dijual lagi di bawah harga yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan lebih membabitkan seksyen 135 Akta Kastam 1967 iaitu berkaitan dengan kesalahan membabitkan penyeludupan, pengelakan duti dan juga

fraud. Seksyen 135 baharu ini memperuntukkan lebih berat di mana, bagi kesalahan pertama penalti denda tidak kurang daripada 10 kali ganda jumlah duti kastam atau RM100,000 mengikut mana-mana jumlah lebih besar dan tidak lebih daripada 20 kali ganda jumlah duti Kastam atau RM500,000 mengikut mana-mana jumlah lebih besar atau penjara tidak lebih dari lima tahun.

Sementara itu, untuk kesalahan kedua atau berulang, penalti denda tidak kurang daripada 20 kali ganda jumlah duti Kastam atau RM200,000 mengikut mana-mana jumlah yang lebih besar. Ini tidak lebih 40 kali ganda jumlah duti Kastam atau RM1 juta mengikut mana-mana jumlah lebih besar atau penjara tidak lebih tujuh tahun atau kedua-duanya sekali. Ini hukuman yang sangat berat yang kita perlu persetujui.

Selain itu, melalui peruntukan baharu, JKDM mengetatkan syarat lesen import rokok dengan mengenakan had jumlah pengimportan. Ini bermakna syarikat yang mempunyai lesen import rokok selama tiga tahun atau lebih perlu membuat pengimportan sebanyak 10 juta batang rokok setahun. Bagi syarikat yang kurang daripada tiga tahun had minimum ialah lima juta batang rokok setahun. Kenapa had pengimportan ini dikenakan kepada pelesen? Ini bertujuan untuk mengelakkan salah guna lesen.

Bagaimanapun katanya JKDM juga masih boleh mengenakan kompaun ke atas penjual dan pengedar kecil bagi kesalahan kali pertama pada kadar tidak lebih daripada RM5,000. Sejauh ini JKDM belum menetapkan hukuman kepada pembeli. Persoalannya tiada permintaan tidak akan ada penawaran. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

#### 4.08 ptg.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Selamat petang. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, dalam perbahasan ini saya ingin terima kasih kerana diberi laluan untuk membahaskan rang undang-undang- *amendment bill on the Custom* ini. Saya ingin membawa tiga perkara dalam perbahasan saya.

Pertama sekali, berkenaan dengan perkara yang dalam pindaan-pindaan ini lebih berstruktur kepada istilah dan takrif-takrif untuk meningkatkan kecekapan lagi kastam. Akan tetapi apa yang saya ingin membahaskan di sini dan bertanya kepada kementerian adalah bagaimanakah pindaan ini dapat membantu meningkatkan kecekapan kastam khasnya dalam menangani ataupun berdepan dengan trend-trend semasa? Antaranya kita tahu kebanyakan *import of goods* ataupun pergerakan barang ini masuk dan keluar sekarang ini banyak berlaku dan juga banyak market ini berlaku melalui transaksi *online*.

Bagaimanakah Kastam mampu menangani jumlah, *volume* ataupun barang yang masuk ke dalam *hub transhipment* yang ada masuk khasnya barang-barangan yang dibeli secara *online*. Ini kerana kita amat susah untuk mengetahui apakah kandungan paket-paket kecil. Lebih mudah kalau *transhipment* itu masuk dalam kontena sebab kita dapat mengesan dan juga lebih mudah kita mengetahui apa di dalam skala *volume* yang besar. Akan tetapi pada hakikatnya, pada masa sekarang *marketing* secara *online* ini sudah menjadi satu trend. Kita menjadi mangsa khasnya kepada industri-industri kecil kita. Di mana barang-barangan daripada luar ini masuk melalui barang yang dijual secara *online* dan kebanyakannya kita tidak mampu untuk membeli ataupun mengenakan cukai-cukai.

#### ■1610

Ini juga berkenaan dengan volum yang lebih besar yang kini masuk melalui perkhidmatan Pos Laju ataupun *courier services*. Jadi bagaimana kita punya pindaan ini dapat mampu meningkatkan kecekapan dari aspek itu?

Perkara kedua berkenaan dengan penyeludupan. Saya pernah tinggal di Labuan selama 15 tahun. Sebagai satu pulau yang bebas cukai, antara perkara yang paling biasa berlaku adalah penyeludupan khasnya rokok dan juga minuman keras yang masuk ke tanah besar ke Sabah dan Sarawak. Apa saya nampak, satu perkara lagi adalah dalam pindaan ini, kita memasukkan Pangkor sebagai satu lagi pulau bebas cukai. Jadi, apa yang perlu kerajaan buat untuk memastikan Pangkor ini bukan menjadi pusat penyeludupan ataupun *entry point* untuk bahan-bahan atau barang-barang yang dikenakan cukai ini? Jadi inilah keimbangan saya.

Sebab apabila kita mempunyai satu pusat ataupun tempat bebas cukai, sudah tentu ada peluang untuk golongan ataupun mereka yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan ini menggunakan pusat-pusat ataupun tempat-tempat bebas cukai ini sebagai pusat operasi menyeludup. Inilah yang menjadi keimbangan saya dan saya harap pihak Kastam dapat memastikan bahawa apabila Pangkor menjadi pusat bebas cukai itu, Kastam harus memperketat lagi kawalan dengan kerjasama beberapa agensi-agensi yang sekitarnya.

Kemudian, perkara ketiga yang saya ingin bawa dalam perbahasan ini adalah berkenaan pelesenan bahan petroleum. Selalunya bahan petroleum juga adalah bahan yang paling selalu di seludup keluar dari negara kita. Jadi, apakah Kastam tidak menggunakan- *because* dalam pindaan ini, dia memberikan kuasa kepada pengarah untuk mengeluarkan lesen-lesen bagi bekalan petroleum ini. Jadi, apakah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau KPDNHEP tidak ada penyelarasian di dalam perkara ini?

Saya ingin tahu juga bagaimana- supaya pangkalan-pangkalan petroleum yang diberikan lesen oleh Kastam ini dapat dipastikan bahawa mereka menjalankan operasi mereka mengikut undang-undang. Bagaimanakah Kastam memastikan pusat-pusat ataupun bekalan-bekalan petroleum ini dapat dipantau dengan lebih sistematik dan juga lebih telus? Sebab kita juga risau ada salah guna lesen-lesen ini untuk tujuan penyeludupan. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Sekian dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Kementerian Kewangan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Saya sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Ada senarai nama diberikan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana? Tak ada nama tadi.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Saya WhatsApp dalam group. Dalam group, saya ada masukkan nama, ada?

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan dalam group, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Oh! Bukan. Saya maklumkan kepada 'kerani' Dewan. Kalau boleh dibenarkan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Saya ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

#### 4.14 ptg.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ada dua isu sahaja, Timbalan Menteri.

Pertama sekali, saya rasa saya ingin tegaslah kali ini, sebab kali pertama dahulu saya sudah tegur. Timbalan Menteri, kita memang naskhah semua bahasa Inggeris sahaja kah, tiada naskhah Bahasa Melayu?... [Disampuk] Sebab ketika kita bahas sekali dahulu, Menteri memaklumkan bahawa ada sedikit terlepas pandang yang kita ingat dahulu. Sebab di sini saya melihat dia memang ditulis akta ini Akta Kastam 1967 tetapi dari segi peruntukan fasal-fasal semua itu, kita bahas dalam bahasa Inggeris. Bayangkan kita berada di dalam Dewan yang mulia ini kena berbahas dalam Bahasa Melayu, membaca naskhah bahasa Inggeris, lepas itu hendak diluahkan dalam perbahasan Bahasa Melayu. Padahal saya rasa selepas 60 tahun dengan Akta Kebangsaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dahulu macam itu juga. Undang-undang dia...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Itulah. Saya rasa mungkin- saya menegur perkara ini kerana di luar sana isu PPSMI, isu macam-macamlah, isu penggunaan bahasa Melayu sudah jadi isu rakyat. Jadi bayangkan kita di Dewan yang mulia ini meluluskan lagi undang-undang yang perlu digunakan malah oleh pegawai-pegawai kerajaan, pegawai Kastam nanti. Saya pun difahamkan kalau kita pengamal undang-undang pun hendak menterjemahkan bahasa tersebut esok dari bahasa Inggeris ke bahasa yang tidak rasmi nanti, saya khuatir.

Jadi Menteri, saya mohon pandangan. Mungkin pegawai Peguam Negara pun ada di sana. Okey, itu yang saya rasa perlu ditegaskanlah mengenai perkara yang kedua. Oleh sebab saya pernah tengok Tuan Yang di-Pertua, ketika di Dewan Rakyat dahulu ada naskhah yang diterjemahkan dalam Bahasa Melayu penuh. Saya tidak tahu kenapa dalam keadaan tertentu tidak ada. Ini soalan pertama.

Kedua, Timbalan Menteri, saya ingin menarik perhatian Timbalan Menteri di muka surat 93 terutama sekali di bawah seksyen baharu yang akan diperkenalkan iaitu di bawah perenggan 113 yang dikatakan, "Akta Ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 145A, seksyen yang berikut." Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya baca sedikit, "*Protection against suit and legal proceedings.*"

Secara keseluruhan, apa yang diminta di bawah seksyen ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah imunisasi mutlak. Maksudnya imuniti mutlak kepada pegawai kastam. Kita pun tahu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita ada akta khusus dipanggil *Public Authorities Protection Act*, dengan izin. Memang itu digunakan untuk memberi pertahanan kepada pegawai-pegawai kerajaan terutama sekali yang bertugas. Dalam akta tersebut, diberi keadaan khusus melainkan mereka cuai. Akan tetapi sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ini saya tegaskan, ini sudah jadi satu trend yang saya rasa saya tidak bersetuju. Saya tahu semenjak tahun 2008 saya di Dewan Rakyat pun dahulu, semuanya kalau boleh hendak bagi imuniti langsung...

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlindungan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** ...Perlindungan langsung sehingga di sini apa yang diminta di bawah seksyen 145B ini dengan izin, *complete protection.*

Jadi saya ingin tegaskan di sini, Dewan yang mulia ini juga bukan sahaja perlu memihak kepada kerajaan hari ini terutama di bawah agensi Kastam untuk jalankan tugas tetapi kepada mereka-mereka yang mungkin teraniaya. Jadi kalau mereka tidak mempunyai hak untuk mempertahankan diri, saya khuatir ia mampu disalahgunakan.

Perkara ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua lebih maklum selaku pengamal undang-undang. Kadang-kadang orang awam ini dia tidak mempunyai kelebihan seperti penjawat-penjawat yang lain terutama sekali dalam membela diri. Kadang disebabkan tidak mendapat peguam dan sebagainya. Saya rasa perkara ini perlu dilihat semula dan kalau boleh dipertimbangkan oleh Menteri mahupun pihak Peguam Negara yang membantu *drafting*, peruntukan ini tidak diperlukan. Kenapa kita perlu beri sehingga dibayangkan di sini, dengan izin, dibaca di sini, dia kata... *[Membaca petikan]* “*No action, suit, prosecution or other proceeding share lie or be brought, instituted or maintained in any court against*

- (a) *any officer of customs;*
- (b) *any police officer having the powers over senior officer of customs...”*

Sehingga ke bawah itu yang... “*For or in respect of any act, neglect or default done or committed by him or it in good faith...*”

Maksudnya, dia bagi keadaan tetapi kalau kita melihat, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, di bawah *Public Authorities Protection Act* (PAPA), dia bagi dekat situ kita hendak saman kerajaan pun ada had dia, masa dua tahun. Lepas itu pula dia bagi dekat situ pula dua tahun itu tidak akan terpakai kalau ada kecuaian. Jadi di sini kalau kita hendak memberi- sekali lagi, Yang Berhormat Menteri, saya mohon penjelasan. Yang Berhormat Menteri boleh *check* dengan pegawai. Kenapa peruntukan ini diperlukan? Kenapa keistimewaan ini perlu diberikan sangat kuat kepada pihak Kastam? Apa keadaan yang istimewa tersebut? Perlu penjelasan. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Nga.

#### 4.18 ptg.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kontroversi yang bangkit terhadap seksyen 22B, saya mohon beri penjelasan dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi pihak Kementerian.

**Tuan Nga Hock Cheh:** *On the subsection 3, the...*

**Tuan Yang di-Pertua:** *On behalf of the Minister, Yang Berhormat?*

**Tuan Nga Hock Cheh:** *No, I just want to give some assistant to the Dewan.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Nga Hock Cheh:** *The issue whether Limitation Act should apply or otherwise, would depend on the wisdom of the MOF. What my learned friend Senator Datuk Theodore Douglas*

*and Senator Tuan Mohd Yusmadi says, it is contrary to justice for the provision to prevail over the Limitation Act.*

▪ 1620

*So, if indeed you want to put this provision inside, then probably it be clearer if we reconstruct the sentence to say, “notwithstanding the provisions of Limitation Act 1953 [Act 254], the Limitation Ordinance of Sabah, Sabah Chapter 72 or the Limitation Ordinance of Sarawak, Sarawak Chapter 49, any penalty imposed under this act shall be recoverable as if the penalty were Custom duty due and payable under this act and accordingly the subsection... bla bla bla, shall not apply”. Then, it will be clearer. Instead with notwithstanding.*

*Otherwise, they were some confusion by my other learned friend that the provision is not relevant but actually, the MOF is trying to take this provision out of the Limitation Act, involve Malaysia, Sabah and Sarawak. So, which is not fair. Then sometimes, record have to kept indefinitely. How can you expect the person to keep- how long to keep this record? So, I am inclined to share this sentiment expressed by Yang Berhormat Senator Theodore Douglas Lind and Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Perhaps there should be a fair period. After all, we believe in efficiency in our government’s department. Thank you.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Thank you. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih semua Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan tadi.

Saya hendak mulakan dengan ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator-senator yang mengambil bahagian pada hari ini kerana saya tidak kena *bombardment*, cadangan dan soalan yang sebegini daripada Dewan Rakyat... [Tepuk] Jadi, tahniahlah. Ini bukan excuse tidak mahu hendak bagi jawapan pula ini, tidak. Okey perkara yang telah- antara yang dibangkitkan tadi ialah tentang pindaan seksyen 22B(3) dan sama ada *Limitation Act* itu perlu dilaksanakan ataupun tidak.

Pindaan ke atas seksyen 22B ini, Akta Kastam ini untuk membenarkan apa-apa duti Kastam, surc妖, penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar di bawah akta didapatkan balik sebagai hutang sivil kepada kerajaan. Itu kita maklum. Jadi, pindaan ke atas seksyen 22B(3) ini adalah perlu bagi membolehkan kerajaan mendapat duti, fi, penalti atau apa-apa wang yang dituntut di bawah akta tanpa terikat dengan had masa yang dinyatakan dalam undang-undang bertulis yang lain.

Pindaan ini juga adalah selaras dengan perundangan lain yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia seperti Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Pihak Kastam merasakan bahawa apa-apa duti yang sepatutnya dibayar oleh mana-mana pihak yang kemudiannya sama ada mereka *declare wrongly* Tuan Yang di-Pertua, ataupun tidak *declare langsung*. Kemudiannya sudah tentu kalau kita dapat *trace* perkara ini awal, sudah tentu kita akan membuat tuntutan ini tepat pada masanya.

Oleh sebab memang JKDM adalah antara agensi yang ditubuhkan untuk memastikan kita dapat mengutip sebanyak mungkin yang menjadi hak kerajaan yang kemudiannya hendak kita belanjakan balik kepada rakyat. Jadi, seperti yang disebutkan tadi, kadang-kadang kita *find out* benda ini lambat ya. Jadi, selaras dengan juga perundangan lain yang ditadbir oleh JKDM seperti Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang telah pun melalui Dewan kita ini dan diluluskan oleh Yang Berhormat sekalian, adalah konsistenlah.

Saya ingat selepas pendakwaan itu dibuat dan sebagainya, kita *plead* kepada mahkamahlah untuk membuat keputusan yang sewajarnya sama ada tuntutan kita itu adalah suatu yang munasabah dan boleh dipertimbangkan. *Bottom line* nya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya *what is due to the goverment, has got to be paid in respect of the time frame* yang ada. Jadi, itu yang saya hendak sebutkan di sini.

Keduanya ialah...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan sikit?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Sila, sila.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, dalam konteks itu yang ingin saya tengok ialah kalau lambat dikutip disebabkan *inefficiency* contoh, ia akan menjadi zalim kepada rakyat kalaularah pegawai Kastam tidak buat kerjalah, dia tunggu sampai lebih enam tahun. Oleh sebab setahu saya, Akta Had ini, pegawai AG boleh bagi tahu, ia kalau dalam konteks katalah saya rakyat, saya ada melakukan *fraud*, saya yang menyorokkan, saya secara tidak jujur yang menyorokkan benda tersebut.

Jadi, enam tahun itu sebenarnya ada *exception* di dalam *Limitation Act*. Cuma kita tidak hendak secara terus, langsung memberi *exception* tersebut, keistimewaan tersebut kepada Kastam yang mana Kastam tidak membuktikan bahawa kenapa dia tidak tuntut dalam enam tahun itu. Adakah dalam gerak kerja Kastam sekarang ini, beban ia terlalu banyak sehingga memang ia tidak akan boleh berlaku efisien dalam tuntutan dalam masa enam tahun?

Oleh sebab saya tahu kalau benda yang melangkaui enam tahun atau kadang-kadang kita hendak saman kerajaan kalau ada berlakunya perkara-perkara yang penipuan dan sebagainya, ia tidak terpakai. Jadi, saya hendak tahu apa beban, apa masalah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun hendak tahu Yang Berhormat, melarikan cukai ini adakah satu kesalahan? So, Ahli-ahli Yang Berhormat ini sebelum hendak tanya ini, kesalahan itu kita tutup?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, saya hendak tahu, contohlah saya bagi. Tidak bayar cukai ini adalah satu kesalahan. Yang tahu itu, yang betul-betul yang tahu itu salah kah, betul itu orang yang hendak bayar cukai. Masalah di sebelah kementerian ini, di bawah peruntukan ini, dengan izin, *they don't want to put a limitation when they find out, if they find out.* Kalau kita yang melarikan cukai ini hendak minta enam tahun lopus hutang. Ini saya biar kementerian. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tolong jawab pula. Ya, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kena berikan sedikit kepercayaan kepada Jabatan Kastam. Seperti yang saya sebut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. Yang Berhormat, soalan mereka itu memang soalan yang munasabah.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi dari segi mereka tengok ini secara sivil. Betul, yang itu memang kedua-dua pihak tidak tahu. Akan tetapi dari segi jenayah dan sebagainya, kalau melarikan cukai ini secara niat. *That is why the government, dengan izin, not taking an action* dari sebelah *criminal.* Fasal *intention* itu kena *proof.* Ini bukan saya hendak sokong kementerian, esok saya pun mana tahu mereka masuk, *check* saya punya akaun. Ini secara keseluruhan lah saya hendak bagi tahu. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada dasarnya, sesiapa sahaja dengan sengaja ataupun mungkin tidak sengaja tapi itu perlu dibuktikan di mahkamah, *especially* yang sengajalah, *evade* dari membayar duti ataupun cukai kepada kerajaan yang kemudiannya niat kerajaan adalah untuk menambahkan *coffer* kita yang akhirnya dapat kita kembalikan kepada rakyat ya.

Dasarnya itu Tuan Yang di-Pertua dan bukan kerana ianya suatu tidak efisiennya pegawai kita itu. Kadang-kadang ada perkara-perkara yang di buat *declaration.* Akan tetapi *under declare* yang kemudiannya kita dapat tahu bahawa dia *under declare* dan yang lebih teruk ini ialah yang mereka yang dengan sengaja *evade* langsung untuk membuat pembayaran. Oleh sebab itu, selaras dengan perundangan lain yang di bawah Kastam ini, termasuk Akta Cukai Jualan dan

Perkhidmatan itu, kita secara spesifiknya minta untuk tidak dikenakan di bawah *Limitation Act*. Sebaik sahaja kita mendapat maklumat atau mengetahui perkara ini berlaku, kita masih boleh lagi bertindak walaupun ianya telah melebihi had yang disebutkan dalam *Limitation Act*.

■1630

Saya sedang cuba mendapatkan sedikit kepastian. Saya rasa di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri, ia adalah juga serupa. Maknanya kerana ini suatu perbuatan yang tidak bertanggungjawab, sengaja melarikan diri daripada membayar cukai tetapi *I stand corrected, if that's wrong, saya tengah tunggu pengesahan daripada pihak yang berkenaan.*

Berkenaan dengan- dibangkitkan juga tadi tentang Yang Berhormat Senator Datuk Theodore tadi bangkitkan tadi perkataan *conveyance* yang tidak dipersetujui kerana ia bermaksud ‘proses pemindahan’.

Perkataan “*conveyance*” telah ditafsirkan secara spesifik di bawah seksyen 2, Akta Kastam 1967 sebagai terma baru yang merangkumi *vessel, aircraft, vehicle, train, barge, pipeline, electrical grid and all other means of transportation*. Oleh yang demikian, tafsiran ini terpakai bagi tujuan akta ini secara khusus dan bukannya mana-mana tafsiran yang lain. Ya, Yang Berhormat?

Kemudian, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang telah membangkitkan tentang pengimportan secara *online*. Di bawah Akta Kastam dan Akta Cukai Jualan mengecualikan duti atau cukai bagi pengimportan barang melalui kurier servis yang mempunyai nilai tidak melebihi RM500 *per consignment*. Jadi, ya saya faham tadi Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang kata, yang masuk banyak-banyak ini macam mana ini? *Value* bawah RM500 dikecualikan. Barang yang lain kita akan kenakan cukai.

Berkenaan dengan bagaimana hendak menangani penyeludupan melalui pindaan akta ini. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator tadi yang membangkitkan mengenai penyeludupan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Razali?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang juga ya? Setiap pulau bebas cukai ada pusat kawalan kastam dan juga pejabat kastam. Peruntukan daripada segi kawalan kastam dan lain-lain cukai ada diperuntukkan di bawah Akta Kastam 1967 untuk setiap pulau bebas cukai termasuk Pangkor.

Maknanya kita ada *office*, kita ada pegawai seperti mana Yang Berhormat Senator sekarang kalau pergi ke Langkawi, memang kita akan ada, *quite a bit set up* di Langkawi itu, *not so much* sebab nanti yang keluar masuk itu kita nak kutip cukai walaupun yang tidak layak sebab

benda yang *duty free* itu dia dah bawa masuk ke Malaysia secara amnya dan dia tak cukup had, dia tinggal bermalam di sana atau membawa lebih daripada yang dibenarkan. Bukan setakat itu tetapi kita ada *enforcement unit* yang agak- termasuk mereka ada bot untuk mengejar dan sebagainya.

Sebagai contoh, baru-baru ini di Langkawi dan juga kita ada buat juga di Sabah dan juga di Sarawak, telah ditangkap kemudian mereka ini telah didakwa di mahkamah kerana di dalam bot yang mereka bawa masuk itu ada rokok-rokok yang kita percaya diseludup dan tidak dibayar cukai. Jadi, untuk tujuan itu saya ingat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu- ya kita tak kata kita boleh dapat banteras 100 peratus tetapi secara keseluruhannya rasanya ada tindakan yang kita buat untuk tujuan tersebut.

Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator sahabat saya, Tuan Mohd Yusmadi. Dia panggil kakanda dekat saya, dia ingat dia muda lagi *kot* daripada saya itu. Tak tentu lagi Yang Berhormat Senator. Seksyen ini bukanlah peruntukan imuniti kepada pegawai kastam secara total. Ia hanya memperuntukkan peruntukan *saving provision* bagi tindakan yang dibuat *in good faith*. Walaupun disebut yang tadi ada yang secara *outright* tetapi *intention* sebenarnya ialah bagi melindungi mereka yang membuat tindakan-tindakan *in good faith*...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh saya tanya sikit tak?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Boleh. Adik punya pasal.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya tanya sikit kepada Yang Berhormat Menteri. Dia, banyak ke kes yang pegawai kastam kena saman sebab kecuaian ini? Kadang-kadang bukan benda begitu. Apabila banyak kes saman ataupun tadi macam kes had, kadang-kadang kes kalah dekat mahkamah sebab pembelaan yang dibangkitkan, pembelaan had masa, jadi diperlukan datang ke mahkamah. Saya tahu trend begitu cuma nak tahu konteks fakta itu, banyak ke pegawai kastam kena saman dan bila tak ada seksyen itu, dia kalah. Itu nak tanya sikit, daripada segi faktalah untuk kita faham.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih adinda yang bertanya. Saya tak ada maklumat itu dengan saya sekarang. Jadi saya mohon untuk menjawab secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bila nak buat pindaan, pindaan itu dibuat dalam Jawatankuasa. Akan tetapi dia ada syarat, kita ada peraturan mesyuarat. Ini saya hendak bagi tahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang barulah. Dalam peraturan mesyuarat ini, kena bagi notis pada saya. Kalau dalam masa yang pendek, boleh, tetapi sehari.

So, oleh kerana tidak ada notis dan sebagainya, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat ini kerana alasan pun tak akan munasabah pasal kita ini dah beri semua akta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini telah awal. So, saya berharap akta ini saya harap tak ada masalah lagilah, semua pun peguam tetapi kena tolong baca kita punya peraturan mesyuarat dulu.

Saya bukan nak- saya nak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita faham dengan amalan kita di Dewan Negara dan Dewan Rakyat pun sama, kita ada peraturan mesyuarat. So, saya faham Yang Berhormat ini niat Yang Berhormat untuk ubah dan sebagainya tetapi dia ada *I think* saya tak payah cakaplah, dengan izin, *the procedure of the Dewan Negara* untuk meminda dan sebagainya. Silakan.

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 125 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan disokong oleh Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Marzuki bin Yahya) dan diluluskan]*

**-1640**

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.40 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, muka saya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2019 yang dicadangkan bagi meminda Akta Eksais 1976 iaitu Akta 176.

Sebahagian besar pindaan yang dilaksanakan di dalam akta ini merupakan pindaan susulan atau, dengan izin, *consequential amendments* daripada pindaan ke atas Akta Kastam 1967. Saya ulang, dia adalah merupakan pindaan susulan, *consequential amendments*, ada makna itu bila sebut dua kali itu. Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2019 ini mempunyai 80 fasal seperti berikut.

Fasal 1 dan 2 bertujuan menjelaskan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta serta untuk mengadakan dan meminda takrif bagi terma baharu dan terma sedia ada.

Fasal 3 dan 4 untuk menerangkan pelantikan "Timbalan Pengarah" serta menjelaskan kuasa pegawai polis untuk menjalankan pemeriksaan, penyiasatan, penggeledahan, penyitaan dan penangkapan.

Fasal 5 dan 6 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membuat ketetapan umum ke atas pemakaian mana-mana peruntukan akta.

Fasal 8 menyediakan peruntukan bagi barang *bona fide* dalam transit termasuk barang untuk *transshipment* tidak boleh dianggap sebagai diimport bagi maksud mengenakan duti eksais.

Fasal 11 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk meremit keseluruhan atau sebahagian duti eksais jika barang berduti yang diimport rosak, musnah atau hilang akibat kemalangan yang tidak dapat dielakkan.

Fasal 14 memperkenalkan seksyen baharu untuk mendapatkan semula duti eksais, surcaj, penalti, yuran atau wang lain yang kena dibayar sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada kerajaan.

Fasal 15 memperuntukkan skop yang lebih luas bagi pengiraan kadar duti eksais bagi barang yang dikilangkan di Malaysia.

Fasal 19 memperuntukkan Ketua Pengarah boleh mengimbangi pulang balik duti terhadap amaun yang telah gagal dibayar.

Fasal 26 bertujuan untuk menghapuskan fungsi gudang eksais awam sebagai tempat menyimpan apa-apa barang berduti.

Fasal 28 dan 29 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk meluluskan suatu gudang atau tempat lain bagi membolehkan barang berduti didepositkan serta menghalang barang berduti dikeluarkan dari kawalan eksais melainkan untuk pemindahan ke gudang berlesen lain, gudang lain atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Fasal 33 memperuntukkan tempoh bagi membuat akuan ke atas barang berduti semasa import dalam borang yang ditetapkan kepada pegawai yang hak.

Fasal 35 bertujuan untuk menghendaki setiap orang menyimpan rekod yang lengkap dan benar yang dikemas kini mengenai semua transaksi yang menyentuh atau boleh menyentuh tanggungannya ke atas apa-apa perkara.

Fasal 36 memperuntukkan kuasa kepada pegawai kanan eksais untuk menghendaki orang yang telah disita atau ditahan untuk memberikan suatu terjemahan dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris jika barang rekod, repot atau dokumen itu adalah dalam bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris.

Fasal 37 untuk menghendaki ketua stesen kereta api untuk mengemukakan invois dan bil muatan rel berkenaan barang itu tanpa suatu permintaan dibuat dan untuk menghalang kargo daripada dimuatkan atau dipunggah dari kereta api kecuali dengan kebenaran pegawai yang hak.

Fasal 38 bertujuan meminda peruntukan mengenai jumlah wang yang kena dibayar oleh nakhoda atau ejen vessel kepada pegawai kastam jika barang yang dicatat dalam daftar muatan vessel tidak memuaskan hati pegawai kastam.

Fasal 41 memperkenalkan seksyen baharu berkaitan perlindungan terhadap apa-apa tindakan saman, pendakwaan atau prosiding berhubung pegawai yang hak yang telah menjalankan tugas dengan suci hati dalam pelaksanaan kewajipannya.

Fasal 42 memperuntukkan bahawa seorang pegawai kanan eksais boleh menolak untuk berurusan dengan seseorang pekerja melainkan orang atau firma itu mengemukakan suatu autoriti yang membenarkan pekerja itu menjalankan perniagaan bagi pihaknya.

Fasal 44 memperkenalkan subseksyen baharu yang memberikan kuasa kepada pegawai eksais untuk meng-seal rumah kediaman, kedai atau lain-lain bangunan, tempat, vessel atau kapal udara atau barang, dokumen atau benda di dalam rumah kediaman, kedai atau lain-lain bangunan.

Fasal 46 memperkenalkan subseksyen baharu untuk membenarkan pegawai yang hak menggunakan peranti penjejakan atau pengesanan atau apa-apa bentuk bantuan lain dalam menjalankan tugasnya.

Fasal 48 memperuntukkan pulang balik barang yang telah disita kepada pemunya atau kepada orang yang mempunyai kawalan ke atas barang itu.

Fasal 51 memperkenalkan seksyen baharu berhubung peruntukan mengenai keterangan bagi maksud apa-apa prosiding.

Fasal 54 bertujuan meminda penalti bagi kesalahan tidak mematuhi kehendak kerahsiaan.

Fasal 58 memperuntukkan kuasa kepada pegawai kanan eksais untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang telah ditetapkan sebagai satu kesalahan yang boleh di kompaun dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sebentar tukar giliran.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, teruskan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Fasal 59 memperuntukkan bahawa kos menyimpan barang, dokumen atau benda yang disita boleh didapatkan semula dari orang yang barangnya disita sebagai suatu hutang kena dibayar kepada kerajaan.

Fasal 60 bertujuan menaikkan hukuman bagi kesalahan berhubung dengan rokok atau liquor yang dikilangkan secara tempatan dan diimport.

Fasal 64 bertujuan untuk menggantikan skala yang mengandungi nilai ambang yang baharu bagi denda dan tempoh maksimum pemenjaraan yang boleh dikenakan oleh mahkamah.

Fasal 67, 71 dan 75 bertujuan untuk mengeluarkan Pangkor daripada kawasan utama kastam dan menjadikan Pangkor sebagai pulau bebas cukai sepetimana Labuan, Langkawi dan Tioman.

Fasal 68, 72 dan 76 bertujuan untuk menjelaskan bahawa Labuan, Langkawi dan Tioman bukan suatu tempat di luar Malaysia.

Fasal 73 dan 77 bertujuan mengehendaki orang yang menjaga kenderaan, *vessel* atau kapal udara yang diangkut dari Langkawi dan Tioman ke kawasan utama kastam untuk membuat akuan dalam borang yang ditetapkan.

Fasal 79 bertujuan untuk memasukkan bahagian baharu mengenai peruntukan khas berkenaan dengan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai dan fasal-fasal lain yang tidak dinyatakan secara spesifik merupakan pindaan kecil yang bersifat editorial atau *consequential in nature* selaras dengan pindaan di bawah Akta Kastam 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Tuan Haji Marzuki bin Yahya]:** Saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Minta Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Sila.

■1650

**4.50 ptg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatulallah wabarakatuh.* Salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kita berharap pindaan akta ini akan meringankan sedikit kerja Jabatan Kastam Diraja Malaysia selain menghasilkan kutipan cukai yang lebih besar. Selain itu melalui penguatkuasaan ini, rakyat tidak lagi diperdayakan dengan barang seludup yang kualitinya tidak diketahui keselamatannya. Dalam melaksanakan tugasnya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia pasti berdepan dengan tugas yang berat khususnya di kawasan-kawasan yang mana bentuk muka buminya dan saiznya begitu besar seperti Sabah dan Sarawak. Pastinya ini menyukarkan usaha mengekang penularan dan penyeludupan termasuklah arak tiruan di negeri itu. Kita tidak mahu peristiwa tahun lalu berulang di mana hampir 50 orang maut kerana mengambil minuman tiruan keras.

Tuan Yang di-Pertua tujuan utama pindaan ini ialah menambah baik tatacara eksais khususnya yang berkaitan dengan pembayaran duti eksais. Kewajipan untuk menyimpan rekod yang berhubungan dengan perkara eksais dan penggudangan- gudang [*Ketawa*] Bukan Gudang Garam, bagi barang import. Malah, pegawai penguat kuasa eksais diperuntukkan kuasa yang lebih besar untuk meningkatkan jumlah penalti bagi kesalahan di bawah Akta 176.

Pindaan ini juga melibatkan pentakrifan lebih jelas antara Zon Bebas Cukai dengan kawasan utama kastam. Zon Bebas Cukai adalah Langkawi, Labuan, Tioman dan Pangkor. Tuan Yang di-Pertua, pada kertas Pindaan Kastam Akta Kastam 1976 yang baru dipinda ini turut dicatatkan akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

Kita berharap tambahan wang berkenaan berbaloi dengan kutipan hasil eksais selepas ia dikuatkuasakan *insya-Allah*. Selebihnya saya berharap Jabatan Kastam akan mengekalkan integriti dan prosedur kerjanya bagi menjamin aktiviti penyeludupan dan perbuatan lari daripada cukai dapat dibendung. Saya menyokong cadangan meminda akta ini terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, seorang sahaja. Diminta yang... [*Disampuk*]

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi? Sila.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh? Saya berminat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada dua poin sahaja. Poin yang pertama Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan juga Yang Berhormat Menteri yang berurusan dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU), saya difahamkan. Kenapa sekarang ini Pangkor diangkat?

Saya hendak tahu kerana dalam penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi tidak dijelaskan khusus. Ini kerana saya melihat suatu ketika kita angkat Labuan. Di bawah pentadbiran yang lalu Labuan agak kurang kompetitif. Kebetulan saya terlibat dahulu dalam usaha untuk *International Islamic Financial Market* di Labuan dan sebagainya, kita tahu itu satu keputusan yang baik tetapi satu ketika trend itu menurun. Sekarang ini kita ada cadangan baru Pangkor. Jadi, mungkin ada alasan tertentu ataupun apakah pulangan secara kasar? Itu satu.

Kedua, untuk tujuan rekod juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini lah yang dimaksudkan bahawa apabila urusan rasmi kita menggunakan naskhah Bahasa Melayu. Ini ada dua-dua. Versi Bahasa Melayu kita ada versi bahasa Inggeris. Ini saya ucapkan tahniah kepada pihak-pihak yang terlibat. Ini kerana bagi saya seperti termaktub dalam Perlembagaan

Persekutuan, dan Bahasa Kebangsaan, untuk tujuan rasmi kita perlukan Bahasa Melayu. Jadi Yang Berhormat Menteri, kita ucapkan tahniah. Jadi, itu sahaja dua poin saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi? Sila.

#### 4.56 ptg.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat petang. Saya ada beberapa pandangan terhadap pindaan terhadap Akta Eksais 1976.

Pertama Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai seksyen baharu 6A iaitu untuk memasukkan selepas seksyen enam seksyen yang berikut, "Tiada Duti Eksais di levi atas barang-barang bona fide dalam pemindahan dan pemindahan kapal." Saya rasa daripada akta yang asal itu tidak termasukkan seksyen sebegini dan ini pada pendapat saya memberi peluang kepada pembelaan seseorang yang didakwa.

Ini kerana dan ini akan menyusahkan pihak penguat kuasa kastam kerana kiranya barang-barang yang di atas kapal itu boleh dikatakan barang-barang *bona fide*. Ini kerana sering kali ia berlaku barang-barang *imported* itu di atas kapal dan dia boleh *covered under the name of* pemindahan kapal, kalau itu berlaku. Itu yang mungkin memberikan kerisauan dalam pendakwaan ataupun penguatkuasaan dan sehingga ia mungkin akan melibatkan pegawai penguatkuasaan Kastam di dakwa oleh pihak tuan punya kapal kerana ini dianggap sebagai *bona fide* dan satu lagi perhatian saya adalah mengenai seksyen pindaan ke seksyen 44B, Tuan Yang di-Pertua.

Di mana saya rasa sebaliknya ini, perlindungan terhadap saman dan prosiding undang-undang tadi saya sudah kata. Akan tetapi ini ada *qualification* iaitu suci hati or, dengan izin, *in English is good faith*. So, seseorang pegawai eksais ataupun pegawai polis semasa menjalankan tugas tidak boleh diambil tindakan saman, pendakwaan ataupun prosiding lain. Saya rasa ini pun memberi peluang untuk kita melindungi tetapi taksirannya mungkin tidak begitu jelas. Ini kerana suci hati itu terpulang kepada taksiran seseorang itu dan ini kita harus beri perhatian daripada kementerian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ada lihat satu lagi iaitu seksyen 74A Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai penalti bagi kesalahan yang berhubungan dengan data yang disimpan dalam komputer. Saya cuma hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri yang dihormati ini termasuk ke atas pegawai kastam, akta tersebut. Yakni yang mungkin memusnahkan atau merosakkan atau memadamkan atau mengubah ataupun memanipulasikan data yang disimpan

dalam sesuatu komputer di dalam pejabat yang merekodkan kesemua aktiviti ataupun perkara yang berkaitan dengan *Excise Duty*.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai penggantian seksyen 41B yang ini poin yang terakhir iaitu rekod yang berhubungan dengan perkara eksais. Dahulu, saya ingat pada eksais akta yang original, yang asal itu enam tahun disimpan rekod. Ini ditingkatkan kepada tujuh tahun, itu standard ke tujuh tahun.

Akan tetapi, saya lihat di sini rekod untuk disimpan termasuklah dari A hingga ke H- A, B, C, D, E, F, G, H banyak rekod yang disimpan seperti pengimportan, pengeksportan barang-barang ataupun semua pembayaran rekod bank termasuk surat kredit permohonan pemindahan dana, nota debit. Semua rekod perakaunan, pengurusan kewangan, rekod jualan, pembelian termasuk invois, resit, nota debit dan nota kredit dan juga rekod perniagaan termasuk perjanjian jualan, carta perakaunan, kod akses, dokumentasi program dan manual arahan sistem dan termasuk juga apa-apa rekod yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Ini kalau kita banding dengan akta yang sebelum ini, dia tidak termasuk kesemua dia cuma kata semua dokumentasi. Akan tetapi, ini akan menimbulkan masalah. Ini kerana bagi pihak yang mengendalikan perniagaan ini mereka tak tentu apa-apa rekod yang disimpan. Semua rekod mesti disimpan untuk tujuh tahun. Simpan dekat mana? Bangunan untuk disewakan dekat mana?

#### ■1700

Ini menjadi masalah, so harus diringkaskan saya harap satu *guideline* mungkin boleh dikeluarkan oleh Jabatan Kastam supaya tidak menyusahkan. Ini kerana ini terlalu banyak dan Ketua Pengarah boleh menentukan rekod lagi. Semasa mereka memeriksa, mungkin mereka hendak tanya rekod yang baru adakah ini, adakah itu ataupun mereka menciptakan sesuatu untuk supaya kita dapat mengemukakan dan itu mungkin agak mustahillah dalam sektor perniagaan. Itu saya harap boleh dipandang, diambil berat dan juga rekod komputer ini (4) “Jika rekod itu dalam bentuk yang boleh dibaca secara elektronik rekod itu hendaklah disimpan dalam apa-apa cara yang membolehkan rekod itu tersedia untuk diakses dan boleh ditukar dalam bentuk tulisan.”

Itu saya anggap *printable* lah, boleh di *print*, dicetak keluar. Nombor 5, “Jika rekod itu pada asalnya dalam bentuk kertas dan kemudian ditukar dalam bentuk elektronik, rekod itu hendaklah dikekalkan dalam bentuk asalnya sebelum pertukaran itu.” So, *meaning to say we still have to keep a hardcopy, it's not clear*. Ada akta yang lain dia katakan kita kena adakan *softcopy* dan selepas itu kita kena adakan *hardcopy* untuk tujuh tahun. So ini adalah *not clear and now*

apa yang akan berlaku jikalau ada kebakaran untuk memusnahkan rekod bertulis ini? So saya rasa saya memohonlah supaya perkara ini diteliti. Itu sahaja pandangan saya dan saya mohon sokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 5.02 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi. Saya ingat Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang hari buat kedua hari berturut-turut mengenakan pakaian baju Melayu lengkap bersamping. Cumanya semalam dia kata tak apa kalau *color* gelap isteri tak marah, tetapi hari ini saya tengok *color* makin cerah. Kita boleh bayangkan esok dan lusa ini macam mana.

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris yang telah membahaskan tadi yang dengan harapan perubahan-perubahan yang dibuat ini adalah dapat meringankan beban kerja pihak kastam. Saya *dok* rasa macam sebaliknya sebab kita telah menentukan supaya tak berlaku lagi mana-mana pihak yang mempertikaikan kuasa kastam untuk masuk, menyita atau memohon mendapatkan apa-apa maklumat bagi boleh memastikan bahawa barang-barang yang dibawa masuk itu perlu dikenakan duti dan sebagainya. Juga berharap supaya penyeludupan itu dapat kita kurangkan dan ini menjadi hasrat kita juga dan seperti yang disebutkan tadi mengharapkan supaya tragedi yang berlaku pada tahun lepas tidak akan berulang lagi.

Untuk yang dibangkitkan oleh adinda saya Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff ada dua perkara yang dibangkitkan saya pergi yang pertama dulu, kedua yang dibangkitkan itu iaitu naskhah dalam Bahasa Malaysia.

Sebenarnya naskhah sahih bagi Akta Kastam 1967 masih lagi dalam bahasa Inggeris dan saya ingat saya di dalam Dewan yang mulia ini juga saya telah mendapat teguran perkara tersebut ia memang kita telah kita akui perkara tersebut dan kita telah minta supaya proses dialih bahasakan itu...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Kalau saya boleh cadang boleh tak Tuan Yang di-Pertua?

Ini kerana sekarang ini antara perkara yang perlu dikendalikan oleh Pakatan Harapan ialah mengenai Institut Terjemahan Negara ini kononnya terpaksa dipertimbangkan dalam inilah.

Semalam Menteri Pendidikan cakap kita tak tutup tetapi apabila saya berdiskusi kepada mereka, dia kata kalau kami diberi peluang kata dapat terbit *textbook* satu pun kami boleh berdiri sendiri. Bayangkan kalau kerja-kerja penterjemahan akta ini juga diberi kepada Institut Terjemahan saya rasa mereka mampu membuat sedikit imbuhan untuk mereka berdiri. Mungkin pandangan Menteri Ekonomi.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih. Saya rasa itu satu cadangan yang baik cumanya saya tidak- *background*-nya kenapa perkara seperti ini tidak di-*outsource*-kan kepada ITBN ini saya kurang pasti tetapi itu satu cadangan yang baik. Bagi Akta Eksais seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi memang telah ada di dalam edisi bahasa kebangsaan kita dan ia telah digubal pada tahun 1976. Kemudian Yang Berhormat juga membangkitkan tentang mengapa Pangkor diangkat untuk diwartakan sebagai pulau bebas cukai, *rational behind* keputusan tersebut.

Pewartaan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai adalah bagi memenuhi permintaan dan hasrat Kerajaan Negeri Perak untuk menjadikan Pangkor sebagai kawasan tarikan pelancongan. Secara kasarnya statusnya bebas cukai ini dapat menarik lebih ramai pelancong ke negeri Perak sekali gus memberi kesan limpahan ekonomi kepada penduduk tempatan seperti mana keputusan diberikan kepada Langkawi. Kemudian, saya ingin juga menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong tentang seksyen 6A iaitu bona fide itu.

Seksyen ini terpakai untuk memperuntukkan bahawa barang-barang yang dalam pergerakan transit dan *transshipment* adalah tidak dianggap sebagai import dan tidak tertakluk kepada duti eksais. Peruntukan ini terpakai dengan syarat pergerakan transit dan *transshipment* adalah bona fide ataupun *in good faith*. Sekiranya Kastam dapat pergerakan barang bukan transit dan *transshipment* ini secara bona fide ataupun sebaliknya maka barang akan dianggap sebagai *unexcisable* dan duti haruslah dibayar. Kemudian tentang 74A yang memusnahkan dalam bentuk data dalam komputer itu.

Ya dia termasuk pada mana-mana orang termasuk pegawai kastam. Mungkin kita harap tidak berlaku tetapi mungkin ada yang *collude* dengan mereka yang ini *possible* jadi mereka Pegawai-pegawai Kastam juga termasuk dalam apa yang disebutkan tadi. Seksyen 41B, rekod berhubungan dengan perkara eksais. Rekod-rekod yang dikehendaki disimpan hanyalah yang berhubung dengan aktiviti di bawah eksais iaitu pengimportan barang berduti eksais dan pengilangan barang berduti eksais. Maknanya yang berkaitan aktiviti yang mana kita boleh dapatkan eksais daripada dia itu sahaja.

Kastam dari semasa ke semasa akan mengeluarkan garis panduan berhubung perkara ini iaitu dokumen-dokumen yang mana perlu disimpan seperti yang dicadangkan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong tadi. Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 80 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Marzuki bin Yahya) dan diluluskan]*

■1710

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG ZON BEBAS (PINDAAN) 2019

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.11 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, muka saya lagi. Saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini melibatkan lima peruntukan baharu dan 12 peruntukan sedia ada yang ditambah baik dengan tujuan untuk meningkatkan penguatkuasaan dan kawalan Kastam bagi mengelakkan ketirisan hasil kerajaan melalui zon bebas. Saya mohon

untuk menghuraikan setiap fasal mengenai Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2019. Rang undang-undang ini mempunyai 18 fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 untuk meminda takrif perkataan tertentu dan mengadakan definisi bagi “pemunya” dan “Pangkor”.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 7 yang memperuntukkan bahawa barang yang digerakkan daripada kawasan utama kastam ke dalam zon bebas hendaklah menjadi seolah-olah dieksport dari Malaysia.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8A dan 8B yang mengenakan tanggungjawab ke atas orang yang membuat pengisytiharan untuk memberikan perakuan yang lengkap dan benar tentang barang tersebut serta tanggungjawab ke atas pemunya barang atau operator kedai atau gudang, bangunan lain, tempat atau premis dalam zon bebas untuk menjelaskan tentang semua barang yang disimpan dalam premis. Sekiranya didapati terdapat kekurangan, ia dianggap sebagai telah digerakkan secara tidak sah daripada zon bebas ke dalam kawasan utama kastam dan barang itu dianggap barang tidak berkastam dan tertakluk kepada duti.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 9 yang memperuntukkan penalti yang lebih berat untuk mengelakkan penyalahgunaan ataupun manipulasi kemudahan dan prosedur kastam dalam zon bebas.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10A yang menghendaki setiap orang untuk menyimpan semua dokumen dan rekod yang berkaitan dengan aktiviti pengimportan, pengeksportan atau pengilangan barang dalam zon bebas bagi tempoh tujuh tahun.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 14 bagi memberikan kuasa kepada pihak berkuasa untuk meluluskan pembinaan bangunan dan struktur lain di dalam zon perindustrian bebas dan zon perdagangan bebas.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 15 bagi memberikan kuasa kepada pihak berkuasa untuk menghalang mana-mana orang daripada memasuki atau bermastautin dalam zon perdagangan bebas dan zon perindustrian bebas.

Fasal 9 bertujuan meminda subseksyen 17(2) untuk menjadikannya mandatori bagi pihak berkuasa untuk mengemukakan laporan tahunan mengenai zon bebas kepada Menteri dan Menteri boleh menetapkan bentuk laporan dan maklumat yang dikehendaki.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 18 yang memperuntukkan bahawa maklumat atau dokumen yang telah diberikan telah dikemukakan dengan tidak sengaja atau tanpa niat jenayah atau *fraud*, atau disalah tafsir atau tidak ditafsirkan sepenuhnya oleh seorang penterjemah yang disediakan oleh orang yang telah memberikan maklumat atau dokumen itu tidaklah menjadi suatu pembelaan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 19 berkaitan penalti am untuk memasukkan hukuman penjara dan untuk meningkatkan amaun denda.

Fasal 12 bertujuan memasukkan seksyen baharu 20A bagi membenarkan pegawai kanan kastam mengakses mana-mana kedai atau gudang atau bangunan lain, tempat atau premis dalam zon bebas bagi menjalankan penyiasatan dan, sekiranya perlu, menggunakan kekerasan.

Fasal 13 dan 14 bertujuan untuk meminda seksyen 21 dan 22 untuk memasukkan tempat lain atau premis bagi tujuan geledah dengan atau tanpa waran.

Fasal 15 bertujuan meminda seksyen 23A bagi memperuntukkan mana-mana pegawai kastam untuk menguatkuasakan kuasanya di bawah seksyen 20A, 21, 22 dan 23 hendaklah diberi akses kepada maklumat berekod ataupun data berkomputer.

Fasal 16 bertujuan menggantikan seksyen 33 untuk menetapkan peruntukan berkenaan pengkompaunan kesalahan supaya lebih teratur.

Fasal 17 bertujuan memasukkan seksyen baharu 41A berkenaan peruntukan dan untuk mendapatkan semula apa-apa cukai yang tidak dibayar, duti atau bayaran sebagai hutang sivil. Ia juga memperuntukkan bahawa jika duti kastam tersebut merupakan duti yang telah diperuntukkan bagi negeri di bawah fasal 112C Perlembagaan Persekutuan, pembayaran hendaklah dibuat kepada kerajaan negeri.

Fasal 18 bertujuan untuk menyediakan peruntukan kecualian bagi seorang yang sebelum berkuat kuasanya pindaan ke atas seksyen 14 dan 15 telah menetap dalam zon perdagangan bebas dibenarkan untuk mengambil, memegang atau menikmati harta alih atau harta tidak alih serta peruntukan kecualian berkenaan bangunan yang masih dalam pembinaan pada masa kuat kuasanya akta yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Perbahasannya kita minta dulu Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

### 5.18 ptg.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk perbahasan rang undang-undang Akta Zon Bebas 1990.

Memang kita tahu bahawa Rang Undang-undang Zon Bebas ini ada 18 fasal dan saya tengok setiap fasal ini memang baik di mana untuk menguatkuaskan undang-undang. Kastam juga perlu diberi kuasa untuk mengutip cukai-cukai untuk negara kita. Oleh sebab ramai juga yang lari daripada cukai ini, maka itu kerajaan memerlukan satu pendekatan yang kuat.

Saya juga meneliti serba sedikit 18 fasal ini di mana jumlah penalti seperti sampai RM500,000. So, ini bagi saya satu bentuk penalti yang baik untuk memperkuuhkan kutipan oleh Kastam dan juga kawasan bebas cukai ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang kita ada beberapa tempat kawasan bebas cukai ini seperti di Pulau Tioman di Pahang, negeri saya, dan yang paling *famous*, dengan izin, Pulau Langkawi. Sekarang ini Pulau Pangkor yang akan menjadi kawasan zon bebas cukai. Persoalan saya, apakah impak ekonomi yang boleh dirasai ataupun dinikmati oleh penduduk di Pulau Pangkor ini apabila diwartakan sebagai kawasan bebas cukai?

### ■1720

Seperti yang kita tengok, kawasan bebas cukai yang ada pada hari ini seperti di Pulau Tioman sebagai contoh, memang kawasan bebas cukai itu ada tetapi saya belum nampak kesan ekonomi yang dirasai oleh penduduk di situ, di Pulau Tioman ini. DUN Pulau Tioman itu di Pahang, ini pun dalam DUN Tioman ini, di Pulau Tioman ini.

Jadi, kalau kita buat satu lagi Zon Bebas Cukai di Pulau Pangkor ini, adakah mengalami nasib yang sama seperti di Pulau Tioman ataupun di Labuan sebagai contoh? Akan tetapi yang berjaya saya tengok di Pulau Langkawi. Ini sebab kalau seperti di Pulau Pangkor Yang Berhormat Menteri, jumlah penduduk 25,000 orang. Sempat tadi ini tengok, keluasan 2,200 hektar, tidak besar dan ada tempat-tempat yang menarik seperti Kota Belanda, Batu Bersurat, Pantai Puteri Dewi, Pantai Pasir Bogak, Teluk Nipah. Akan tetapi tempat-tempat ini nampaknya kurang menarik ramai pelancong ke sana. Kita berharap apabila kawasan bebas cukai ini akan

dilaksanakan nanti, sekurang-kurangnya dapat meningkatkan jumlah pelancong ke Pulau Pangkor ini.

Sebagai contoh, saya beri contoh Yang Berhormat Menteri, jumlah pelancong ke Pulau Tioman. Pada tahun 2016, ada 249,300 orang sahaja. Pelancong Malaysia yang paling ramai iaitu 192,745 orang. Ini *based on*, dengan izin, jumlah feri yang mengangkut pelancong ke Pulau Tioman ini. Jadi, saya kira apabila kawasan Zon Bebas Cukai ini dilaksanakan di Pulau Pangkor, semoga penguatkuasaan Kastam itu perlu dipertingkatkan. Ini sebab kita tidak mahu seperti yang rakan-rakan sebut tadi, banyak penyeludupan berlaku, yang akhirnya matlamat kita untuk membangunkan kawasan tersebut tidak tercapai.

Soalan saya seterusnya berkenaan dengan seksyen baharu yang akan diperkenalkan iaitu Akta Kastam tadi, seksyen baharu 145B iaitu fasal 113 berkenaan dengan *protection against suit and legal proceedings*, dengan izin. Maksudnya, Kastam ini diberi satu imuniti supaya tidak ada pendakwaan. Maka itu, saya rasa undang-undang Kastam itu perlu diperkasakan supaya kutipan hasil cukai di Zon Bebas Cukai ini dapat dipertingkatkan. Jadi, saya rasa sekian sahaja daripada saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Dipersilakan Yang Berhormat.

#### **5.24 ptg.**

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuH.* Nampak gayanya orang lain tidak berminat untuk bahas, Tuan Yang di-Pertua. Barisan belakang ini nampak bagus. Tahniahlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak teruskan perbahasan saya, khusus kepada seksyen 8A dan seksyen 8B dalam Akta 438 yang melibatkan tanggungjawab di antara mana-mana orang yang pengisytiharan ke atas Akta 438 untuk memberikan pembutiran yang penuh dan benar tentang barang tersebut dan pengisytiharan negara asal barang tersebut. Ini memerlukan satu tindakan yang jelas dan mantap untuk mendapat kejayaan daripada hasil pindaan akta ini. Ini bermakna ia melibatkan orang yang memerlukan mereka bercakap benar dan membuat pengisytiharan yang sah, bukan palsu, bukan tipu dan juga bukan bertujuan untuk mengelakkan cukai dan sebagainya.

Dengan kata lain, seksyen baharu 8A ini sangat penting untuk menjamin atau mengenakan tanggungjawab ke atas pemunya barang atau pengendali kedai atau gedung atau

premis di mana kuantitinya cukup dan tidak berkurang. Dengan kuasa ini, duti yang dikenakan mestalah mengikut apa yang digariskan melalui akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah membabitkan fasal 13 dan fasal 14 untuk meminda seksyen 21, dan seksyen 22, Akta 438 bagi meliputi tempat atau premis bagi tujuan menggeledah. Ia memberikan hak kepada Jabatan Kastam untuk membuat penggeledahan sama ada dengan waran atau tanpa waran. Kita berharap tidak berlaku penyalahgunaan kuasa di sini, di mana peniaga hendaklah diberi hak-hak mereka walaupun boleh menggeledah tanpa waran.

Tuan Yang di-Pertua, negeri saya juga mempunyai satu kawasan bebas cukai iaitu di Tasik Kenyir. Jadi, saya lebih kurang soalan yang sama dengan Tioman tadi, apa sebenarnya yang berlaku di Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir? Perbelanjaan ratusan juta yang kita anggap sudah terbakar jauh dan hasilnya tidak seperti perbelanjaan yang dilaburkan oleh pihak kerajaan. Jadi, saya harap kita dapat sedikit pencerahan, apakah sebenarnya Zon Bebas Cukai diwujudkan? Adakah kerana politik ataupun kepentingan tertentu, sedangkan rakyat menanti bebas cukai seperti mana di Langkawi? Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun, saya menyokong pindaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak. Ada lagi?

Jadi, sukacita dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 5.28 ptg.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara keseluruhannya, pindaan yang dibuat di bawah Akta Zon Bebas ini untuk memberikan kuasa yang sah kepada pihak JKDM untuk menjalankan tugasnya.

Dalam perbahasan di Dewan Rakyat, kita mendapat teguran dengan mengatakan apakah dengan cadangan pindaan ini dan sebagainya ini akan menyebabkan pelabur- kita bercakap tentang inilah, Zon Perdagangan Bebas, macam di Penang itu kita panggil apa? Zon Perindustrian Bebas. Apakah ini akan, dengan izin, *shoo away all the potential investors* dan juga *investors* yang sedang beroperasi di kawasan-kawasan tersebut?

Jawapan yang kita berikan Tuan Yang di-Pertua, ialah sebenarnya bagi mereka yang tidak punya *intention* untuk lari dari melakukan apa-apa kesalahan yang akan menyebabkan mereka ini yang diberikan status tersebut, beroperasi dalam kawasan tersebut, boleh evade tax. Ini sebab mungkin dia buat di situ, dia tidak eksport sepenuhnya, sebagiannya dibawa masuk ke kawasan utama Kastam iaitu di tempat-tempat yang dikenakan cukai itu. Bagi mereka ini,

sudah tentu apa yang kita cuba perkenalkan ini menjadi suatu kegusaran bagi mereka. Akan tetapi bagi mereka yang *operate* secara *honest*, secara jujur dan mengambil kesempatan mereka bergerak dalam Zon Perindustrian Bebas ataupun Zon Bebas Cukai ini, sudah tentu akan dapat banyak manfaat.

■1730

Jadi secara umumnya ingin saya tegaskan di sini bahawa tujuannya ialah untuk memastikan mereka yang beroperasi dengan cara baik dan ikhlas akan dapat terus beroperasi dengan baik dan menjadi kegusaran kepada mereka yang cuba membelakangi undang-undang ini.

Tadi Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad bangkitkan tentang apa yang terjadi di negeri kelahiran beliau di Tioman yang hanya ada 249,000 sahaja yang majoriti pelancongnya adalah merupakan pelancong tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kawasan-kawasan terutamanya pulau bebas cukai yang diwujudkan, dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dijadikan sebagai pulau bebas cukai ini untuk beroperasi kerana ia kita rasakan boleh menjadi tarikan kepada pelancong untuk berkunjung ke sana. Sudah tentulah apabila ramai pelancong yang berkunjung ke kawasan-kawasan bebas cukai, pulau bebas cukai dan sebagainya ia memberikan kesan limpahan ekonomi kepada rakyat tempatan.

Kalau kita tengok tempat-tempat yang berjaya menarik lebih ramai pelancong. Kita lihat mereka mengusahakan perkhidmatan makanan, restoran akan jadi- maknanya tumbuh bagi cendawan. Mereka yang mengusahakan perkhidmatan pengangkutan akan mendapat kesan itu.

Sekarang ini mereka mengoperasikan ataupun *operate* atau menyediakan *homestay*, walaupun istilah *homestay* itu agak disalahgunakan. Sebenarnya kita hendak sebut *homestay* ini bukan *homestay*, kalau *homestay* ini duduk dengan keluarga itu bagi menikmati cara hidup mereka sebagai hendak tahu bagaimana orang bertani hidup dan sebagainya tapi lebih kepada penyediaan rumah-rumah untuk dijadikan penginapan juga akan mendapat peluang yang besar daripada ini. Hotel-hotel yang besar yang beroperasi yang memerlukan pekerja. Mereka, orang tempatan akan mendapat peluang pekerjaan daripada ini. Jadi itu yang diharapkan.

Akan tetapi sudah tentu ada faktor-faktor yang akan menyebabkan orang tertarik untuk berkunjung ke tempat tersebut sebagai kawasan pelancongan. Kalau ada *mode of transport* ke situ yang mudah dan tidak terlalu mahal. Sudah tentu ia akan menjadi daya tarikan. Contohnya, di Tioman saya ingat *airstrip* nya masih atau sudah tidak ada kot Yang Berhormat? Masih digunakan penerbangan?

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Yang Berhormat, tidak ada.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tidak ada kan? Sudah diberhentikan. Dulu Berjaya Air *kot* kalau tidak silap saya, yang ini sudah diberhentikan.

Jadi itu ke situ hanyalah tinggal mode feri. Bayangkan kalau di musim tengkujuh memang ya lah tidak ramai pergi sebab tidak tahan pun dengan keadaan gelombang yang terlalu besar. Jadi itu juga menjadi salah satu sebab kenapa kawasan pulau bebas cukai naik dan satu yang kurang naik dan sebagainya.

Jadi apa pun Pangkor ini pengharapan kita sebab dia mengemukakan permohonan daripada kerajaan negeri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini ada lagi negeri-negeri yang mencadangkan kawasan-kawasan bebas cukai ini.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mencelah?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Sila.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cadangkan kalau pulau bebas cukai ini kita buat satu *event*, acara besar-besaran. Maksudnya setahun sekali macam di Langkawi ada LIMA.

Jadi kawasan bebas cukai lain seperti di Pulau Tioman dan juga di Labuan ini tidak ada acara besar. Maka itu saya tengok- jadi kementerian, kerajaan, pihak Menteri kena tengok. Kalau di Pulau Pangkor nanti mungkin boleh buat acara besar seperti di Langkawi. Saya rasa boleh menarik pelancong ke sana. Terima kasih.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat boleh?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Sila.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Di Manjung kita ada pesta laut biasa *attract* banyak *tourist*.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Nga. Ya, saya setuju... [Disampuk]

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, boleh tidak hendak cakap sekejap? Minta penjelasan sikit, terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Balik Pulau bebas cukai, tidak ya.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sebab saya kebetulan dari Pulau Pinang. Sebab ramai penduduk Balik Pulau bekerja di *Free Trade Zone* itu. Manfaat itu dapat.

Cuma satu saya pengajaran yang saya rasa boleh dipelajari kita tidak hendak zon bebas ini yang untung tauke-tauke. Saya hendak kerajaan kalau boleh ada perancangan khusus supaya peniaga tempatan terutamanya penduduk tempatan. Biarlah satu hari itu di Pulau Pangkor itu

wujudnya satu pengusaha hebat Pulau Pangkor, mungkin mula dia berkolaborasi *kot* dengan tauke-tauke ini.

Akan tetapi kita tidak hendak zon-zon bebas ini yang untung kita tahu lah merata itu kita tengok asyik logo syarikat itu juga, orang yang sama juga. Dekat Langkawi pun dia, dekat *airport* pun dia, dekat ini pun dia, tidak payah sebut nama. Akan tetapi bagi saya bawah Kerajaan Pakatan Harapan ini perlu menunjukkan satu strategi lain agar yang menguntungkan Zon Bebas ini ialah orang tempatan juga. Mohon, saya tahu Menteri boleh buat itu [Ketawa]

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih. Sebelum menjawab Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff tadi. Ya, saya bersetuju bahawa seperti Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad sebut tadi menganjurkan *event* yang boleh menarik pelancong terutamanya pelancong luar negara sebab *spending power* mereka ini lebih besar.

Memang menjadi trend sekarang ini, contohnya program seperti *Iron Man*, ini berlaku di Langkawi yang sebenarnya bila sudah sampai ke satu tahap pihak sektor swasta yang menganjurkan ini dan dia ada *followers* dia di seluruh dunia dan apatah lagi kalau mereka pergi ke tempat memang secara *natural* nya adalah cantik dan indah seperti Tioman, Pangkor juga mempunyai tempat-tempat yang tertentu yang baik. Sudah tentu akan memberi kesan yang baik. Seperti yang disebutkan oleh Senator tadi. Itu di Lumut.

Jadi ini hendak berlaku di Pulau Pangkor sendiri. Pulau Pangkor ini ada beberapa pulau yang keliling itu termasuk dalam definisi Pangkor. Pangkor Laut tidak termasuk. Satu lagi ada Marina yang boleh dihubungi dengan jambatan sahaja. Jadi itu pun tidak termasuk sebab dari segi kawalan dan sebagainya akan menjadi sukar.

Ya, saya amat bersetuju bahawa perlu ada mungkin gerakan ini bukan daripada Kementerian Kewangan tetapi perlu ada sesuatu perancangan yang khusus supaya memastikan bahawa rakyat tempatan yang akan dapat berkembang apabila strategi menjadikan pulau bebas cukai itu berlangsung dengan baik. Kalau boleh saya bagi contoh kalau di Langkawi saya ingat rata-rata yang pergi Langkawi hendak coklat untuk anak-anak kita dan cucu-cucu kita ada satu nama akan terpahat. Itu adalah anak tempatan. Dia asal orang Padang Sera tetapi duduk di Langkawi lama sudah.

Jadi nama itu sudah jadi *brand name*. Saya tidak perlu sebut nanti jadi *promotion* pulakan. Memang ada dan kalau di Pantai Cenang, kita akan dapati pengusaha-pengusaha hotel dan motel adalah daripada kalangan orang tempatan sebab tidak semua ingin, ada sebahagian menginginkan hotel lima, enam bintang tetapi ramai, even pelancong luar negara yang lebih suka

dalam keadaan yang cukup santai. Sekali dia *booking* enam bulan sebab *rate* kita tidak tinggi. Hotel, motel yang ini, jadi dia memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk meneruskan atau mendapat habuan daripada apa yang disebutkan tadi.

Saya juga ingin sentuh sikit tentang apa Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris sebutkan tentang apa yang berlaku di negeri beliau iaitu satu kawasan bebas cukai di Tasik Kenyir. Ya, ia telah diluluskan agak beberapa tahun dulu dan kebanyakannya saya rasa mungkin kesemua pelaburan yang dibuat untuk meningkatkan kawasan tersebut sebagai kawasan bebas cukai dibelanjakan ratusan juta yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris tadi dibelanjakan oleh pihak kerajaan negeri. Saya secara *personal*nya kurang nampak dan sudah tentu ada caranya kalau kita *brainstorm* betul-betul untuk meningkatkan populariti kawasan bebas cukai Tasik Kenyir ini.

#### ■1740

Akan tetapi saya tidak berapa nampak bagaimana untuk kita hendak bangunkan Tasik Kenyir yang berada di tengah-tengah negeri Terengganu itu, jauh daripada laut dan sebagainya sebagai tempat yang mungkin orang akan pergi untuk berlibur dan sebagainya tetapi tarikan sebagai kawasan bebas cukai itu saya tidak nampak apa terutamanya rakyat tempatan yang akan menikmati daripada itu. Okey, sila.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Timbalan Menteri. Saya bertanya kerana terlampau banyak wang dibelanjakan. Akan tetapi seperti mana yang Timbalan Menteri kata tadi memang tidak nampak kejayaan sama ada rakyat tempatan ataupun kehadiran pelancong asing, tidak nampak mampu untuk merealisasikan Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir.

Jadi, saya hendak tanya apakah lesen zon bebas cukai mempunyai satu standard pencapaian? Oleh sebab kalau contoh di Tasik Kenyir ia merupakan kawasan pelancongan yang terhebat dan tercatak di dunia Tasik Kenyir, beribu-ribu pulau ada di Tasik Kenyir. Selepas itu sekarang kita masukkan lagi dengan Zon Bebas Cukai. So, ratusan juta dibelanjakan untuk membina bangunan, membina perumahan dan sebagainya untuk dijadikan Zon Bebas Cukai. So, soalan saya apakah standard sebenarnya zon bebas cukai kalau kita hendak takrif kan dia ini dia Zon Bebas Cukai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan tadi semua ini Kerajaan Persekutuan berikan kelulusan ini di atas permohonan kerajaan negeri termasuk yang terakhir ini ialah Pangkor ialah permintaan daripada Kerajaan Negeri Perak dan mereka yakin apabila status itu dapat ianya akan menggamit lebih ramai pengunjung ke sana.

Kita tidak meletakkan setelah diberikan kebenaran untuk ia menjadi kawasan bebas cukai, kita tidak meletakkan satu *threshold* pencapaian dari segi berapa ramai ia mampu meningkatkan pelancong ke sana dan sebagainya. Ia adalah terpulang kepada pihak ya lah sudah tentu pihak berkuasa Kerajaan Negeri Terengganu dan juga kalau ia mampu meyakinkan pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya contohnya bahawa dengan promosi yang baik ianya akan dapat menggantik pelancong yang lebih ramai yang dapat memberikan limpahan ekonomi yang baik kepada khususnya penduduk tempatan.

Jadi, untuk menjawab itu Yang Berhormat Senator, kita tidak meletakkan satu *benchmark* pencapaian. Akan tetapi apa-apa pun saya ingat tidak semua tempat yang Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk memberikan sebagai kawasan dinobatkan sebagai kawasan bebas cukai tetapi setelah diberikan, saya ingat kita hendak kena duduk bersekali apatah lagi seperti Yang Berhormat Senator sebutkan tadi ianya setelah dibelanjakan ratusan juta Ringgit dan untuk sebuah negeri membelanjakan amaun yang sebegini besar, saya ingat adalah satu yang besar yang sepatutnya memberikan limpahan ekonomi kepada penduduk-penduduk tempatan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang dapat saya respons daripada- sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkaskan.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Sebelum tamat ada satu soalan daripada rakyat jugalah. Takrif bebas cukai ini kepada siapa sebenarnya sebab di Kelantan ini ada dua kawasan bebas cukai di Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang. Rakyat ada bertanya ialah apabila orang tempatan atau orang Kelantan pergi membeli barang di Zon Bebas Cukai itu, keluar itu kena bayar cukai di kastam. Jadi rakyat bertanya apakah makna bebas cukai ini dan kepada siapa dibebaskan cukai ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad. Sebenarnya apabila kawasan itu diisytiharkan sebagai bebas cukai selagi mana sama ada orang tempatan masuk ke kawasan tersebut oleh sebab barangannya tidak dikenakan cukai, selagi mana dia *consume*, dengan izin, ataupun mengambil manfaat kalau benda makanan contohnya minuman, dia *consume* di situ maka dia akan mendapat satu barang yang lebih murah kalau dia pergi di luar. Akan tetapi kena *consume* dekat situlah Yang Berhormat. Jadi banyak makna yang kita boleh *consume* dekat situ.

Selain daripada itu kalau kita lihat ada pengecualian diberikan kalau di bawa masuk contohnya kita ke Langkawi, kita beli coklat yang bebas cukai, kita beli kalau kuam wanita ini

Corelle, Noritake apalah benda semua, semua ini ia ada hadnya, maksudnya kalau dia pergi lebih daripada- kalau tidak salah saya 48 jam *kot* makna lebih daripada dua hari tinggal di situ dan sebagainya dia boleh membawa keluar barang dengan had yang tertentu tanpa dikenakan cukai. Akan tetapi kalau pergi ke kawasan bebas cukai Rantau Panjang contohnya kita hendak duduk lama mana dekat situ Yang Berhormat Senator? Hotel pun tidak ada kata Yang Berhormat Senator Dato' Eng.

Jadi, maknanya kalau yang akan dapat manfaat di situ ialah pelancong luar contohnya yang datang daripada Thailand masuk ke situ dia beli barang dan selepas itu dia balik semula ke Thailand. Itu pun saya tidak pasti kastam Thailand juga ada mungkin peraturan-peraturan tertentu, ada? Apa Yang Berhormat Senator Aknan sebut ada sebab dekat dengan kawasan dia. Mereka juga akan dikenakan.

Jadi yang boleh mendapat manfaat ini Yang Berhormat Senator ialah mereka yang *operate* kedai-kedai di situ dan sudah tentu selain daripada *operate* kedai mereka juga mengambil pekerja-pekerja tempatan untuk bekerja. Jadi inilah sedikitnya antara nikmat ataupun manfaat yang diperoleh oleh mereka yang berada di situ. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya ingat itu sahaja untuk jawapan kepada perkara yang dibangkitkan. Semoga boleh balik berbuka puasa dekat rumah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Marzuki bin Yahya) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih teruskan dan kita mencari kepada perubahan, ganti, pinda mudah-mudahan untuk kebaikan kita ya. Bak kata orang tua tadi,

*Baik-baik menanam padi;  
Jangan dimakan burung belatuk;  
Biarlah yang dicari elok jangan diganti;  
Biar yang diganti lebih elok.*

Itu yang- jadi sekali lagi saya ucapan terima kasih kepada para pejuang-pejuang negara kita ini sampai hari ini kita beruntung sedikit dapat kita balik berbuka puasa dengan keluarga ya. Hari ini hari kedua kita berpuasa dan malam ini kita dapat berbuka dengan keluarga dan anak, saudara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 8 Mei 2019. Sekian, *assalamualaikum.*

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.52 petang]**